

Amanah

UNTUK AHLI SAHAJA

LANGGAN
AKHBAR
AMANAH
SEGERA!
**PERCUMA
T-SHIRT**


untuk urusan Langganan
011 3233 4322

Hantar Shahrir dan Isa ke Palestin



Kerusi Amanah kedua berkualiti selepas DAP, kata Politweet

→ ms2



Kempen boikot rugikan diri sendiri, kata penulis



→ ms6

SPR KOMPONEN BN?

SURUHANJAYA Pilihan Raya (SPR) kini didakwa benar-benar menjadi anggota komponen Barisan Nasional (BN) apabila tindakannya dalam persempadanan semula kawasan pilihan raya dilihat membantu BN agar kekal berkuasa.





Notis kedua persempadanan kawasan pilihan raya yang dikemukakan oleh SPR di Selangor sangat jelas muhambat Umno mengambil alih tujuh kerusi negeri yang diperlukan Barisan Nasional (BN) untuk menang di Selangor.

→ Lihat bagaimana kerja SPR di muka 8

PROMOSI TERBARU!!

DAPATKAN SEGERA

01132334322
untuk urusan pembelian



Kerusi Amanah kedua berkualiti selepas DAP, kata Politweet

POLITWEET merumuskan, kerusi yang diperolehi oleh AMANAH dalam pembahagian kerusi Pakatan Harapan baru-baru kedua terpaling baik diikuti oleh Amanah.


Dalam laporan analisis firma pengkaji itu, 63% dari kerusi DAP adalah condong pembangkang manakala Amanah 50% berbanding PKR (40%) manakala yang paling teruk adalah Bersatu iaitu 27%.

Ini bermakna, Bersatu mempunyai tugas paling besar untuk membolehkan PH menang dalam pilihan raya umum akan datang menukar pengundi dari menyokong Barisan Nasional (BN) kepada PH.

Kajian ini dibuat oleh Politweet selepas pembahagian kerusi diselesaikan oleh Konsvensyen PH minggu lalu.

Melalui persetujuan itu, Bersatu akan bertanding 52 kerusi, PKR (51), DAP (35) manakala Amanah (27).

Ramai penyokong Amanah tidak berpuashati dengan pembahagian ini khasnya di Wilayah Persekutuan apabila mereka tidak mendapat sebarang kerusi untuk ditandingi



Kedudukan kerusi setiap parti dalam PH dalam PRU 14 berdasarkan unjuran PRU 13 dan dua lagi senario yang dibuat oleh Politweet.

dalam PRU 14 selepas kerusi Titiwangsa diserahkan kepada Bersatu.

Johor pula tidak berpuashati kerana

mendapat hanya dua kerusi iaitu Pulai dan Parit Sulong sedangkan mereka menyasarkan kerusi Simpang Renggam.

Perak juga tidak berpuashati apabila mendapat empat kerusi sahaja iaitu Parit Gantang, Parit Buntar dan Lumut dari 52 kerusi parlimen di negeri itu.

Berdasarkan kedudukan pengundian 2013, Politweet menjangkakan DAP akan mendapat paling banyak kerusi iaitu 31, PKR (28), Amanah (18) manakala PPBM (6).

Namun, jika ini berlaku bermakna, PH hanya mendapat 83 kerusi dan gagal membentuk kerajaan.

Untuk membolehkan PH membentuk kerajaan, PH perlu kenaikan 5 mata undi yang membolehkannya mendapat 115 kerusi dalam pertandingan satu lawan satu.

Jika ini berlaku, PKR diramalkan mendapat paling banyak kerusi iaitu 44, DAP (34), Amanah (22) dan Bersatu (17).

"Dalam pertandingan tiga penjurusan antara PH dengan PAS dan BN, ia nampaknya akan menguntungkan BN.

"Jalan untuk PH menyelesaikannya adalah dengan Bersatu mendapat lebih banyak undi dari penyokong BN sebelum ini," kata Politweet dalam nyata itu.

Hantar Shahrir dan Isa ke Palestin

KEJAYAAN Pengerusi Felda, Tan Sri Shahrir Samad membuat magik dalam isu tanah Felda menyebabkan beliau kini dicadangkan dihantar ke Palestin bagi mengembalikan tanah umat Islam itu yang dirampas Israel.

"Siapa setuju orang ini dihantar ke Palestin untuk bantu ambil balik tanah yang dirampas Israel," bunyi satu posting di laman facebook yang kini ditularkan.

Turut dicadangkan oleh pengguna laman sosial adalah Tan Sri Isa Samad, bekas pengerusi Felda yang kini Pengurusi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

"Hantar Isa Samad ke Palestin

untuk lenyapkan tanah haram Israel," tulis Hamdan bin Sarabani dalam fb beliau pada 27 Disember lalu.

Pengguna FB yang menggunakan nama 'Sultan Melaka' juga membuat cadangan yang sama.

"Beta ingat kalau hantar Isa Samad ke Israel lagi bagus. Silap haribulan tanah Israel pun boleh hilang. Selamat sikit bumi Palestin," tulis beliau.

Namun begitu Shahrir menafikan kehilangan tanah itu satu sandiwara.

Shahrir menegaskan pemulangan hak milik tanah bernilai RM1 bilion di Jalan Semarak, Kuala Lumpur oleh syarikat

swasta terlibat bukan sandiwara pilihan raya.

Beliau berkata pihaknya sejak awal lagi mengambil langkah-langkah yang perlu bagi melindungi dan mengambil semula harta Felda itu.

"Sejak dapat tanah milik Felda dipindah kepada pemaju, kita telah usaha letakkan kaveat bagi melindungi tanah Felda.

"Kita telah lakukan pelbagai usaha termasuk berbincang dengan lembaga pengarah Felda, kemuka cadangan kepada perdana menteri, berjumpa peguam negara dan membuat laporan polis."

Akhbar pro BN, Berita Har-



Shahrir dan Isa patut dihantar ke Palestin untuk buat magik bagi selamatkan tanah Palestin pula.

ian adalah pihak pertama yang mendedahkan isu ini.

Sedari awal lagi, bekas salah seorang wartawan kanan akhbar itu, Hambali Abdul Latif sudah memberikan amaran, ia hanya sandiwara.

Malaysia Dateline melaporkan, semua pihak diberikan ingatan, bahawa Umno mempunyai eudang di sebalik batu apabila mendedahkan isu kehilangan tanah Felda bernilai RM270 juta di Jalan Semarak.

Bekas pengarang sebuah akhbar pro Umno yang kini Setiausaha Bersatu Terengganu,

Hambali Abdul Latif berkata, apabila Berita Harian tiba-tiba mendedahkan isu ini, ia mesti ada 'udang di sebalik batu'.

"Silap-silap Umno/BN akan menggunakan satu pelaura untuk menjatuhkan beberapa ekor helang.

"Asalkan membawa keuntungan dalam PRU14 dan Najib dapat dikekalkan kedudukannya, mangsa politik atau ekambing hitam yang terpaksa dikorbankan bukan isu besar bagi mereka," kata Hambali, bekas Pengarang Harian Metro dalam blognya.



Jelajah negara sehingga tarikh PRU

KUALA LUMPUR: Bagi mengekalkan momentum sokongan rakyat pasca Konvensyen Pakatan Harapan (PH) awal bulan lalu, jentera PH kini terus mengatur gerak bagi mendepani pilihan raya umum ke-14 (PRU-14) yang akan berlangsung pada bila-bila masa.

Presiden AMANAH Mohamad Sabu berkata, Konvensyen PH yang telah memutuskan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai calon Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah sebagai calon Timbalan Perdana Menteri dan pembahagian kerusi parlimen parti

komponen PH telah melonjakkan sokongan rakyat sekaligus menggentarkan BN.

Sehingga kini kata Mohamad, BN seperti hilang punca selepas Konvensyen Pakatan Harapan berjaya mengumumkan beberapa pencapaian penting bagi berhadapan PRU14.

"Sebagai penerusan kepada momentum ini, PH akan mengadakan jelajah ke seluruh negara bermula Februari ini sehingga menjelang pilihan raya.

"Kesemua pimpinan utama PH khususnya Tun Mahathir, Dr Wan Azizah dan lain-lain akan turut serta," katanya.

Terdahulu pada 13 Jan lalu, Mohamad yang juga Pengurus Jawatankuasa Komunikasi dan Mobilisasi PH merasmikan program taklimat penerangan jawatankuasa itu bagi zon Selatan (Negeri Sembilan, Melaka, Johor) yang diadakan di Ayer Keroh, Melaka.

Turut memberikan pengisian ialah Ketua Penerangan PH yang juga Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara Tony Pua dan Ahli Parlimen Lembah Pantai Nurul Izzah Anwar.

Program melibatkan semua jentera komunikasi dan pilihan raya keempat-empat parti iaitu AMANAH, Keadilan,

PPBM dan DAP itu bertujuan memantapkan kerja-kerja penerangan berhadapan PRU14 di samping diberi maklumat berhubung isu-isu kritikal negara.

Pada program itu juga, para peserta turut dibekalkan dengan kit penerangan berupa bahan-bahan kempen seperti bahan grafik dan video yang menyentuh isu-isu masyarakat dan negara.

Taklimat penerangan serupa akan diadakan bagi zon utara melibatkan Pulau Pinang, Kedah dan Perlis yang akan diadakan di Alor Setar pada 20 Januari ini.



Mohamad menyampaikan taklimat dalam program penerangan PH yang berlangsung di Ayer Keroh, Melaka.



Bersama para petugas penerangan PH bagi zon selatan.

Pengumuman calon PM Pakatan Harapan pengaruhi nilai ringgit

KUALA LUMPUR: Langkah Pakatan Harapan (PH) mengumumkan calon perdana menteri turut mempengaruhi trend pengukuran nilai ringgit, kata penganalisis ekonomi.

Bekas Timbalan Pengarah Bank Negara Malaysia (BNM), Dr Rosli Yaacob berkata, keyakinan pelabur terhadap ringgit sebelum ini agak goyah sehingga Tun Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan

Ismail diumumkan sebagai calon perdana menteri dan timbalan perdana menteri.

"Ini tidak boleh dinafikan. Ada tanggapan keberanian PH mengumumkan calon perdana menteri dan timbalan perdana menteri menggembirakan pelabur asing."

"Kita boleh jangka jika PH menang, pelabur akan lebih berminal melabur di Malaysia. "Bermakna pelaburan asing

langsung ke Malaysia dijangka melonjak. Reaksi awal pelabur asing memang begitu, mereka gembira dengan pengumuman itu," katanya kepada Selangorkini.

Beliau berkata, pengalaman panjang calon perdana menteri PH, Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai perdana menteri memberi persepsi positif di mata masyarakat perdagangan terhadap masa depan ekonomi negara.

Pada masa sama, Rosli berkata, peningkatan nilai ringgit turut dipengaruhi faktor lain seperti harga minyak di pasaran antarabangsa, hutang negara, pertumbuhan eksport dan kawalan import.

Sejak penghujung 2017, pemilihan Dr Mahathir sebagai calon Perdana Menteri PH mula menjadi perbualan di kalangan pemerhati politik negara sehingga menjadi tajuk berita

beberapa media tempatan dan antarabangsa.

Seiring dengan perkembangan politik itu, aliran nilai ringgit turut bergerak positif sehingga pada 5 Jan lalu nilai ringgit mencecah RM3.99 bagi satu dolar AS.

Aliran positif itu terus kekal apabila pada 7 Jan, PH pada konvensyennya secara rasmi menamakan calon perdana menteri dan timbalan perdana menteri.

PH ada atas ragui senarai daftar pemilih

PETALING JAYA: Pakatan Harapan (PH) mendapat wujud beberapa perkara yang meragukan dalam senarai daftar pemilih dan menggesa senarai tersebut diserahkan kepada parti politik bagi tujuan semakan.

Pengerusi PH, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, keengganannya

memberikan senarai daftar pemilih kepada parti politik disifatkan sebagai luar biasa sedangkan sebelum ini ia boleh diperolehi dengan caj tertentu.

"Kita akan ambil tindakan secara tersusun untuk mendapatkaninya," ujar beliau.

Beliau menambah, antara ker-

guan yang dikesan dalam daftar pemilih Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) adalah nama yang sama sehingga 900 kali, 3.9 juta pengundi yang tidak mempunyai alamat penuh dan unit rumah yang diduduki sehingga 11 hingga 15 orang daripada pelbagai kaum dan agama.

Bercakap pada sidang media selepas mempergerusikan mesyuarat PH di ibu pejabat PPBM, 16 Jan lalu, beliau menyifatkan keengganahan SPR membekalkan senarai daftar pemilih sebagai menidakkannya hak pengundi.

Katanya, pihaknya akan cuba

menggunakan saluran biasa termasuk bertemu SPR bagi mendapatkan salinan daftar pemilih.

Dalam perkembangan sama, Tun Mahathir turut menggesa Kerajaan Persekutuan menjemput pemerhati luar negara bagi memantau PRU yang bakal berlangsung kelak.


**Minda
Pengarang**

Jentera PRU14 PH perlu digerakkan segera

DENGAN semakin dekatnya Pilihan raya Umum ke-14 dengan segala riuh rendahnya, rakyat sedang memerhatikan perkembangan yang berlaku, terutama apakah selepas PRU14 ini keadaan ekonomi negara akan pulih, justeru inilah fokus utama rakyat.

Maka itu rakyat memerhatikan, malah menaruh harapan tinggi akan kemampuan Pakatan Harapan – jika menang dalam PRU14 ini – untuk melaksanakan perubahan, supaya rakyat dapat keluar dari kemelut ekonomi yang parah ini.

Pakatan Harapan sudan selesai menggagihkan kerusi parlimen kepada komponennya untuk dipertandingkan dalam PRU14 ini, sementara pembahagian kerusi di peringkat negeri sedang dirundingkan oleh komponen Pakatan Harapan yang dijangka selesai tidak lama lagi.

Yang paling penting sekarang, selepas agihan kerusi itu, ialah komponen parti – PKR, DAP, Bersatu dan AMANAH, mengatur gerak kerja pilihan raya di lapangan.

Masing-masing sudah memahami dan berpengalaman bagaimana gerak kerja pilihan raya baik di peringkat Parlimen maupun Dun. Di samping itu, yang amat penting juga ialah mengumpul dana pilihan raya.

Seperti yang dipersetujui, PKR akan bertanding 51 kerusi, Bersatu 52, DAP 35 dan AMANAH 27. Jumlah kerusi Parlimen untuk dipertandingkan di Semenanjung Malaysia ialah 165.

Tun Dr Mahathir Mohamad telah dinamakan sebagai calon Perdana Menteri (PM) PH sekiranya PH memenangi pilihan raya, sementara Presiden PKR Dr Wan Azizah Wan Ismail pula diumumkan sebagai Timbalan Perdana Menteri (TPM).

Adapun persiapan jentera pilihan raya di peringkat akar undi sangat mustahak sekali. Justru peringkat akar umbi inilah ‘medan tempur’ utama dalam petarungan setiap pilihan raya. Masing-masing parti dalam komponen PH, seperti dikatakan,

sudahpun berpengalaman lama, malah ada yang sudah berbelas-belas kali terlibat dalam pilihan raya. Oleh itu tenaga, pengalaman, kemahiran dan usaha mencari dana sangat perlu dimanfaatkan sekarang.

Sementara itu, sungguhpun pilihan raya kali ini begitu sengit dan dianggap sebagai ‘ibu segala pilhanraya’, tetapi ada tanda-tanda positif rakyat akan menyokong pembangkang – yang akan diwakili oleh Pakatan Harapan.

Gabaungan mega pembangkang ini sudahpun berikrar untuk memulihkan kedudukan ekonomi negara yang parah sekarang ini, dengan harga barang keperluan yang terus meningkat dan melembaskan, cukai GST yang sangat membebankan, harga minyak yang terus naik, pengangguran belia yang terus meningkat, nilai mata wang yang begitu rendah dan pelbagai lagi.

Memang ini beban yang sangat berat yang akan dipikul oleh Pakatan Harapan jika memenangi PRU14 nanti. Namun inilah tanggungjawab dan amanah yang akan dipikul oleh PH jika memenangi PRU14 nanti. Oleh itu betapapun sukarnya, PH berkewajipan untuk memikul amanah ini.

Yang sangat ditekankan oleh pimpinan Pakatan Harapan dalam pelbagai kenyataan mereka ialah jika mereka memenangi PRU14 ini, maka itu adalah amanah paling utama yang akan dipikul oleh Pakatan Harapan, bukan untuk glamour memegang kuasa dan menjadi pemimpin di pelbagai peringkat.

Sudah ditentukan bahawa jawatan Perdana Menteri jika PH berkasa, hanya untuk dua penggal, ini untuk mengelakkan pelbagai salah guna kuasa dan lain-lain.

Kini pemimpin PH mengatur jadual untuk menjelajah seluruh negara bagi menerangkan langkah yang akan diambil jika ia memenangi PRU14 ini.

Maha luas rahmat-Nya

Begitulah kasih-sayang Allah. Sesiapa saja boleh berkunjung, masuk dan duduk di dalam rumah-Nya yang paling agung. Hatta, manusia sebobrok Abu Jahl, bukan sekadar masuk, malah pernah merancang membunuh kekasih-Nya, di rumah-Nya itu.

Jika geng Abu yang sebobrok itu tidak Dia pengapa-apakan di rumah-Nya, tentulah tidak pelik Najib Razak dan gengnya juga berkunjung ke rumah-Nya, dan Dia tidak mengapa-apakannya. Itulah Dia, Tuhan yang Maha Luas Rahmat-Nya.

Cuma yang pelik ialah, dalam kalangan manusia ada orang yang berasa dirinya suci. Orang itu dan orang ini yang tidak bersama-sama kumpulannya, atau tidak sefaham dengannya, akan dinyaahkeluarkan daripada agama.

Kalau boleh orang yang menantangnya itu ingin dihumban ke dalam neraka pada saat itu juga. Tiada langsung belas kasihan. Seolah-olah dia lebih layak mengatas Tuhan dlm menyegerakan hukuman untuk manusia lain.

Taubat orang lain dipertikaikan, keislaman orang lain dipersoalkan, iman orang lain dinafikan bahkan kelayakan



Pencerahan Mingguan
TANWEER USBU'II

USTAZ ZOLKHARNAIN ABIDIN
Pengarah Hal Ehwal Syariah AMANAH

orang lain masuk syurga juga, dia yang tentukan. Padahal dia sendiri belum tahu nasibnya di hadapan Tuhan.

Kita bukan lawan Najib Razak dan suku-sakatnya kerana kita persoalkan iman Najib Razak atau keislamannya. Kita lawan dia kerana dia gagal dan tidak bertanggungjawab, khianat dan lembab dalam mengurus negara.

Fokus kita kini ialah membina sebuah negara yang adil dan membela warganya. Kita bina Pakatan Harapan bersama orang seperti Tun Mahathir dan Lim Guan Eng kerana kita yakin mereka berupaya membina negara yang kita dambakan.

Cukup-cukuplah perasan diri suci dengan serban kamu, keping kertas al-Azhar kamu, parti kamu dan tok guru kamu. Cukup-cukup-

lah dengan itu semua kamu jual lelong agama kamu. Cukup-cukuplah dengan itu semua kamu lingkupkan negara ini.

Kepada Najib Razak, kamu pergila Makkah seribu kali pun, minumlah air Zamzam sampai terkencing pun, tawaflah sampai tercabut buku lali pun, sujudlah di depan Kaabah sampai berleukuk lantai pun, kami akan pastikan kamu tidak berkuasa lagi selepas ini.

Buat Pas, bertandinglah 222 kerusi dan usah persoalkan bilangan kerusi kami, kerana kami tahu kamu akan menerima nasib sama dengan nasib parti Najib Razak kerana kamu sudah menjadi sekutunya. Semuanya dengan izin-Nya dan kehendak-Nya ju.



“ PRU14 adalah ruang untuk memilih mudharat yang ringan. ”

BN : Mudarat yang pasti.

RIDZWAN ABU BAKAR
Pengarah Komunikasi AMANAH Kedah



Boikot PRU14?

Sesungguhnya, hak mengundi merangkumi kebebasan untuk memangkah sesiapa atas kertas undi, merosakkan undi, mahupun tidak mengundi. Tiada sesiapapun yang menafikan hak tersebut. Apa yang dipertikaikan selama ini sejak polemik boikot PRU14 tercetus – apakah keputusan boikot PRU14, atau merosakkan undi menjadi pilihan terbaik buat Malaysia untuk detik saat sebegini?

Pelbagai perumpamaan digunakan untuk mengibaratkan pilihan raya. Masyarakat Cina suka membandingkannya dengan pilihan antara dua biji epal, anda memilih mana; antara yang lebih baik, atau mana yang kurang bonyok. Atau, persaingan antara dua buah kedai runcit – pengguna melanggani kedai yang menawarkan harga paling murah. Paling popular kini, pilihan antara Pepsi dengan Coke, apabila kedua-duanya tidak memenuhi citarasa sesetengah pengundi yang mendahagakan kelainan.

Apapun, perumpamaan sebegini ada ketebatasannya. Misalnya, jikalau anda tidak berselera dengan kedua-dua biji epal tersebut, maka anda tidak memilih kedua-duanya. Paling teruk anda tidak makan epal sahaja. Tetapi ia berbeza apabila



Siang-Malam
Lim Hong Siang

sampai ke bab mengundi – undi atau tidak, kerajaan tetap akan ditubuhkan. Malah dalam sistem pilihan raya di Malaysia, tidak timbul isu kerajaan gagal ditubuhkan lantaran peratusan sokongan yang diraih parti pemerintah lebih rendah dari paras tertentu. Di Malaysia, jikalau hanya 50% pengundi berdaftar yang keluar mengundi, dan 40% sahaja daripadanya yang mengundi BN (dalam perang tiga



penjurut), Najib Razak tetap akan bergegas untuk mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri

sebaik sahaja selepas keputusan pilihan raya diumumkan – sungguhpun BN hanya memperolehi 20% sokongan dari kalangan pengundi berdaftar sahaja.

Jadi, anda tidak menanggung apa-apa kesan seandainya tidak memilih kedua-dua epal yang tidak memenuhi selera anda. Tetapi anda akan menanggung kesan lantaran keputusan pengundi lain, lebih-lebih lagi, besar kemungkinan pengundi yang menyokong Umno-BN. Ini kerana polemik “undi rosak” kali ini tidak berlaku di kalangan penyokong tegar Umno-BN. Selagi setia dengan BN, tiada sebab mereka beralih sokongan. Dan jika cinta bertukar menjadi benci, maka mereka akan terus memangkah untuk menghumbangkan BN. Tiada undi rosak atau boikot PRU14 kedenagan dari kalangan golongan ini.

Malah, tiada usaha juga untuk “menghasut” agar penyokong BN boikot PRU14.

Begini juga perbandingan kedai runcit A dan B. Jangan sesekali kita mengasingkan PRU14 dari konteksnya. PRU14 bukan gelanggang yang sama rata untuk pertarungan antara BN dengan PH. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bukan berkecuali dan bersifat neutral sebagaimana yang sepaututnya. Kita melihat sendiri bagaimana

persempadan semula kawasan pilihan raya yang memihak kepada Umno-BN. Penyokong pembangkang dipusatkan ke kawasan tertentu, sehingga undi majoriti melambat tetapi tetap memegang hanya satu kerusi.

Dalam PRU13, daripada 10 kawasan parlimen dengan jumlah pengundi tertinggi, 9 dimenangi Pakatan Rakyat. Sebaliknya, daripada 40 kawasan parlimen dengan jumlah pengundi terendah, 39 dimenangi BN. Lebih menarik, daripada 20 kerusi parlimen yang dimenangi dengan undi majoriti tertinggi, 19 adalah milik Pakatan Rakyat. Apakah statistik di atas sekadar “kebetulan”?

Dengan kata lain, jikalau dibandingkan dengan perumpamaan persaingan kedai runcit A dan B, kita perlu sedar dengan realiti bahawa A dan B bukan bersaing secara saksama dalam pasaran, tetapi pemilik kedai runcit A berkuasa untuk menetapkan peraturan dalam pasaran itu. Hubungan kuasa ini perlu diambil kira kerana A jelas memiliki kelebihan yang tiada pada B.

Mungkin kurang adil juga untuk mendakwa bahawa BN dengan PH tidak lebih daripada Coke dengan Pepsi. Ramai yang membandingkan Najib sebagai koruptor, dan Mahahir sebagai “bekas” diktator yang belum pasti tetapi boleh jadi “bakal”. Perlu diingatkan bahawa Malaysia bukan mengamalkan sistem Republik di mana calon

presiden dipilih terus daripada rakyat, tetapi sistem kabinet di mana parti yang diberi mandat dalam pilihan raya menentukan calon Perdana Menteri.

Dalam bab ini, jikalau dibandingkan pasukan Umno-BN dengan PH, PH masih memiliki kelebihan kerana manifestonya yang lebih progresif, dan sesetengah pemimpinnya, lebih ke depan untuk memperjuangkan pendemokrasi dan reformasi. Kita mungkin sangsi dengan janji-janji parti politik, tetapi sekurang-kurangnya PH kini menjajikan semak-imbang kuasa ke atas perdana menteri dan kabinetnya. Sesungguhnya tiada politikus yang sempurna, tetapi watak-watak yang mendedahkan rasuah penguasa, menegakkan keadilan untuk mangsa kemanisan dalam tahanan, menuntut kebebasan, hak asasi rakyat dan sebagainya, kebanyakannya sedang berjuang di wadah PH, kalau bukan di NGO.

Ramai yang tidak senang dengan apa yang berlaku sekarang, khususnya mereka yang pernah menaruh harapan terhadap PH.

Persoalannya, pada zaman yang mencabar ini, apakah kebuntuan politik Malaysia boleh diselesaikan dengan undi rosak? Dan jika ditanya cucu-cicit pada masa depan, apa yang anda lakukan ketika Malaysia berada di persimpangan sejarah? Takkam dijawab “boikot PRU” saja?

Sewajarnya tiada komponen mendominasi PH

MEMANG tepat sekali kenyataan Pengarah Komunikasi AMANAH Nasional, Khalid Samad bahawa, tiada mana-mana parti akan mendominasi Pakatan Harapan seperti yang berlaku dalam komponen BN di mana Umno mendominasi BN.

Walaupun Bersatu memperoleh agihan kerusi Parlimen di Semenanjung paling banyak, ujarnya, parti dipengerusikan oleh Tun Dr Mahathir itu masih tertakluk di bawah proses semak dan imbang.

Di bawah Pakatan Harapan, kata Khalid, kedudukan Bersatu tidak seperti Umno dalam BN. Dalam BN dulu, hanya ada satu parti Melayu iaitu Umno sampai bertanding 120 kerusi.

Tetapi di dalam Pakatan Harapan, tiada parti yang mendominasi. Pakatan Harapan ada semak dan imbang seperti dalam soal rundingan kerusi ini, kita bincang, rancang dan setuju bersama, jelasnya.

Demikian kata Khalid ketika ditemubual moderator, Asyraf Wahab di saluran TV internet, Jom Channel baru-baru ini.

Ahli Parlimen Shah Alam itu berkata, Ber-

satu berbeza dengan Umno yang mendominasi BN seperti pada keputusan Pilihan Raya Umum (PRU) lalu.

“Dia (Umno) menang 88 (kerusi) iaitu lebih separuh pada pilihan raya lalu. Jadi, apa dia kata, orang lain kena ikut pasal dia majoriti. Jadi, dia boleh dominasi. Dalam Pakatan Harapan, walaupun Bersatu bertanding 52 kerusi dan itu memang jumlah yang lebih daripada DAP sekalipun, jikalau menang semua 52 kerusi pun masih tidak separuh daripada 112 kerusi untuk membentuk kerajaan.

“Inilah yang menjamin dia (Bersatu) tidak boleh buat lagi,” ujarnya menjawab kemungkinan Bersatu mengulangi kepincangan urus tadbir di bawah Umno sekiranya menang PRU14.

Adapun pemilihan Tun Dr Mahathir sebagai calon Perdana Menteri, Khalid berkata, keputusan Pakatan Harapan itu mengambil kira langkah untuk menarik

pengundi Melayu khususnya di luar bandar.

Ingatan Khalid ini, bahawa tiada mana-mana parti dibawah gabungan mendominasi Pakatan Harapan, sangat wajar diberi perhatian serius oleh semua komponen dalam

Pakatan Harapan. Ini yang nampaknya selaras dengan pandangan yang disuarakan oleh Timbalan Presiden AMANAH, Salahudin Ayub beberapa hari lalu yang mengingatkan mengenai disiplin yang perlu ada dalam komponen PH, supaya “tidak berlaku seperti apa yang berlaku dalam Pakatan Rakyat dulu.”

Oleh itu sangat wajar semua komponen dalam PH supaya mengekalkan keutuhan persepaduan yang telah dipersetujui, sama ada komponen itu parti yang lama atau baru, banyak ahli atau sedikit ahli.

Jangan ada sebarang sikap ego pimpinan atau ego mana-mana parti dan penyokong hanya kerana parti sudah lama wujud atau parti sudah banyak ahli dan

sebagainya.

Yang penting sekarang tunjukkan kepatuhan yang sudah dipersetujui dalam Pakatan Harapan. Jangan ada sebarang suara sumbang di belakang yang boleh mencederakan imej Pakatan Harapan, justeru rakyat sedang memerhati dan menilai kewibawaan PH.

Yang penting sekarang semua warga komponen PH supaya turun padang untuk melaksanakan kerja pilihan raya yang begitu rumit, memerlukan tenaga kerja yang ramai dan dana yang banyak.

Rakyat sangat menaruh harapan akan ada perubahan selepas PRU14 ini, justeru rakyat sangat merasa tertekan akan kehidupan mereka.

Jangan sibuk menghabiskan masa bersimbang di warung kopitiam, atau berdebat di WhatsApp sahaja. Ini kerana kerja penting pilihan raya sedang menanti.



CETUSAN MINDA
ABDUL SHUKUR HARUN

Disekat masuk Felda Mata Ayer, dijemput masuk Felda Chuping

BESERI: Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan (Anak) dijemput masuk ke Felda Chuping, dekat sini, 14 Jan lalu walaupun sehari sebelumnya dihalang masuk ke Felda Mata Ayer.

Presidennya Mazlan Aliman bersyukur kerana program 'Jelajah Selamatkan Felda' di penempatan Felda itu dihadiri ramai penduduk khususnya generasi kedua dan ketiga Felda.

"Meskipun disebat di Felda Mata Ayer, ia tidak menghalang masyarakat untuk hadir bagi mendapatkan gambaran sebenar kemelut Felda."

"Banyak sepaduk di pasang menghentam Anak dan Datuk Mahfuz Omar, (bagaimanapun) ia itu kecil berbanding pendedahan skandal Felda seperti tanah Jalan Semarak, FGV, kehilangan berbilion ringgit wang Felda, perumahan generasi kedua, hutang peneroka dan pendapatan rendah peneroka."

"Insya Allah, perubahan besar diyakini akan berlaku pada pilihan raya umum ke-14 (PRU14) ini," ujarnya ringkas.

Sehari sebelumnya, Mazlan dan



Mazlan dan para pemimpin PH di pntas ceramah.



Kehadiran para peneroka pada majlis ceramah Jelajah Selamatkan Felda di Chuping menggalakkan.

“Insya Allah, perubahan besar diyakini akan berlaku pada pilihan raya umum ke-14 (PRU14) ini,” ujarnya ringkas.

para pemimpin Pakatan Harapan (PH) dihalang sekumpulan anggota Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dari memasuki Felda Mata Ayer.

Mereka mendakwa kehadiran Mazlan dan PH di kawasan Felda akan memecahbelahkan masyarakat.

Pada 11 Jan, beberapa peneroka

Felda Mata Ayer membuat laporan polis terhadap Mazlan kerana mendakwa khuatir rancangan beliau berceramah di tanah rancangan itu akan menjelaskan ketenteraman awam.

Mereka ialah ketua Peneroka Felda Mata Ayer, Omar Bakar; pengurus Kami Anak Felda (KAF) Mata Ayer, Roslan Ismail; pengurus Jawatankuasa Kesela-

matan dan Kemajuan Kampung (JKKK) Mata Ayer, Ismail Bakar dan pengurus Majlis Belia Felda Malaysia (MBFM) Mata Ayer, Firdaus Amir Abdul Aziz.

Empat wakil peneroka itu membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah Padang Besar dengan diiringi Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) BN Titi Tinggi, Khaw Hock Kong.

Lanjut tempoh tahanan Anwar kerana beri kenyataan satu ugutan

KUALA LUMPUR: Kenyataan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan Mohamed mengenai tempoh tahanan Datuk Seri Anwar Ibrahim mungkin dilanjutkan jika beliau mengeluarkan kenyataan tanpa kebenaran Jabatan Penjara berbaur ugutan.

Peguam kanan, SN Nair berkata, Nur Jazlan tidak patut membuat kenyataan di luar bidang kuasanya.

"Menteri boleh membuat kenyataan politik, tetapi bukan kenyataan mengenai pentadbiran."

"Apa yang dilakukannya sekarang ialah merampas kuasa ketua pengarah kerana peraturan penjara di bawah kuasa pengarah, bukan kementerian," katanya kepada FMT sambil menambah ia adalah satu ugutan kepada Anwar.

Nur Jazlan baru-baru ini dilaporkan berkata, tindakan mengeluarkan kenyataan tanpa kebenaran pihak berkuasa boleh

memberi impak kepada tempoh tahanan ketua umum Keadilan itu.

"Kalau ada orang tengah yang membawa mesej daripada Anwar yang tidak diluluskan Jabatan Penjara, ia merupakan satu kesalahan yang boleh memberikan impak kepada tempoh tahanannya," kata Nur Jazlan.

Katanya, sekiranya ada pihak ke-3 yang membawa kenyataan daripada Anwar, tindakan boleh diambil terhadap mereka, termasuk tidak dibenarkan berjumpa Anwar lagi.

Anwar dijatuhan hukuman penjara 5 tahun yang mula dikuatkuasakan sejak 2015 dan dijangka akan dibebaskan pada 8 Jun ini, selepas diberi 1/3 remitan daripada hukumannya.

Mengulas lanjut, Nair berkata di bawah peraturan penjara, banduan dibenarkan mempunyai bahan bacaan dan penulisan.

"Hak asasi manusia harus diamalkan di penjara. Jika ban-



SN Nair

duan lain boleh menulis buku di dalam penjara, mengapa bekas ahli politik tidak boleh mengeluarkan kenyataan ringkas?" soal beliau.

Nair yang mewakili Anwar untuk kes salah guna kuasanya pada lewat 1990-an berkata, beliau pernah membawa kenyataan bekas timbalan perdana menteri itu dari penjara, kepada media.

"Saya menemuinya beberapa

kali seminggu dan membawanya surat khabar dan bahan bacaan lain," jelas beliau.

Anwar disabit bersalah oleh Mahkamah Persekutuan atas tuduhan salah guna kuasa pada 2002.

Seorang lagi peguam, Rafique Rashid Ali, berkata, hanya mahkamah mempunyai kuasa menambah tempoh penjara banduan bukannya pihak berkuasa penjara.

"Peraturan mana yang membenarkan pihak berkuasa penjara melanjutkan tempoh penjara jika banduan melanggar undang-undang kecil?

"Berdasarkan pemerhatian saya, tiada peruntukan di bawah peraturan penjara yang membenarkan ketua pengarah menambah tempoh penjara," katanya sambil menambah kerajaan dilihat cuba mengongkong hak kebebasan bersuara Anwar.

Naib Presiden Keadilan, Tian Chua yang ditahan di bawah Akta

Keselamatan Dalam Negeri (ISA) selama dua tahun bermula 2001 dan menjalani hukuman penjara September lepas kerana tidak mematuhi arahan polis berkata, beliau mengeluarkan kenyataan semasa ditahan dan tidak berdepan sebarang masalah.

Beliau mempersoalkan mengapa kerajaan 'panik' dengan kenyataan Anwar.

"Beliau mengeluarkan kenyataan sejak dipenjarakan pada 1990-an. Mengapa kerajaan memberi amaran sekarang?" soal ahli parliment Batu itu.

Ogos lalu, Jabatan Penjara menafikan Anwar memberi kommen berhubung forum "Nothing to Hide 2.0" menerusi satu kenyataan semasa beliau menghadiri prosiding kes fitnahnya di Mahkamah Tinggi.

Peguamnya, R Sivarasa menepis dakwaan jabatan itu dengan berkata, Anwar membuat kenyataan itu kerana beliau ada bersama Anwar ketika itu.



ALFAJR TRAVEL & TOURS SDN BHD

(768307-X)(KPL/LN 5056)

**20 PAX
JEMAAH
1 FREE**
*Tertakluk Terma
& Syarat

www.alfajrtraveltours.com

UMRAH
MUSIM
BIASA

HARGA PROMOSI RM4,900 (11h/09m)

CUTI
SEKOLAH

HARGA DARI RM5,690 (11h/09m)

4@5 orang sebilik

AKADEMI MUTAWWIF ALFAJR

SIRI KE-22
(17-18 MAC 2018)



INSTITUT
LATIHAN PEGAWAI
AWAM, IPOH, PERAK

SILA HUBUNGI :
EN.FAIZUL (+6012-568 1150)

Nesma Airlines
نسماء للطيران

PENERBANGAN UMRAH DARI KUALA LUMPUR TERUS KE MADINAH/MEKAH

HARGA TIKET NESMA DARI

LOW SEASON
RM2,750
(KUL/JED/JED/KUL)

PEAK SEASON
RM2,850
(KUL/JED/JED/KUL)



DISEMBER (12h/09m)(11h/09m)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
02 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,690
04 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,590
07 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,000
09 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,590
13 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,590
14 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,690
18 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,590
19 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,590
23 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,690
25 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,590
28 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,690
29 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,690

JANUARI (12h/09m)(11h/09m)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
03 JAN	KUL/MED/JED/KUL	4,990
04 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,990
08 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,890
13 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090

FEBRUARI (12h/09m)(11h/09m)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
03 FEB	KUL/JED/MED/KUL	4,990
05 FEB	KUL/JED/MED/KUL	4,890
08 FEB	KUL/MED/JED/KUL	5,090
14 FEB	KUL/MED/JED/KUL	4,990
15 FEB	KUL/JED/MED/KUL	4,990
19 FEB	KUL/MED/JED/KUL	4,990
26 FEB	KUL/JED/MED/KUL	4,890

MAC (12h/09m)(11h/09m)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
01 MAC	KUL/MED/JED/KUL	5,090
08 MAC	KUL/JED/MED/KUL	4,990
12 MAC	KUL/MED/JED/KUL	4,990
19 MAC	KUL/JED/MED/KUL	5,690

MARSHAL (12h/09m)(11h/09m)

APRIL (12h/09m)(11h/09m)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
02 APR	KUL/MED/JED/KUL	4,990
09 APR	KUL/JED/MED/KUL	4,890
12 APR	KUL/MED/JED/KUL	5,090
19 APR	KUL/JED/MED/KUL	4,990
23 APR	KUL/MED/JED/KUL	4,990
30 APR	KUL/JED/MED/KUL	4,890

MAY (12h/09m)(11h/09m)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
03 MEI	KUL/MED/JED/KUL	5,090
10 MEI	KUL/JED/MED/KUL	4,990
14 MEI	KUL/MED/JED/KUL	5,990
21 MEI	KUL/JED/MED/KUL	6,390
24 MEI	KUL/JED/JED/KUL	5,290

TEL : 03-6127 7790 016-332 4452 / 53

FAX : 03-6127 7795 EMAIL : alfajr_travelsb@yahoo.com.my

ALAMAT : C-1-08, 162 RESIDENCY, KM12, JLN IPOH-RAWANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR



UST FITRI /
HJ AZIZAN
04-480709
011-4066 0800 /
013-741 0321

PEJABAT TERENGGANU : 09-631 9931 / 013-985 8257 (HJ IBRAHIM)

MELAKA
HJ RAZAK OMAR
012-310 8464

SELANGOR
HJ NORSHAM
011-3231 4248

PERAK
EN FAIZUL
012-568 1150

KELANTAN
CIKGU NASIR
013-906 5903

PAHANG
HJ YUSOF
016-987 5115

PPINANG
UST LATIF
019-510 0255

NEGERI SEMBILAN
HJ RAZAK AMIT
017-327 2205

JOHOR
HJ KAMAR
019-776 3300

SABAH
HJ AWANG ADI
013-559 8889

SERAWAK
HJ IBRAHIM
013-823 5841

SELANGOR

BATU CAVES HJ NOORDIN
AMPANG MOHD ROZAIRIZAL
AMPANG HJ CONNIE
AMPANG HJ ROSNANI
GOMBAK USTAZ ZULFEKAR
KLANG HAJAH FARILAH
GOMBAK HJ AZMAN AGUSTINE
BATANG KALI USTAZ ANAS
SHAH ALAM HJ FAUZAN KISUT
KLANG HJ MUSTAFAR
BANDAR SERI PUTRA PN SUZANA
BANGI HJ MOHD JAJOJI
SHAH ALAM HJ HASSAN
HULU KELANG HJ ROZALI
SUNGAI BULOH USTAZ SAIFUL
BANGI HJ NORIBAH
HULU SELANGOR NORAI SHAH
SERENDAH RADZIAH MD ISA

PAHANG

BENTONG HJ ROHANI
JENGKA HJ RABIAH
KUANTAN HJ MARZIANI
PEKAN HJ YUSUF AWANG
TEMERLOH HJ JOHARI
KUANTAN HJ NORMAH
BENTONG HJ ABD MANAN
RAUB NAIM ASHAARI
FELDA BUKIT GOH HJ SHARIFAH

SARAWAK

SG.LADA, SG MIRI ASLI

Wakil Daerah

WAKIL DAERAH
SABAH HAJI RAMLI
BANDAR TAWAU HAJAH HASNAH
KALABAKAN USTAZ RAMAN LEE
WP LABUAN EN ZULKIFI
KINABATANGAN MOHD JEFRI
KUNAI ENCIK KASMAN
TAWAU MUHAMMAD TAUFIQURRAHMAN
SANDAKAN ENCIN SAHAR
KUNDAT ARRAHMIN BIN LAJAKAYA
SEMPORNA HAJI AHMAD ABDULLAH
ZAN BELURAN AWANG DAMIT
TUARAN & KB MIASIN BIN MION
BALONG HJ ROSNAH
PERAK
BOTA HJ AZIZAH
TAIPING HJ ABDUL RAHIM
IPOH MOHD ANI
MANJUNG ABDUL RAHIM CHE AWANG
BAGAN SERAI MUAWANIR MAHMUD
BAGAN DATO HAJI HAMZAH
K. LUMPUR
SEMARAK KASHPULANJAR
SEGAMBUT HJ ROHANI
DAMANSARA HAJI ROSLEE
KEPONG MEGAT NAJIB
MELAKA
BANDAR MELAKA HJ MASTURA
ALOR GAJAH M.NAZEERY
JASIN PN ROHANI HARUN

Wakil Daerah

WAKIL DAERAH
SABAH HAJI RAMLI
BANDAR TAWAU HAJAH HASNAH
KALABAKAN USTAZ RAMAN LEE
WP LABUAN EN ZULKIFI
KINABATANGAN MOHD JEFRI
KUNAI ENCIK KASMAN
TAWAU MUHAMMAD TAUFIQURRAHMAN
SANDAKAN ENCIN SAHAR
KUNDAT ARRAHMIN BIN LAJAKAYA
SEMPORNA HAJI AHMAD ABDULLAH
ZAN BELURAN AWANG DAMIT
TUARAN & KB MIASIN BIN MION
BALONG HJ ROSNAH
PERAK
BOTA HJ AZIZAH
TAIPING HJ ABDUL RAHIM
IPOH MOHD ANI
MANJUNG ABDUL RAHIM CHE AWANG
BAGAN SERAI MUAWANIR MAHMUD
BAGAN DATO HAJI HAMZAH
K. LUMPUR
SEMARAK KASHPULANJAR
SEGAMBUT HJ ROHANI
DAMANSARA HAJI ROSLEE
KEPONG MEGAT NAJIB
MELAKA
BANDAR MELAKA HJ MASTURA
ALOR GAJAH M.NAZEERY
JASIN PN ROHANI HARUN

KELANTAN

KOTA BHARU USTAZ OSMAN
PENGKALI CHPA AHMAD TARMIZI

BACHOK CIKGU NURI

NILAM PURI USTAZ MUHAMAD ZULKIFLI

TANAH MERAH AMINUDDIN AB HAMID

PASIR MAS HAJI ALIAS

N.SEMBILAN

BAHAU UST ZUBIR

NILAI YAHYA OTMAN

GEMAS RIZAL KEMIS

TELOK KEMANG ABD RAHMAN

RASAH AZMAL

SEREMBAN UBAIDAH

JELEBU HJ MAZIN

PERLIS

KANGAR MOHD SOLEHIN

KEDAH

BUKIT KAYU HITAM ABD AZIZ

JOHOR

AIR HITAM/UTHM HJ. BAHARUDDIN

PARIT RAJA HJ. YAHYA

BATU PAHAT HJ. SULAIMAN

SRI GADING HJ. ABD. JAMIL

PARIT SULONG HJ. REDZUAN

YONG PENG HJ. A. RAZAK

P. ABD. RAMDHAN HJ. A. RAHIM

SRI MEDAN HJ. RAMLI

Wakil Daerah

019-980 8538

013-972 9304

019-989 9028

SPR didakwa benar-benar jadi komponen BN

Notis kedua perempatanan kawasan pilihan raya yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) di Selangor sangat jelas mahu membantu Umno mengambil alih tujuh kerusi negeri yang diperlukan Barisan Nasional (BN) untuk menang di Selangor.

Ia membenarkan tohmahan pelbagai pihak sebelum ini bahawa SPR sudah menjadi salah satu komponen BN dan kerjanya kini memberikan talian hayat kepada mereka menjelang pilihan raya umum ke 14 (PRU 14).

Menurut kajian yang dibuat oleh Dr Ong Kian Ming, enam kerusi itu adalah Ijok, Hulu Kelang, Lembah Jaya, Cempaka (ditukar nama kepada Pandan Indah), Morib dan Sijangkang.

Lima darinya adalah kerusi yang dimenangi Pas sebelum ini manakala Ijok dimenangi PKR.

Ia dilakukan dengan mengeluarkan pengundi Cina dan memasukkan pengundi Melayu ke kawasan berkenaan.

"Bagi Pas mungkin ia menguntungkan selepas pengundi Cina tidak lagi bersama parti itu tetapi bagi PH, ia satu usaha untuk mengekang kemaraannya ke Putrajaya dan mengekalkan kerajaan negeri Selangor," kata seorang penganalisis.

Dalam PRU 13, BN mendapat 12 kerusi negeri. Tindakan ini pada dasarnya akan membolehkan BN mendapat 19 kerusi dari 56 kerusi negeri di Selangor jika cara pengundian PRU 13 kekal.

Satu lagi kerusi iaitu Bukit Antarabangsa yang dimenangi oleh menteri besar, Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali pula ditambah pengundi Cina.



Ong Kian Ming... SPR dipergunakan.

Ini dibuat dengan andaian Azmin tidak lagi mendapat sokongan pengundi Cina selepas dilihat mahu berbaik-baik dengan Pas sebelum ini, kata penganalisis itu yang tidak mahu dinamakan.

Di sini, pengundi Melayu telah dikurangkan kepada 41.6% dari 57.1% semasa PRU 13 lalu.

Pengundi Cina pula dinaikkan dari 35.6% kepada 50.5% menjadikannya kawasan ini kini bermajoritikan pengundi Cina.

Kerusi Cempaka yang dimenangi oleh Exco Selangor yang juga naib presiden Pas, Iskandar Samad dengan majoriti 9,608 kini ditukar nama kepada Pandan Indah selepas dimasukkan pengundi Melayu.

Dari hanya 53% pengundi Melayu, kini menjadi 61.7% pengundi Melayu.

Pengundi Cina pula dikurangkan dari 38.6% kepada 30.3%.

Dua kerusi negeri yang kini diwakili AMANAH, Hulu Klang dan Morib, juga teruk dikerjakan oleh SPR yang sudah dianggap salah satu komponen Barisan Nasional (BN) kini.

Di Hulu Klang, pengundi Melayu dinaikkan dari 80.8% kepada 86.6% manakala pengundi Cina dikurangkan dari 14.1% kepada 8.5%.


Kerusi ini dimenangi oleh Saari Sungib yang kini menyertai AMANAH. Beliau menang dengan majoriti 2,881 dalam PRU 13 lalu.

Di Morib, pengundi Melayu dinaikkan dari 62.5% kepada 73.4%, kenaikan 10.9%.

Pengundi Cina pula diturunkan dari 20.8% kepada hanya 11.2%.


Dalam PRU 13 lalu, calon Pas yang kini menyertai AMANAH Hasnul Baharudin menang dengan majoriti 2,942.

Figure 2: N18 Hulu Kelang Ethnic Composition (GE2013 vs Syor 2)




HULU KELANG... Dari 80.8% kepada 86.6% pengundi Melayu.

Figure 6: N53 Morib Ethnic Composition (GE2013 vs Syor 2)




MORIB... Pengundi Melayu semakin banyak di kawasan ini. Dari 62.5% kepada 73.4% pengundi Melayu.

Figure 7: N19 Bukit Antarabangsa Morib Ethnic Composition (GE2013 vs Syor 2)




BUKIT ANTARABANGSA... Dari kawasan majoriti Melayu ke kawasan majoriti Cina.

Figure 4: N21 Chempaka / Pandan Indah Ethnic Composition (GE2013 vs Syor 2)



CHEMPAKA... Pergerakan pengundi dalam DUN Chempaka yang bertukar kepada nama baru Pandan Indah. Dari 53% kepada 61.7% pengundi Melayu.

Figure 3: N20 Lembah Jaya Ethnic Composition (GE2013 vs Syor 2)



LEMBAH JAYA... Dari 54.5% ke 62.2% Melayu manakala pengundi Cina pula semakin kurang.

Apa janji Felda kepada syarikat?

Felda perlu mendedahkan apakah balasan yang dijanjikan kepada Synergy Promenade Sdn Bhd yang telah memulangkan semula tanah di Jalan Semarak kepada Felda.

Pengerusi Felda Tan Sri Shahrir Samad pada 21 Disember 2017 mengumumkan bahawa Lembaga Pengarah Felda yang bermesyuarat pada 15 Disember 2017 memutuskan untuk tidak lagi meneruskan projek Kuala Lumpur Vertical City.

Namun, Tan Sri Shahrir Samad menyatakan sebaliknya apabila ber-setuju membentarkan syarikat tersebut meneruskan projek pembangunan tersebut.

Demikian kata Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan (Anak) dan Pemuda AMANAH dalam satu kenyataan media bersama.

"Penyerahan semula 16 keping hakmilik tanah Felda yang bernilai RM270 juta oleh Synergy Promenade Sdn Bhd kepada Felda menunjukkan bahawa transaksi pindah milik tanah tersebut sejak awal lagi tidak dilakukan secara sah memandangkan syarikat tersebut tidak mempertahankan pemilikan tanah tersebut."

"Amat menghairankan bagaimana Synergy Promenade boleh menyerahkan semula hakmilik tanah tersebut dengan mudah," katanya.



Pemimpin Anak dan Pemuda Pakatan Harapan ketika melawat tanah Felda di Jalan Semarak sebelum ini.

Menurut kenyataan itu, persoalan yang timbul adalahkah benar-benar penyerahan semula hakmilik tanah tersebut dibuat tanpa sebarang balasan sedangkan Tan Sri Shahrir Samad sebelum ini mendakwa Felda tidak menerima bayaran RM270 juta untuk penjualan tanah tersebut.

Ini kerana katanya, adalah tidak logik

untuk syarikat tersebut menyerahkan semula tanah tersebut tanpa sebarang balasan. Untuk apa mereka perlu menanggung kerugian sebanyak RM270 juta.

"Maka, persoalan seterusnya, siapakah sebenarnya yang menerima bayaran RM270 juta untuk pindah milik tanah Felda tersebut?"

"Oleh demikian, pihak SPRM dan

Polis digesa meneruskan siasatan berkaitan transaksi pindah milik tanah tersebut pada tahun 2015 kerana Tan Sri Shahrir Samad sendiri mengakui ia suatu transaksi yang meragukan.

"Mana-mana individu atau pihak pengurusan Felda yang telah melakukan perbuatan jenayah hendaklah didakwa memandangkan transaksi tersebut dicemari dengan unsur fraud (penipuan) tidak dapat diketepikan," katanya.

Bagi mereka, penyerahan semula hakmilik tanah tersebut tidak membersihkan nama dan perbuatan jenayah mereka yang terlibat.

Kata kenyataan itu lagi, pihaknya mempersoalkan kenyataan Tan Sri Shahrir Samad yang mempertahankan Perdana Menteri Datuk Sri Najib Tun Razak kononnya transaksi pindah milik tanah tersebut di luar pengetahuan beliau sedangkan Perdana Menteri adalah menteri yang bertanggungjawab ke atas Felda dan pelupusan aset Felda yang mana memerlukan kelulusan Perdana Menteri.

"Seksyen 3(3)(C) dan 3(3)(Ca) Akta Pembangunan Tanah 1956 memerlukan Felda mendapatkan kelulusan menteri yang bertanggungjawab untuk mem-

suki apa apa perjanjian dengan pemaju, termasuklah projek usaha sama.

"Sepatutnya, pihak polis dan SPRM meneruskan siasatan yang bebas dan menyeluruh termasuk penglibatan Perdana Menteri DS Najib Razak.

"Usahlah Tan Sri Shahrir Samad berlagak seperti pihak penguatkuasa undang-undang sedangkan tugas hakiki Tan Sri adalah memulihkan Felda dan bukannya membersihkan nama Perdana Menteri, Najib Razak.

"Telah kami mengenai cara kes ini ditangan ternyata betul. Sekaligus, ia tidak mengubah persepsi kami dan masyarakat mengenai kepincangan pengurusan Felda yang dikawal selia di bawah Jabatan Perdana Menteri," kata kenyataan itu lagi.

Sambungnya, tindakan Felda meneruskan projek pembangunan Kuala Lumpur Vertical City di atas tanah tersebut kepada Synergy Promenade amat membimbangkan kerana kepentingan Felda begitu berisiko seolah-olah Felda bersedia masuk ke lubang ular kali kedua.

"Justeru, kami mendesak Felda mengkaji semula projek Kuala Lumpur Vertical City yang ternyata tidak mendatangkan faedah kepada Felda terutama pen-eroka," katanya.

Silap mata Felda atau silap Felda?

Oleh KANUN

Tan Sri Shahrir Samad telah mengadakan sidang media pada 15 Januari 2018 dan mengumumkan bahawa tanah Felda sebanyak 16 keping telah dipulangkan kembali kepada Felda oleh syarikat Synergy Promenade Sdn Bhd.

Pengumuman itu mencetuskan rasa curiga khalayak ramai kerana hanya 2 minggu sebelum itu telah dibuat sidang media yang menyatakan bahawa tanah Felda telah terlepas kepada syarikat itu tanpa persetujuan Felda.

Fakta yang dinyatakan adalah bahawa pindah-milik tanah itu telah dibuat secara menggunakan surat kuasa wakil (power of attorney). Rasa terpegun khalayak itu tidak dapat dielakkan kerana nilai tanah itu yang mencecah RM270 juta boleh diserahkan balik begitu sahaja tanpa apa-apa syarat kepada Felda.

Suatu proses pindah-milik biasanya akan melibatkan tempoh paling kurang 2 bulan untuk disiapkan. Namun, dalam satu proses jual beli tanah biasa, peguam lazimnya meletakkan tempoh antara 3-4 bulan untuk disiapkan jika tanah itu tidak mempunyai sekatan kepentingan seperti sekatan bahawa sesuatu pindah-milik itu mesti terlebih dahulu mendapatkan kebenaran pindah-milik daripada Pihak Berkusa Negeri.

Dalam kes Felda ini katakan bahawa ianya tidak mempunyai sebarang sekatan hakmilik pun maka proses pindah-milik semula tanah itu kepada Felda telah mengambil masa yang cukup pantas dan luarbiasa kerana hanya selesai dalam tempoh 2 minggu.

Suatu pindah-milik tanah akan melibatkan taksiran nilai atas hakmilik itu. Kalau tanah itu bernilai RM270 juta maka ianya akan melibatkan cukai duti setem ad valorem yang besar.

Duti setem ad valorem ini adalah duti dikena-

kan berdasarkan nilai yang dinyatakan dalam surat cara atau nilai pasaran yang berkaitan.

Duti ad valorem (mengikut nilai) boleh dikenakan ke atas semua pindah-milik harta tanah melainkan diberikan pengecualian khusus oleh Menteri Kewangan di bawah Seksyen 80 Akta Setem 1949.

Sejak di laman web Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta menunjukkan bahawa duti setem yang dikenakan bagi nilai pindah-milik RM270 juta adalah sebanyak RM8.094 juta.

Maka adalah tidak munasabah bahawa syarikat Synergy Promenade akan membiarkan sahaja syarikat itu kerugian membayar duti setem sebanyak RM8.094 juta itu sebelum ini dan kemudiannya memindahkan semula kepada Felda tanpa sebarang balasan.

Beberapa juga tanda-tanya wujud adakah Menteri Kewangan telah memberikan pengecualian duti setem kepada Felda apabila proses pindah-milik itu mudah-mudah sahaja dilakukan dalam tempoh 2 minggu sahaja.

Apakah alasan Menteri Kewangan untuk memberikan pengecualian itu? Sedangkan duti setem sepatutnya dianggap sebagai hasil pendapatan kerajaan.

Kita juga tertanya-tanya siapakah peguam yang menguruskan pindah-milik tanah Felda itu. Ini kerana yuran guaman bagi transaksi bernilai RM270 itu akan mencecah RM1.08 juta jika dikira atas skala fee yang ditetapkan oleh Majlis Peguam. Maka, adalah tidak masuk akal jika Synergy Promenade akan menanggung kos guaman yang tinggi itu.

Tan Sri Shahrir juga menyatakan bahawa satu memorandum persetujuan telah ditandatangani antara Felda dan Synergy Promenade. Namun, isi kandungan perjanjian itu tidak didebak kepada orang ramai.

Sepatutnya Tan Sri Shahrir membuat pendedahan yang telus dan mengemukakan fakta-fakta yang jelas kerana Felda adalah satu institusi awam. Orang awam berhak mengetahui masalah dan kerugian

yang dialami oleh Felda. Orang awam juga perlu dijelaskan apakah timbal balik yang diperolehi oleh Synergy Promenade daripada pemindahan tanah ini.

Inilah silap mata terbesar yang berlaku pada awal tahun 2018. Apakah sebenarnya musihat Tan Sri Shahrir apabila membuat sidang media bahawa tanah Felda telah hilang dan kemudiannya dalam tempoh 2 minggu membuat pula sidang media bahawa tanah Felda telah dikembalikan? Bukankah ini suatu penyelesaian ajaib? Hal ini adalah mustahil dilakukan jika melalui proses biasa melainkan secara silap mata.

Mungkin wujud sebarang unsur jenayah dan salah laku dalam pindah-milik tanah ini sehingga syarikat itu dengan sukacita memindah-milik tanah itu semula kepada Felda. Mungkin unsur jenayah dan salah laku itu digunakan untuk mengugut pihak-pihak berkaitan sehingga syarikat tersebut tiada pilihan melainkan memindah-milik tanah itu semula kepada Felda.

Walau apa pun natijahnya, kita berharap supaya hal ini tidak ditutup begitu sahaja. Pegawai dan pengurusan yang cuai dalam hal ini patut diambil tindakan sama ada melalui pendakwaan di Mahkamah atau tindakan disiplin atau tindakan sivil.

Sudah jelas wujudnya kesalahan pegawai dan pengurusan Felda dalam hal ini sehingga menyebabkan kehilangan tanah Felda. Kesalahan ini tidak wajar didiamkan begitu sahaja.

Tan Sri Shahrir perlu menggunakan kuasanya untuk mencari mereka yang bermasalah ini dan menghukum orang itu. Kesilapan Felda ini perlu ditebus dan keyakinan rakyat kepada Felda perlu dipulihkan semula.

Kemerdekaan negara diperjuang pelbagai kaum

KUALA LUMPUR: Ketua Pemuda Pakatan Harapan (PH) Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, sejarah membuktikan bahawa kemerdekaan negara diperjuangkan oleh rakyat pelbagai kaum dan bukan terhad kepada orang Melayu sahaja.

Mengulas komen-komen pemidato pada Konvensyen Kebangkitan Ummah 2018 yang diadakan baru-baru ini, beliau berkata komen-komen berunsur perkauman pada konvensyen itu bertentangan dengan semangat Malaysia dan tidak selari dengan ajaran Islam.

"Sesiapa sahaja yang tahu sedikit tentang sejarah Malaysia sedar bahawa rakyat pelbagai kaum memperjuangkan dan mati

“Pemikiran yang memecahbelahkan dan bersifat perkauman tidak akan mengangkat martabat masyarakat kita. Islam sentiasa mengajar kita tentang berlaku adil dan menunjukkan rahmat kepada semua masyarakat...”

untuk kemerdekaan negara.

"Pada masa yang sama, tidak adil untuk biasiswa dihadkan hanya untuk pelajar-pelajar satu kaum atau agama," kata beliau dalam kenyataan medianya, 15 Jan lalu.

Kata beliau, masalah yang dihadapi masyarakat Bumiputera bukan kerana adanya golongan bukan Bumiputera, tetapi kerana

pentadbiran yang lemah, kesilapan tadbir urus dan kepimpinan yang mementingkan diri sendiri.

"Jangan kita lupa Bumiputera Sabah dan Sarawak, yang mana ramai ialah bukan Islam di samping masyarakat Orang Asli."

"Pemikiran yang memecahbelahkan dan bersifat perkauman tidak akan men-

Nik Nazmi
Nik Ahmad



gangkat martabat masyarakat kita. Islam sentiasa mengajar kita tentang berlaku adil dan menunjukkan rahmat kepada semua masyarakat," kata Ketua Angkatan Muda Keadilan itu.

Menurut beliau, semua rakyat Malaysia patut menolak aliran pemikiran berbahaya yang dibawa oleh konvensyen tersebut.

Hal yang sama turut mendapat kecaman daripada Persatuan Patriot Kebangsaan (Patriot) yang menyifatkan pengerusi konvensyen tersebut sebagai 'buta fakta dan sejarah' tentang peranan orang bukan Islam dan bukan Melayu dalam memperjuang dan mempertahankan kemerdekaan negara ini.

Dr M persoal pembelian tanah RM2 bilion oleh BNM

KUALA LUMPUR: Tun Mahathir Mohamad mempersoalkan pembelian tanah bernilai RM2 bilion di Kuala Lumpur oleh Bank Negara Malaysia (BNM) baru-baru ini, dan mendakwa Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak menggunakan dana bank pusat itu untuk membeli menara Exchange 106 setinggi 106 tingkat yang sedang dibina di pusat bandar.

"Kenapa kerajaan perlukan RM2 bilion? Sebabnya kerajaan ingin beli sebahagian daripada bangunan pencakar langit 106 tingkat," kata Pengerusi PPBM itu di majlis

pelancaran PPBM Setiawangsa, 14 Jan lalu.

Exchange 106 ialah sebahagian daripada Tun Razak Exchange (TRX), dan sedang dibangunkan oleh Kumpulan Mulia dari Indonesia.

Syarikat itu membeli tanah itu pada 2015 pada harga RM665 juta, untuk membina menara TRX, yang apabila siap akan menggantikan tempat Menara Berkembar Petronas sebagai struktur tertinggi di negara ini.

Pada 4 Jan lalu, BNM dilaporkan membeli tanah seluar 22.58ha

daripada kerajaan pada harga RM2 bilion, untuk penempatan semula Universiti Kewangan Islam Global dan Akademi Kajian Syariah Antarabangsa Dalam Kewangan Islam.

Tanah itu terletak bersebelahan pusat latihan BNM, Sasana Kijang, di Jalan Dato' Onn.

Tun Mahathir sebelum ini berkata kerajaan di masa pentadbiran sedia memperuntukkan tanah untuk kegunaan BNM.

Beliau berkata kerajaan berhasrat menggunakan RM2 bilion daripada BNM untuk membeli bangunan 106 tingkat itu.

Tun Mahathir tolak pelawaan Azmin

KUALA LUMPUR: Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Tun Dr Mahathir Mohamad menyatakan hasrat untuk bertanding di tiga kerusi Parlimen sama ada di Kubang Pasu, Langkawi atau Putrajaya pada pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Beliau sekaligus menolak cadangan Menteri Besar Selangor Datuk Seri Mohamed Azmin Ali yang bersedia menyerahkan kerusi disandangnya di Parlimen Gombak selama dua penggal kepada Pengerusi PH itu.

"Terima kasih Azmin atas pelawaannya untuk saya bertanding di Gombak tetapi saya membuat keputusan akan bertanding salah satu daripada tiga kerusi itu," katanya pada sidang media selepas pelancaran PPBM Bahagian Setiawangsa, 14 Jan lalu.

Bagaimanapun beliau menyatakan belum lagi membuat sebarang keputusan kerusi mana yang akan ditandingi kelak.

Ketika berucap, Tun Mahathir yang juga perdana menteri Malaysia selama 22 tahun, berkata perjuangan PPBM adalah untuk 30 juta rakyat Malaysia.

"Setiap rakyat berhak memilih pemimpin mereka melalui cara demokrasi. Sekiranya Pakatan Harapan tidak bersatu hati, kita tidak akan mampu bersaing dalam PRU14 akan datang," katanya.

Pakatan Harapan turut mengulangi pendirian gabungan empat parti itu di dalam manifestonya untuk mengehadkan tempoh jawatan Perdana Menteri kepada hanya dua penggal selain mengangkat jawatan Menteri Kewangan daripada portfolio Perdana Menteri.

Timbalan Presiden PPBM, Datuk Seri Mukhriz Mahathir berkata, cadangan itu adalah antara manifesto pakatan pembangkang sekiranya memenangi PRU ke-14.

Pakatan Harapan akan turut mencadangkan pelantikan Ketua Polis Negara, Peguam Negara, Ketua Suruhanjaya Pilihan Raya, Ketua Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Ketua Audit Negara mesti dibuat melalui parlimen dan bukannya lantikan atas nasihat perdana menteri, katanya di majlis yang sama.

Doktor perubatan anggap cadangan TMB Kelantan 'bodoh'

PETALING JAYA: Tiada keperluan membincangkan cadangan menggunakan khidmat pakar bedah untuk menjalankan hukuman punitif potong tangan di bawah hudud, kata Timbalan Presiden Pas, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man.

Selepas saranan Kerajaan Pas Kelantan dikecam komuniti perubatan, Tuan Ibrahim memberitahu FMT, perbincangan itu tidak relevan kerana tiada undang-undang sedemikian di Malaysia ketika ini.

"Rang Undang-undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 2016 yang belum lulus pun tiada peruntukan bagi melaksanakannya," katanya merujuk RUU 355 yang dibawa presiden parti itu yang juga ahli parlimen Marang ke Dewan Rakyat sejak Mei 2016.

"Apa yang penting sebelum bincang siapa yang akan laksana, kena pastikan peruntukan undang-undangnya wujud dahulu," dalih Tuan Ibrahim.

Baru-baru ini, beberapa doktor terkemuka mengcam cadangan Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah bagi menggunakan khidmat pakar bedah untuk memotong tangan pencuri.

Mereka berkata, tugas doktor adalah untuk menyelamatkan nyawa manusia dan bukan sebaliknya.

"Dia patut tahu kerjaya perubatan kerjaya paling mulia di

dunia dan salah dari segi moral untuk mencadangkan tindakan kejam seperti itu terhadap manusia atas nama agama," kata Datuk Dr Ahmad Farouk Musa, seorang pakar bedah kardioterasik yang kini mengajar di Universiti Monash Malaysia.

Dr Farouk yang mengetuai Islamic Renaissance Front berkata, Kerajaan Kelantan sepatutnya memfokuskan masalah lain di negeri itu daripada bercakap mengenai rancangan yang belum dapat direalisasikan seperti hudud.

Padar bedah Malaysia yang berpangkalan di Amerika Syarikat dan pengulas politik, Dr M Bakri Musa turut menolak cadangan Nik Amar dengan menyifatkannya sebagai 'bodoh'.

"Mereka berada dalam kedudukan memerintah dan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi rakyat, tetapi mereka sibuk dengan perkara seperti memotong tangan," ujarnya.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdulrahman turut bersetuju Kementerian Kesihatan tidak akan membentarkan doktor menjalankan hukuman punitif potong tangan.

"Pendirian kita pada 2015 kekal hari ini. Kementerian Kesihatan dan Majlis Perubatan Malaysia sangat jelas dalam perkara itu," katanya kepada FMT.

TAWARAN ISTIMEWA

& 2017
2018**PROMOSI****SEOUL**

TARIKH	HARGA(RM)	
	DEWASA	KANAK ²
NOVEMBER 09 - 13 NOV 2017	3,150	2,840
APRIL 13 - 22 APR 2018	3,150	2,840
FEB 01 - 05 FEB 2017 08 - 12 FEB 2017	2,990	2,680

PAKEJ ZAAFARAN**PAKEJ RUMMAN****PAKEJ TAMAR**
PELBAGAI DESTINASI MENARIK!**TURKI**

TARIKH	HARGA(RM)	
	DEWASA	KANAK ²
NOVEMBER 30 NOV - 9 DIS 2017	4,199	-
WINTER 07 - 16 FEB 2018 NOVEMBER DISEMBER	4,199	-
SPRING 13 - 22 APRIL 2018	3,999	-
SUMMER 21 - 30 JUN 2018	4,100	-
AUTUMN OCTOBER	4,100	-

PAKEJ UMRAH

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
NOVEMBER 29 - 10 DIS 2017	7,950	7,650	MEKAH SAFWA TOWER (SETARAF) 50-10M	MADINAH CONCORDE HOTEL (SETARAF) 150M
FEBRUARI 14 - 25 FEB 2018	7,550	7,250		
MAC 14 - 25 MAC 2018	7,750	7,250		

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
DISEMBER 13 - 24 DIS 2017	7,150	6,800		
JANUARI 17 - 28 JAN 2018	6,890	6,590	MEKAH MALAK AT-TAQWA (SETARAF) 200-300M	MADINAH CONCORDE HOTEL (SETARAF) 150M
FEBRUARI 01 - 12 FEB 2018	6,890	6,590		
MAC 01 - 12 MAC 2018	6,890	6,590		
APRIL 04 - 15 APRIL 2018	6,890	6,590		

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
DISEMBER 18 - 28 DIS 2017	6,790	6,490	MEKAH LU'LU'AT (SETARAF) 200-300M	MADINAH CONCORDE (SETARAF) 150M
APRIL 18 - 29 APRIL 2018	5,890	5,590		

Likened to Alice in Wonderland... getting curiouser and curiouser

DISPARATE land purchases seemed to hit the media of late. It can't help the discerning public (read tax payers) to feel that something really seems amiss. Yes, transparency and accountability is much wanting in the way these land deals were transacted.

The Bank Negara Malaysia (BNM) announced that it had acquired 22.58 hectares of land from the government for about RM2 billion. The land is meant to relocate 2 Islamic Finance Universities and the rest to be used for an educational hub for financial services.

Granted, the deal has surely raised valid concern. Why? Because, usually the land would have been transferred to BNM, as it is a government institution.

That the transaction happened around the material time the government was struggling to pay the last tranche of RM2.4 billion to Abu Dhabi's International Petroleum Investment Company (IPIC), spoke volume of its 'coincidence'. The source of funding, nonetheless would remain a mystery till kingdom comes.

Even more intriguing, is the fact that it is acquiring a huge land bank at a commercial price of M823 per sq foot (psf), while there are available land in Putrajaya or Cyberjaya,

with infrastructure, which cost around RM200 psf!

Making it more problematic is the news flow that the suspected land encroaches into the green lung, an extension of the Lake Garden, which is zoned as a 'public open space'. It is extremely regrettably that many things would remain opaque and of course, more than meet the eyes.

As if that wasn't sufficient to raise eyebrows, another fiasco ensues. Again, involving the fiduciary responsibility of financial institution and their minister.

Briefly put, the Finance Minister must come clean to tell tax-payers just what is really happening in the purchase of 51% stake in Mulia Property Development Sdn Bhd - the developer of The Exchange 106 at the Tun Razak Exchange (TRX), by Minister of Finance Inc (MoF Inc).

To recap, the 70-acres TRX was divided into several plots by master developer TRX City Sdn Bhd (formerly known as 1MDB Real Estate Sdn Bhd). The TRX Signature Tower was to be the iconic portion of the development.

Mulia Group bought the 3.42-acre parcel and development rights to Signature Tower from TRX City SB for RM665 million

in May 2015.

The MoF Inc has now acquired back the controlling stake by MKD Signature SB, a RM2 company, whose directors are senior officials from the MoF. It took a loan of RM2 billion from HSBC Bank Malaysia to execute this acquisition. So why is the Second Finance Minister denying knowledge of this deal?

More importantly, could the tax-payers be convinced that it is a good investment decision to add an additional 2.6 million sq feet, on the back of a glut of office space in the city?!

But the real bone of contention has now become this; is the government buying back the 51% stake in Mulia Property Development SB, a fulfillment of a 'promise' to buy back, for the favour that Mulia Group extended in the original purchase, to help 1-MDB pay for their IPIC debt before? It is really getting very curious...'curiouser and curioser', to paraphrase Alice in Wonderland.

For once, be man enough to disclose transparently and allay the public anxiety (tax-payers) that these transactions are not 'underhand tactics' to convert the private debt of 1MDB into government liability



ANALYST

DR DZULKEFLY AHMAD

and then be borne by the rakyat..a bailout of a whooping RM2 billion!

The rakyat would be most delighted to be proven wrong! In this land of kleptocracy, it is better for the rakyat to be presumptuous then to be endlessly taking the shorter end of the stick. The latest exposé of the fraudulent Felda-Kuala Lumpur Vertical City (KLVC) project similarly stinks to high heaven.

Granted the spectre of exposé of late, could we afford to have another term of the Kleptocratic Government led by MO1, to helm the nation again?

■ **Dr Dzulkefly Ahmad is Strategy Director of Parti Amanah Negara.**

Stop the blame game, shame the sexual predators!

By SYERLEENA ABDUL RASHID

IN recent months, stories of sexual harassment have surfaced and highlight the extent of abusive behaviour towards women.

Men in media and now, in government, have been exposed for their inappropriate behaviour. Therefore, the onus is on us to rightly remove them from their positions and publicly shame them for their vulgarities.

There have been too many disturbing stories of threatening mannerisms and insulting attitudes towards female elected officials, journalists, activists and athletes.

Too many reports have been ignored and swept under the rug; and the lackadaisical attitudes we are forced to deal with will only worsen the situation. Therefore, the foulness of sexual harassment must be addressed sufficiently, diligently and promptly.

In the span of two weeks, we have uncovered two gross acts committed against women.

The first comes in the form of a Facebook video which has gone viral and was eventually picked up by internatio-

nal portals.

In the video, a man is seen confronting a group of women (exact location is still unknown) and singling out two for not wearing the hijab (headscarf).

After verbally assaulting both, he slaps one of them. The other woman watches silently, which also raises the question as to why she failed to act and why there was no police report lodged against this man.

Some have stated that the man in the video was mentally unstable and have dismissed the seriousness of the unprovoked abuse. Regardless of the situation and whatever justification one might have, a man must never inflict physical and mental harm on a woman.

What this incident proves is the raging insolence and disrespect some factions in our society have towards women. It has become far more serious than initially thought.

The second was an exposé by another international news portal which reported how a female journalist was subjected to lewd and unprofessional behaviour by male politicians.

Since then, several reports have also begun to surface and reveal the varying levels of sexual harassment female journa-

lists often face.

Commenting on the report and speaking on behalf of the National Union of Journalists (NUJ), its president Mohd Taufek Razak was quoted to have said that "female practitioners should mind their appearance while on duty and not dress sexily in order to avert sexual harassment".

This served as another backhanded slap for women empowerment and gender equality. It simply is not wise to put the blame on women and how we choose to dress because the focus ought to be on how men should exercise common sense and decency to keep their libidos in check.

Surely, a man of his stature could have framed his argument differently as this is the 21st century and such a reproach of fellow journalists is not only counter-productive but intensely nauseating.

Gender discrimination and sexual harassment thrive in male-dominated areas, as society becomes more complex and women take on non-traditional gender roles.

There will be resistance from factions who are unable to satiate their own insecurities. Our problems stem from social regression and simply not having enough conversations about the effects of sexual

harassment or how such attitudes negate progressivism.

For too long, too many men have lived in societies that have imparted them an inflated sense of power, where they think they can do and say whatever they want and not be held accountable or liable for their actions. These men are bullies and cowards who are unable to come to terms with the changes in present day society.

In 2018, women should expect improvements in social standing and no longer be forced to play second fiddle. Women should protect each other and feel empowered enough to report any acts of sexual harassment they face.

No one should be put in a position they feel uncomfortable about or made to feel less worthy because of their gender and, certainly, not because of how they dress.

Discrimination, harassment and rape must never be accepted or tolerated. What should be accepted is a culture that holds predators and bullies answerable for the gross indecencies they foolishly exhibit.

■ **Syerleena Abdul Rashid is DAP Wanita's National Assistant Publicity Secretary and Penang City Councillor.**

Kembalikan kuasa Majlis Angkatan Tentera

KUALA LUMPUR: Majlis Angkatan (MAT) harus dikembalikan fungsi-nya mengikut perlumbagaan dan bukan diletakkan di bawah kuasa seorang Menteri dan Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pertahanan.

Setiausaha Kehormat Persatuan Patriot Kebangsaan (Patriot) Mejar TUDM (B) Mior Rosli berkata, MAT dilihat lemah melaksanakan fungsinya mengikut peruntukan undang-undang dalam perlumbagaan berikutan kuasanya telah berpin-dah kepada Lembaga Menteri sejak 1981.

Sekiranya perkara ini tidak diperbetulkan, beliau kluatir Lembaga Menteri akan mengambil alih sepenuhnya fungsi MAT mengenai perkara-perkara yang termaktub dalam Perlumbagaan Persekutuan iaitu berhubung perintah, pentadbiran dan disiplin anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Ini berlaku apabila seorang menteri dan KSU boleh menentukan keputusan ter-hadap pentadbiran, perjawatan, pencen dan operasi anggota ATM melalui Lem-baga Menteri.

"Dalam Perlumbagaan Persekutuan, kedudukan ATM adalah kekanan dari-pada perkhidmatan awam yang lain se-perti perkhidmatan kehakiman dan per-undangan, perkhidmatan awam, pasu-kan polis, perkhidmatan awam setiap negeri dan perkhidmatan pendidikan.

"Dalam Perkara 137 Perlumbagaan Per-sekutuan, ATM diletakkan di bawah MAT bukan di bawah sebuah suruhanjaya sebagaimana perkhidmatan awam yang lain.

"Bahkan Yang di-Pertuan (YDP) Agong adalah pemerintah tertinggi ATM yang mempunyai kuasa mutlak di dalam Perlumbagaan dan mengatasi Perkara 40 Perlumbagaan Persekutuan," jelas Mior Rosli.

Menurutnya, Perkara 137 (1) Perlembagaan Persekutuan telah memper-untukkan bahawa MAT hendaklah bertanggungjawab di bawah kuasa am YDP Agong bagi pemerintahan, tata-tertib dan pentadbiran angkatan ten-tera dan segala perkara lain yang ber-hubungan dengan selain perkara yang berhubungan dengan pengguna-an angkatan tentera bagi maksud operasi.

Tambah beliau, kuasa Panglima ATM adalah yang tertinggi daripada kuasa seorang Menteri Pertahanan dan Ketua Setiausaha Kementerian sebagaimana yang diperuntukan oleh Akta Angkatan Tentera 1972.

Beliau juga melahirkan kekesalan apabila panglima-panglima tertinggi ATM seolah-olah tidak peka terhadap perkara tersebut dengan membiarkan kuasa yang dimiliki oleh MAT diambil alih Menteri Pertahanan dan KSU.

"Panglima ATM yang dilantik YDP Agong berkuasa sepenuhnya dalam membuat keputusan walaupun Men-teri Pertahanan sebagai Pengurus dan Ketua Setiausaha Pertahanan sebagai Setiausaha dalam MAT tidak mempun-yai kuasa veto membuat keputusan.

"Mereka (Panglima ATM) takut pada menteri dan tidak faham undang-undang. Kebanyakan mereka tidak tahu undang-undang itu sudah termaktub dalam perlumbagaan. Malah ke-banyakannya bekas Panglima ATM juga tidak tahu mereka mempunyai kuasa yang besar dalam MAT ketika mereka berkhidmat.

"Jadi saya nak bagi tahu kepada pan-glima-panglima ATM yang sedang berkhidmat agar mendesak kerajaan dan MAT menguatkuasakan kembali undang-undang sedia ada termaktub

dalam Perlumbagaan Persekutuan," ujarnya.

Langkah ini, katanya perlu supaya masalah veteran dan ATM dapat diselesaikan secara lebih profesional dan bukan mengikut kehendak pemimpin politik.

Beliau menambah, ATM yang diketuai Panglima Angkatan Tentera mempunyai kuasa yang besar berbanding menteri sebaliknya amalan 'ultra vires' (melebihi daripada undang-undang sedia ada) antara perkhidmatan awam dan ATM menyebabkan fungsi MAT dikesampingkan dalam peruntukan undang-undang yang termaktub dalam perlumbagaan.

Bahkan beliau berkata, selain menteri dan KSU kini Ketua Setiausaha Negara (KSN) pula cuba mengawal badan keha-kiman dan perundangan selain ATM.

"Selain orang politik, perkhidmatan awam juga cuba mengawal badan keha-kiman dan perundangan selain ATM.

"Sedangkan dalam Perkara 139 Perlembagaan Persekutuan telah mengehadkan bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) kepada perkhidmatan awam yang tertentu sahaja yang tersenarai di bawah Perkara 132 iaitu perkhidmatan awam persekutuan, perkhidmatan polis dan perkhidmatan awam sahaja.

"Ini bermakna ATM menurut Perkara 139 yang dinyatakan itu dengan sendiri-nya terkeluar daripada bidang kuasa SPA yang diketuai KSN," ujarnya.

Terang beliau lagi ATM tertakluk di bawah kuasa tertinggi YDP Agong me-nepati peruntukan dalam Perkara 41 Perlumbagaan Persekutuan.

YDP Agong, jelas beliau menjadi pem-rintah tertinggi ATM dan baginda mem-punyai kuasa mutlak untuk memerintah dan mentadbir ATM dan mempunyai kuasa budi bicara.

MAT dianggotai wakil Raja-raja Melayu,

Panglima Angkatan Tentera yang dilantik YDP Agong, wakil Raja Melayu yang dilantik oleh Majlis Raja-raja Melayu, seorang pegawai kanan tentera laut dan darat yang dilantik YDP Agong dan dua anggota tambahan sama ada tentera atau preman juga dilantik YDP Agong.

Kata Mior lagi, walaupun menteri ber-peranan sebagai pengurus dan KSU se-bagai setiausaha dalam MAT, mereka tidak mempunyai kuasa veto.

"Majlis Raja-Raja mempunyai kepentin-gan dalam MAT berbanding pentadbir suruhanjaya-suruhanjaya perkhidmatan awam lainnya.

"MAT mempunyai tiga kuasa boleh di-laksanakan iaitu perintah, pentadbiran dan disiplin di bawah Akta ATM 1972 atas perkenan YDP sebagaimana dalam Perkara 41 dan Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan.

"MAT boleh buat peraturan Perintah Majlis Angkatan Tentera (PMAT) untuk anggota dan veteran tentera tanpa perlu menunggu kelulusan atau arahan men-teri dan KSU," ujarnya.

Jelas beliau, PMAT adalah arahan atau perintah yang dikeluarkan oleh MAT menurut Akta Angkatan Tentera 1972.

Katanya lagi, sejak 1981 banyak isu yang sepatutnya dibentangkan kepada MAT tidak diputuskan di peringkat Lem-baga Menteri.

Lembaga Menteri, ujar Mior ialah badan yang menyelaras dan menyelesaikan masalah ATM dan kakitangan perkhidm-atan awam di Kementerian Pertahanan (Kementah), kecuali dalam perkara yang berkaitan dengan operasi yang diserah-kan kepada keputusan MAT.

Oleh itu, tambah beliau fungsi MAT telah dikurangkan sejak Lembaga Menteri diwujudkan.

Tiada parti dominan dalam Pakatan Harapan

Oleh ARIF ATAN

SHAH ALAM: Pengarah Komunikasi AMANAH Nasional, Khalid Samad ber-kata, tiada mana-mana parti di bawah gabungan Pakatan Harapan bersifat dominan seperti Umno dalam kom-ponen BN.

Walaupun PPBM memperoleh agih-an kerusi Parliment di Semenanjung paling banyak, ujarnya parti dipenge-rusikan Tun Mahathir Mohamad itu masih tertakluk di bawah proses semak dan imbang.

"Di bawah Pakatan Harapan, kedudu-kan PPBM tidak seperti Umno dalam BN. Dalam BN dulu, hanya ada satu parti Melayu iaitu Umno sampai ber-tanding 120 kerusi.

"Dalam Pakatan Harapan, tiada parti yang mendominasi. Pakatan Harapan ada semak dan imbang. Macam soal

rundingan kerusi inilah, kita bincang, rancang dan setuju bersama," jelasnya.

Beliau berkata demikian ketika dite-mubual moderator, Asyraf Wahab di saluran TV internet, Jom Channel baru-baru ini.

Ahli Parlimen Shah Alam itu menam-bah, PPBM berbeza dengan Umno yang mendominasi BN seperti pada pilihan raya umum (PRU) lalu.

"Dia (Umno) menang 88 (kerusi) iaitu lebih separuh pada pilihan raya lalu. Jadi apa dia kata, orang lain kena ikut pasal dia majoriti. Jadi dia boleh dominasi.

"Dalam Pakatan Harapan, walaupun PPBM bertanding 52 kerusi dan itu memang jumlah yang lebih daripada DAP sekalipun, kalau menang semua 52 kerusi pun masih tidak separuh daripada 112 kerusi untuk membentuk kerajaan.

"Inilah yang menjamin ia (PPBM) tidak boleh buat lagi," ujarnya menjawab ke-mungkinan PPBM mengulangi kepincangan urus tadbir di bawah Umno sekiranya menang PRU-14.

Mengulas pemilihan Tun Dr Mahathir sebagai calon Perdana Menteri, Khalid berkata, keputusan Pakatan Harapan itu mengambil kira langkah untuk menarik pengundi Melayu khususnya di luar bandar.

"Masalah kita untuk mendapatkan soko-ngan orang kampung, orang Melayu. Ini yang kita kalah selama ini, yang menyebabkan Umno-BN terus memerintah.

"Kita terpaksa tonjolkan Tun Mahathir sebab dia sudah 22 tahun jadi Perdana Menteri. Walaupun dulu dia banyak masalah dari sudut politiknya tetapi dari sudut ekonomi, negara kita masyhur sebagai negara yang maju.

"Kita tidak kena GST, kita masih

dapat biasiswa, harga minyak stabil," katanya.

Menurutnya, jumlah hutang negara juga jauh lebih rendah ketika Tun Ma-hathir menjadi Perdana Menteri ber-banding Najib Razak pada masa ini.

"Kalau nak banding zaman Najib dengan zaman Mahathir, jauh lebih baik. Hutang negara zaman Mahathir hanya RM180 bilion. Sekarang zaman Najib hampir RM1 trilion iaitu kita 900,000 juta.

"Sudahlah rakyat sakit, dia (Najib) pergi bawa keluarga angkat anak cucu sebagai lawatan kerja (ke Arab Saudi) tapi senarai (rombongan) anak, cucu dan menantu. Ini yang kita kena betulkan.

"Tapi orang Melayu takkan berani buat perubahan itu kecuali dia nampak ada satu pemimpin," tambah Khalid lagi.

Gantung rancangan pengkorporatan Kastam

Oleh HUSIN MAHAT

KUALA LUMPUR: Ahli parlimen Pandan Rafizi Ramli menggesa rancangan pengkorporatan Jabatan Kastam digantung kerana dikehilangkan menteri yang tidak stabil sejak 2016, hutang kerajaan pada kadar 53.2% KDNK, hutang 1MDB yang perlu dibayar dan 50,000 pekerja bakal

Rafizi yang juga naib presiden PKR mengakui telah beberapa kali dihubungi kakitangan Jabatan Kastam Diraja mengenai rancangan kerajaan untuk mengkorporatkan jabatan tersebut.

"Minggu ini, saya telah dibekalkan lagi dengan satu bahan taklimat yang dihantar kepada saya oleh kakitangan Jabatan Kastam. Menurut beliau, bahan taklimat ini dibentangkan kepada wakil-wakil jabatan sebagai sebuah jalan dari proses mendapat persetujuan kakitangan untuk mengkorporatkan (melembagakan) Kastam," ujar beliau.

Rafizi melahirkan kebimbangan terhadap model contoh pengkorporatan LHDN yang ingin diguna pakai kerajaan dan kebajikan kakitangan Kastam yang bakal hilang pencek bulanan jika

jabatan itu dikorporatkan.

Walaupun bersetuju perkhidmatan kutipan cukai dan selian Jabatan Kastam ditingkatkan, beliau khatir tujuan pengkorporatan itu bukan untuk kebajikan kakitangan dan meningkatkan prestasi perkhidmatan.

"Melihatkan bagaimana LHDN berhadapan dengan tekanan untuk mencapai sasaran kutipan cukai pendapatan setiap tahun, saya khatir pengkorporatan Jabatan Kastam juga akan menyebabkan setiap tahun, kakitangan Kastam memikul beban memenuhi kehendak kutipan cukai yang ditetapkan (pentadbiran) Datuk Seri Najib.

"Oleh kerana dana untuk membayarai Jabatan Kastam adalah tertakluk kepada prestasi kutipan cukai mereka (seperti mana yang berlaku dengan LHDN sekarang), itu boleh mendorong kepada pendekatan yang lebih menghukum rakyat demi untuk memenuhi sasaran kutipan cukai.

"Keadaan yang berlaku sekarang bila mana LHDN boleh menghantar notis cukai bagi orang yang sudah mati, sudah tentu akan bertambah buruk dengan Kastam kerana mereka mengawal selia urusan kutipan GST

yang kurang difahami rakyat dan peniaga," jelas Rafizi.

Beliau juga menjangkakan denda dan hukuman bersabit GST akan lebih teruk sekiranya Kastam tertekan untuk memenuhi sasaran kutipan cukai tertentu setelah dikorporatkan.

Di masa yang sama, beliau bimbang usaha mengkorporatkan Kastam dipengaruhi motif untuk tidak membayar pencek kakitangan Kastam yang pada ketika ini sebenarnya layak menerima pencek bulanan.

Beliau bagaimanapun khatir kakitangan Kastam akan 'dililikan' dengan janji gaji dan ganjaran persaraan yang lebih tinggi, sedangkan mereka akan kehilangan pencek bulanan yang merupakan satu keistimewaan besar yang tidak dinikmati oleh pekerja swasta.

"Saya mohon supaya Datuk Seri Najib sebagai Menteri Kewangan mengesahkan sama ada perkara ini benar atau tidak, termasuk mengesahkan kandungan bahan taklimat yang saya tunjukkan.

"Benar atau tidak benar, saya juga mendesak supaya sebarang usaha untuk mengkorporatkan Kastam dihentikan serta merta sehingga selepas PRU14 nanti," tegas Rafizi.

Bekas senator sertai PPBM kerana Umno sudah jauh tersasar

KANGAR: Bekas senator dari Perlis, Ahmad Husni membuat keputusan menyertai Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) dan bertindak meninggalkan Umno kerana yakin parti pimpinan Datuk Seri Najib Razak itu sudah lari dari landasan sebenar penubuhannya.

Ahmad, 69, yang berpengalaman luas dalam pentadbiran kerajaan selama 40 tahun menyerahkan borang keahlian kepada Presiden PPBM Tan Sri Muhyiddin Yassin di pejabat PPBM Perlis, dekat sini, baru-baru ini.

"Saya mahu platform selain Umno kerana Umno hari ini sudah jauh tersasar dan tidak boleh lagi berpatah balik."

"Saya mula merasakan parti itu makin jauh daripada landasan ketika saya jalankan thesis berkaitan sekuriti negara," katanya.

Bekas senator penggal 2006-2012 itu ialah Ahli Jawatankuasa Umno Bahagian Kangar yang juga Pengurus Biro Ekonomi dan Pertanian Umno bahagian itu.

Ahmad yang juga bekas Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Perlis berikrar akan menegur kepimpinan parti jika dilihat terpesong.

"Siapa yang tak betul, saya akan tegur untuk kepentingan rakyat dan negara. Saya tidak akan ikut pemimpin yang tidak bersih," katanya.

Bekas Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kangar (MPK) itu juga berkata, keadaan negara kini amat menyediakan susulan banyak perkara yang membela bangkitan Perlembagaan Persekutuan.

"Selepas saya sertai Bersatu (PPBM), saya akan dedahkan kepincangan dalam negara dan menegur pimpinan agar mentadbir mengikut perundangan," katanya.

Orang bukan Melayu juga berjuang lawan komunis

KUALA LUMPUR: Presiden Persatuan Patriot Kebangsaan (Patriot) Brig Gen Datuk Mohamed Arshad Raji kesal dengan dakwaan kononnya hanya orang Melayu yang berjuang mempertahankan kemerdekaan negara ini sedangkan orang bukan Melayu juga turut sama memperjuangkan kedaualtan negara.

Malah orang bukan Melayu, jelas beliau turut berkhidmat dalam pasukan keselamatan dan berjuang menentang pengganas komunis di era darurat.

Arshad mengulas ucapan beberapa pemidato dalam 'Konvensyen Kebangkitan Ummah 2018' di Pusat Islam, 13 Jan lalu yang diselitkan dengan ucapan-ucapan membenci antara kaum di samping memutar-belitkan fakta sejarah.

Menurut beliau, pada masa ekonomi negara menghadapi ketidakpastian dengan pertumbuhan yang tidak stabil sejak 2016, hutang kerajaan pada kadar 53.2% KDNK, hutang 1MDB yang perlu dibayar dan 50,000 pekerja bakal

hilang pekerjaan, sebarang tindakan yang menyebabkan perpecahan adalah tidak sihat buat negara dan masyarakat.

Beliau merujuk laporan Malay Mail Online, 13 Jan lalu yang memetik ucapan seorang pemidato program kononnya hanya orang Melayu menentang pencerobohan dan komunis.

"Dilaporkan bahawa Ismail Mina Ahmad, pengurus Ummah, kumpulan payung untuk pertubuhan-pertubuhan Islam, menegaskan bahawa hanya orang Melayu yang berjuang melawan komunis.

"Beliau juga mengatakan bahawa hanya orang Melayu yang berperang melawan British dan Jepun.

"Penegasan lain oleh pengurus Ummah adalah bahawa kaum minoriti yang bersuara lantang (merujuk kepada orang bukan Melayu) menimbulkan bahaya kepada kedudukan Islam di negara ini dan pemerintahan politik Melayu dengan tujuan merebut kuasa, dan juga mahu menjadi Perdana Menteri," kata beliau.



Mohamed Arshad Raji

Patriot juga menganggap ucapan Ismail tidak mencerminkan beliau sebagai seorang yang mahir dalam hal ehwal semasa dan sejarah.

"Seseorang yang berusia, berpengalaman dalam agama, serta berakar dalam sentimen 'bangsa dan agama', beliau mungkin mudah dimanipulasi oleh orang lain dengan sentimen berhubung kaum dan agama."

"Lain-lain taktik kotor juga mungkin diguna pakai meman-

dangkan pilihan raya umum yang semakin hampir. Seorang ulama dan orang tua biasanya mempunyai kebijaksanaan, mempromosikan perasaan kasih sayang, kedamaian, pemahaman dan belas kasihan."

"Sudah tentu tidak mempromosikan perasaan kebencian," kata beliau.

Tambah beliau, kejahilan boleh menimbulkan perasaan jijik jika tidak sekat.

Menurut Arshad, sejak zaman sebelum merdeka orang bukan Melayu telah berkhidmat dalam pasukan keselamatan dan turut sama menghadapi ancaman pengganas komunis.

"Semasa darurat pertama dan kedua, tahun-tahun awal 'Home Guard', 'Templer's Super 12', Rejimen Persekutuan, misi pengamanan Congo, konfrontasi, keganasan komunis dalam bandar, operasi hutan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak; pegawai dan anggota bukan Melayu, termasuk kaum Cina, India, Sikh, Orang Asli, Iban, Dayak dan Kadazan;

berjuang dengan berani bersama rakan-rakan seperjuangan Melayu mereka.

"Dalam Tentera Udara, ramai juruterbang bukan Melayu menerbangkan helikopter dalam misi bahaya menghantar bekalan dan membuat evakuasi, dan pesawat mereka ditembak pihak musuh.

"Ada dalam kalangan pegawai dan anggota ini yang menjadi korban dan ada juga yang dianugerahkan dengan pingat keberanian," jelas beliau.

Beliau menambah, kejayaan yang dicapai pasukan keselamatan negara dalam menangani pemberontakan Parti Komunis Malaya dan pengganas dalam bandar adalah hasil operasi bahaya dan rahsia yang dijalankan oleh polis Cawangan Khas dan perisikan tentera yang ramai terdiri daripada kaum Cina.

Sehubungan itu beliau kecewa dengan dakwaan tidak berasas Ismail dan menganggap pemimpin NGO Melayu itu dipengaruhi sentimen kaum dan agama melulu.

Saya hanya perlu seminit untuk bertemu Anwar, kata Tun Mahathir

Oleh HUSIN MAHAT

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri Tun Mahathir Mohamad kecewa kerana dihalang bertemu bekas timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim di Hospital Rehabilitasi Cheras 10 Jan lalu dan mengakui tidak pernah menghalang mana-mana banduan termasuk Anwar daripada diziarihi semasa beliau menjawat perdana menteri.

Dalam catatannya di laman chedet.cc, pengurus Pakatan Harapan (PH) itu mengakui hanya memerlukan satu minit sahaja untuk berjumpa Anwar bagi menyatakan terima kasih kerana bekas ketua pembangkang itu bersetuju dengan cadangan majlis presiden PH menamakan beliau sebagai calon perdana menteri.

"Saya perlu hanya satu minit sahaja untuk berjumpa, tidak lebih. Tidak ada niat bercakap berkenaan politik," tulis Tun Mahathir.

Menulis lanjut Tun Mahathir berkata, gabungan empat buah parti dalam PH bersetuju bahawa semua keputusan perlu dibuat secara konsensus.

"Jika ada mana-mana satu parti tidak bersetuju, keputusan tidak akan diterima sebagai keputusan Pakatan Harapan," jelas beliau.

Tun Mahathir menambah, apabila beliau dicalon sebagai bakal perdana menteri untuk Pakatan Harapan, tiga buah parti bersetuju kecuali Keadilan yang tidak membuat keputusan.

"Namun pada saat terakhir PKR (Keadilan) bersetuju. Saya percaya masa yang panjang yang diambil oleh PKR ialah kerana tidak senang dengan saya, yang menjadi PM di waktu Anwar dipenjara," ujarnya.

“Saya kecewa dan sedih. Apakah yang sudah jadi pada negara kita ini. Tidak pernah mana-mana Perdana Menteri Malaysia sebelum ini melarang sebarang lawatan untuk berjumpa pesakit atau banduan, sama ada ia ahli politik atau orang biasa.”

Bagaimanapun akhirnya, tambah beliau Keadilan bersetuju dengan cadangan itu dan beliau yakin persetujuan itu dicapai kerana Anwar sebagai pengasas Keadilan dapat 'mengatasi perasaannya' dan mengutamakan kepentingan negara lebih dari perasaan diri sendiri.

"Jelas Anwar, seperti semua kami dalam PH mengutamakan penyingkiran Najib lebih mustahak dari permusuhan antara kami dahulu," katanya.

Tun Mahathir mengakui bukan mudah bagi Anwar membuat keputusan itu namun jelas beliau lebih mengutamakan negara daripada dirinya.

Menurut Tun Mahathir, selama ini parti-parti pembangkang tidak berjaya mengalahkan gabungan 13 parti dalam BN kerana mereka gagal bekerjasama.

"Hanya jika ada pakatan yang kuat hasil keikhlasan dalam bekerjasama antara parti lawan, barulah mereka berkemungkinan kalahkan BN."

"Dengan Keadilan memenuhi syarat konsensus empat buah parti lawan, kemenangan PH menjadi lebih cerah," ujarnya.

Sehubungan itulah beliau merasa perlu berterima kasih kepada Anwar dan mahu

menyampaikan ucapan terima kasih itu secara bersemuka.

Bagaimanapun Tun Mahathir kecewa kerana dimaklumkan bahawa Menteri Dalam Negeri telah mengarah pejabat penjara supaya tidak membenarkan beliau menziarahi Anwar.

"Saya kecewa dan sedih. Apakah yang sudah jadi pada negara kita ini. Tidak pernah mana-mana Perdana Menteri Malaysia sebelum ini melarang sebarang lawatan untuk berjumpa pesakit atau banduan, sama ada ia ahli politik atau orang biasa."

"Saya, semasa menjadi Perdana Menteri, tidak pernah menghalang mana-mana banduan, termasuk Datuk Seri Anwar, dizerahi oleh sesiapa. Tetapi sekarang sudah ada arahan ini khusus bagi saya," katanya.

Tun Mahathir juga hairan mengapakah beliau masih lagi menjadi sasaran sedangkan "semua orang tahu" pencalonan beliau sebagai perdana menteri akan mendekati kekalahan PH.

Beliau memetik ke nyataan Felo Kanan

Tun Mahathir Mohamad



Institut Kajian Strategi dan Antarabangsa (ISIS) Sholto Byrnes bahawa pencalonan beliau sebagai langkah kebelakang PH.

"Apalah nak takut sangat perjumpaan saya dengan Anwar. Tentulah ia akan jadi satu lagi langkah kebelakang oleh PH," ujarnya sinis.

Dalam perkembangan berkaitan, Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mengakui tidak mengeluarkan sebarang arahan untuk menghalang Tun Mahathir menziarahi Anwar Ibrahim di Hospital Rehabilitasi Cheras.

Menurut Zahid, lawatan sebegini memerlukan permohonan dan kelulusannya terletak pada budi bicara pihak penjara.

Anwar, 71, sedang menjalani hukuman penjara lima tahun di Penjara Sungai Buloh setelah Mahkamah Persekutuan, pada 10 Feb 2015, mengekalkan sabitan dan hukuman yang dikenakan terhadapnya oleh Mahkamah Rayuan pada 7 Mac 2014.

Ketua Pengarah Penjara Datuk Seri Zulkifli Omar menjelaskan bahawa Jabatan Penjara dan Penjara Sungai Buloh tidak pernah menerima permohonan rasmi daripada Tun Mahathir untuk melawat Anwar.

Beliau berkata lawatan khas antara banduan dan pihak tertentu adalah dipertimbang berdasarkan Akta Penjara 1995, Peraturan-peraturan Penjara 2000 dan Perintah Tetap Komisioner Jeneral Penjara.

Bagaimanapun Naib Presiden Keadilan Nurul Izzah Anwar berkata, tiada sebarang permohonan dilakukan oleh pemimpin kerajaan termasuk menteri pelancongan Tan Sri Nazri Aziz untuk melawat bapanya yang dirawat di Hospital Kuala Lumpur sebelum ini.

PM bawa keluarga, pegawai, rakan golf tunai umrah

Oleh ARIF ATAN

KUALA LUMPUR: Lawatan kerja lima hari Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak ke Arab Saudi mulai 8 Jan lalu menyaksikan ahli keluarga dan rakan-rakan Presiden Umno berkenaan antara yang turut sama menyertai rombongan itu.

Ibunya, Tun Rahah Mohamad Noah berada di kedudukan ketiga selepas isteri Najib, Rosmah Mansor dalam senarai 20 ahli rombongan itu yang kemudiannya tular di media sosial.

Selain adiknya, Nizam dan Nizam, anak Najib iaitu Nor Ashman dan Riza Aziz serta anak perempuan mereka Nooryana Najwa juga menyertai 'lawatan keluarga' tersebut.

Menantu Najib iaitu Danniyar Kessikbayev dan cucu, Adam Razak Daniyar turut menyertai lawatan hingga 12 Jan itu.

Skandal kleptokrasi 1Malaysia Development Berhad (1MDB) sebelum ini mengaitkan nama Riza iaitu anak tiri Najib dalam saman sivil pelucutan hak oleh Jabatan Keadilan (DOJ) Amerika Syarikat.

Pada masa sama, terdapat empat lagi nama sebagai "tetamu perdana menteri" juga menyertai rombongan tersebut iaitu Bustari Yusof, Johrah Abdul Rahman dan Nazir Hussin Akthar Hussin.

Bustari ialah ahli perniagaan Sarawak yang juga abang kepada Menteri Kerja Raya, Fadillah Yusof dan pernah dilapor sebagai kenalan rapat Najib dan rakan golf Penggerusi BN itu.

Bustari juga pemilik syarikat Lebuhraya Borneo Utara Sdn Bhd yang terbabit dengan projek Lebuhraya Pan Borneo mencapai RM27 bilion selain BYU Holdings Sdn Bhd dan One Medicare Sdn Bhd.

Sementara itu, Nazir Hussin pula ialah Exco Pergerakan Pemuda Umno Malaysia yang sebelum ini menggerakkan program karnival kerjaya BN Youth Job Fair.

Nazir yang pernah dilapor portal pro-BN sebagai antara nama Pemuda Umno yang mendapat perhatian Najib itu dikatakan bergelar jutawan sejak umurnya 20-an lagi.

Turut bersama lawatan Najib itu Amirul Rahman Abdul Rahim, Pengarah Eksekutif BEWG (M) Sdn Bhd dan Loyal BEWG Sdn Bhd dan

dilapor pernah terlibat dalam projek loji rawatan kumbahan Pantai 2 di Pantai Dalam, Kuala Lumpur bernilai RM983 juta.

Sehubungan itu, Pejabat Perdana Menteri, 11 Jan lalu memberitahu kos lawatan adik-adik dan kenalan Najib itu ditanggung oleh mereka sendiri.

"Hanya Tun Rahah yang turut bersama Datuk Seri Najib dalam perjalanan kapal terbang ke Arab Saudi," kenyataan itu dipetik.

Jelas Pejabat Perdana Menteri, Najib berhasrat untuk menuaikan ibadah umrah semasa lawatan kerja itu bersama ahli keluarga dan kenalan-kenalannya itu.

"Nama-nama mereka ini telah dimasukkan dalam senarai rasmi rombongan YAB Perdana Menteri bagi memudahkan urusan pen-

tadbiran dengan pihak Arab Saudi bagi program ibadah umrah.

"YAB Perdana Menteri dan ahli rombongan juga telah diberi taraf tetamu negara oleh kerajaan Arab Saudi," kata kenyataan itu lagi.

Turut disenaraikan adalah Pegawai Khas kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Siti Azizah Sheikh Abod; Penasihat Perdana Menteri, Datuk Seri Khairil Annas Jusoh dan Pengarah Bahagian Hubungan Antarabangsa, Datuk Ahmad Faisal Muhammad.

Rombongan itu termasuk doktor peribadi kepada Najib, Dr Azhari Rosman; Aide-de-camp (ADC) kepada Perdana Menteri, ACP Mohd Yusri Hassan Basri dan Setiausaha Sulit kepada Perdana Menteri, Ahmad Fitri Ali.

Simposium Dakwah AMANAH dakwah dari sudut 'maqasid'

KUALA LUMPUR: Simposium Dakwah Parti Amanah Negara berlangsung di sebuah hotel dekat sini, 13 Jan lalu bertujuan mengemukakan konsep, pendekatan dan pencerahan baru dakwah berlandaskan prinsip-prinsip yang digariskan sumber perundangan Islam.

Tema simposium ini adalah "Menjayakan misi rahmatan lil alamin melalui pendekatan progresif dan inklusif berpandukan Maqasid Insaniah".

Matlamat yang ingin dicapai melalui simposium ini adalah meninjau perspektif dakwah dalam konteks 'maqasid insaniah' dengan mendefinisikan objektif, modus operandi dan strategi gerak kerja dakwah dalam parti-parti politik pelbagai kaum dan agama.

Ia bertujuan mensinergikan gerak kerja dakwah dan politik untuk mencapai tadbir urus yang baik bagi negara majmuk di samping menggembangkan tenaga dan usaha ke arah membangunkan 'negara rahmah'.

Antara kertas kerja yang dibentangkan dalam simposium sehari itu adalah "Menggerak misi rahmatan lil alamin dan maqasid insaniah" oleh Dr Azman Hussin; "Dakwah dalam kemajmukan masyarakat" oleh Datuk Dr Mohd Nur Manuti; "Mencapai objektif dakwah inklusif" oleh Dr Siti Mariah Mahmud dan Saari Sungib; dan "Dakwah progresif dan muslim demokrat" oleh Ir Mustafa Kadir dan Saari Sungib.

Simposium dirasmikan Pengarah Syariah AMANAH Nasional Ustaz Zolkharnain Abidin Al-Abyadhi yang mewakili presiden AMANAH dan disertai wakil-wakil organisasi AMANAH dari seluruh negara.



MANAH hurai qasid insaniah'

SIMPOSIUM DAKWAH Parti Amanah Negara

posium Dakwah 2018

ium ini berharap untuk menggumukkan konsep, pendekatan dan arah baru berlandaskan kepada prinsip-prinsip yang diprakarsai oleh Nabi dan As-Sunnah dengan mengambilnya ijma' ulama' dan ummah yang selama ini berada di bawah resolusi, ketetapan dan konvensyen yang dihasilkan oleh para ahli fikir, kefahtiman dan pelaksanaan dakwah.

Dalam konteks nass yang diberikan sebagaimana dalam ayat 33 Surah Al-A'raf, Sehingga Al-Quran menyatakan dalam nadz soalan (Surah Al-A'raf, ayat 33): "Siapakah yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyertai kepada Allah". Dengan arti manunya para hamba Allah yang amarlah amar yang benar untuk melakukan islah, taghir, tashkiyah, dan pembinaan hikmah kepada orang-orang yang melaksanakannya dan menerima.

J-Anbiya memperbaiki sebuahan para anbiaya seperti Musa, Hanun, Lut, Ishak, Ya'kub, Nuh, Daud, Sulaiman, Ayub, Idris, Zulkifli, Yunus, dan sebagainya. Sebalik setiap kisah dan ibrah ini disampaikan kepada manusia s.a.w bagi menunjukkan tentang kelembutan dan sabar kepada baginda, maka bagi segelanjarnya adalah kewajipan bagi para ahli fikir dan pengajar Islam tidak lain dan tidak bukan melaraskan untuk menjadi "Rahmatan Lil Alamin".

ber adalah: Menyajikan Misi Rahmatan Lil Alamin melalui Pendekatan dan Inklusif Berpandukan Maqasid Insaniah.

mat:

a matlamat yang mahu dicapai melalui simposium adalah:

au perspektif dakwah dim konteks maqasid insaniah

modus operandi & strategi gerak kerja dakwah dim

ergikan gerak kerja dakwah dan politik untuk mencapai tadbir urus

alk bagi negara pelbagai kaum dan agama

embang tenaga dan usaha tanpa mengira apa agama ke arah

ngan negara rahmatan (Rahmatan Lil Alamin)

entang dan tajuk kertas kerja

han Hussin – Menggerak misi Rahmatan Lil Alamin dan Maqasid Al

Moh Nur Manutu – Dakwah dalam Kemajuan Masyarakat

Siti Mariah Mahmud & YB Saari Sungib – Mencapai Objektif Dakwah

Malulai Wadah Politik

Disediakan oleh: Saari Sungib




Ustaz Mohd Fakhruza Mokhtar di sesi perbincangan.



Ustaz Zolkharnain berucap merasmikan simposium.



Ir Mustafa Kadir meneliti kertas kerja.



'Jhow Low, Najib yang curi bukan Cina DAP'

| Kelolaan ARIF ATAN

Tindakan pemimpin Umno-BN yang menakutkan rakyat dengan ancaman 'Cina DAP' kononnya akan menguasai negara jika Pakatan Harapan memenangi Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) hanya mengalih perhatian rakyat daripada realiti sebenar.

Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Faiz Fadzil berkata, hakikatnya seorang warganegara Malaysia berketurunan Cina bernama Jhow Low terlibat dengan lesapnya sejumlah dana RM42 bilion yang terpaksa ditanggung 1Malaysia Development Bhd (1MDB).

"Yang mencuri harta Malaysia sekarang ini Cina Malaysia bernama Jho Low. Didedahkan Najib dan Jho Low ini mencuri duit rakyat Malaysia dari duit 1MDB sebanyak RM42,000 juta.

"Boleh beli Negeri Sembilan. Bajet Negeri Sembilan tidak sampai 1 bilion.



Dia curi RM42 bilion. Najib tidak boleh jawab. Dia senyum saja," katanya ketika berceramah di Felda Jelai 4, Gemas pada 15 Januari lalu.

Menurutnya, rekod skandal mega 1MDB sehingga terpalit dengan tindakan saman sivil oleh Jabatan

Kehakiman (DOJ) Amerika Syarikat pada 2016 dengan timbulnya panggilan *'Malaysian Official 1'* itu mencipta rekod baru jenayah kleptokrasi di dunia.

"Tidak pernah ada orang di dunia merompak sampai RM42 bilion. Najib curi lebih daripada Firaun. Apabila didedahkan begitu, Najib tidak boleh jawab," tegas peguam tersebut.

Untuk rekod, seorang pengkaji pernah mendedahkan cariannya untuk "Low" atau "Jho Low" yang didapati muncul sebanyak 290 kali dalam dalam dokument

men tuntutan mahkamah AS setebal 136 halaman itu.

Nama Jho Low, 37, yang dikatakan rapat dengan keluarga Perdana Menteri itu turut disebut dalam Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) pada 2016.

Sehubungan itu, Faiz menyeru supaya rakyat tidak terpedaya dengan penampilan Najib yang mengerjakan umrah baru-baru ini dengan imejnya memasuki Kaabah tersebut di media sosial.

"Hanya kerana mahu tunjuk suci, masuk suratkhabar. Orang buat umrah keliling tujuh kali Kaabah, dia masuk dalam Kaabah. Keluar gambar masuk WhatsApp."

"Jadi, rakyat tidak perlulah terpesona tengok Najib masuk Kaabah. Tidak ada apa yang suci pun masuk Kaabah. Jangan Najib ingat dia pergi Mekah, akan menyebabkan rakyat memaafkan dia."

"Rakyat tidak akan memaafkan kamu Najib. Rakyat akan menghukum kamu PRU akan datang," tegas juru-cakap gerakan Anak Muda Cari Jho Low (AMCJL) itu.

Hak rakyat

Dalam ceramah sama, mengulas reaksi Pas yang menganggap isu 1MDB kononnya campur tangan kuasa asing, Faiz berkata, sikap parti itu jelas tidak memperjuangkan hak rakyat.

"Ini jenayah mencuri wang rakyat.

Rupa-rupanya mereka (Pas) pun dapat duit. Kita tidak kata. Orang putih (Amerika) kata, mereka ambil duit.

"Pas dikatakan menerima RM200 juta daripada Najib. Najib bukannya bermiaga atau kontraktor. Rosmah (isteri Najib) tidak kerja tapi dia boleh bagi Pas RM200 juta. Itu tuduhan seorang wanita orang putih.

"Soal Pas dapat atau tidak, kita tidak tahu tapi soalnya duit itu dibayar supaya Pas keluar daripada Pakatan Rakyat dan faktanya Pas memang keluar dari Pakatan Rakyat.

"Adakah orang Pas patut keliru? Tidak perlu. Sebab kita ada parti baru menggantikan Pas iaitu AMANAH. Kita sama-sama dalam Pakatan Harapan hendak memperjuangkan hak rakyat," jelasnya.

Sehubungan itu, Faiz berkata, tiada sebab untuk tidak mengaitkan keperitan hidup rakyat ekoran kenaikan melambung kos sara hidup termasuk warga Felda dan orang kampung hari ini dengan bahana rasuh dan penyelenggaraan.

"Sebab itu, kita menentang 1MDB kerana itu adalah rompakan terbesar sepanjang zaman. Undi mesti diberi kepada Pakatan Harapan. Mana-mana calon Pakatan bertanding, itu undi yang orang Pas kena bagi."

"Kalau undi Pas, tidak akan bentuk kerajaan dan segala tawaran seperti memansuhkan GST, harga rumah rendah dan mengembalikan subsidi tidak terlaksana," tambahnya lagi.



ZIARAH PEDULI... Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Sany Hamzan dan Naib Presiden AMANAH, Ustaz Hasanuddin Mohd Yunus bersama skuad Ziarah Peduli AMANAH Hulu Langat menemui isteri kepada warga emas, Hashim Abd Rahman di Bandar Mahkota Cheras baru-baru ini bagi menyampaikan sumbangan katil khas untuk kegunaan suaminya.

Boikot hanya untungkan BN

Tindakan kumpulan tertentu yang melancarkan kempen boikot pilihan raya hanya akan menguntungkan BN, kata Ketua Pemuda AMANAH Terengganu, Hasbie Muda.

Menurutnya, generasi muda sepatutnya berkerja lebih keras dan kreatif dalam menerajui gerakan perubahan selain mencadangkan calon lain sebagai Perdana Menteri.

"Bukannya mencari jalan mudah meraih perhatian dengan aksi protes dan boikot yang jelas menguntungkan rejim Umno.

"Jika mereka mahu calon lain jadi Perdana Menteri, elok mereka kempem habis-habisan 'calon' lain tersebut dan partinya," dipetik daripada kenyataan beliau di Facebook.

Beliau berkata, terdapat pelbagai

kemungkinan dan perubahan yang boleh berlaku daripada begitu berlebihan menolak pencalonan Tun Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri.

"Saya tidak faham bagaimana mereka terlalu takut dengan pencalonan Tun M sedangkan seribu kemungkinan masih boleh berlaku."

"Adakah Tun M pasti menang di kerusinya? Adakah PH (Pakatan Harapan) akan tetap calonkan Tun M jika kerusi (dimenangi) PPBM jauh lebih rendah berbanding parti lain?"

"Katakan jika PKR menang 45 kerusi dan PPBM sekadar 25, saya percaya bahawa suara mereka akan didengari sekaligus mendesak pimpinan PH agar keputusan awal dikaji semula," hujahnya lagi.

Pendekatan agama tangani manipulasi harta tanah

KETUA Pemuda AMANAH Wilayah Persekutuan, Nik Abdul Razak Nik Md Ridzuan berpendapat, manipulasi pasaran harta tanah sehingga mengakibatkan ketidakseimbangan penawaran dan permintaan mungkin dapat ditangani melalui pendekatan agama.

"Sisi moral dan etika harus dibincangkan dan dipopularkan bila bicara soal 'property flipping' ini."

"Dalam masyarakat yang secara umumnya beragama seperti di Malaysia ini, mungkin perspektif agama sajalah yang boleh mengentikan kerakusan mereka ini," ujarnya.

Tahun lalu, seorang wanita yang berpendapatan hanya RM2,500 sebulan mengaku memiliki enam harta tanah dalam tempoh



Antara projek mewah di Pantai Dalam, Kuala Lumpur di lokasi yang dihuni masyarakat kota miskin.

tujuh tahun.

Beliau membeli unit rumah pangsa di Shah Alam bernilai RM98,000 pada 2010 sebagai harta pertamanya ketika berpendapatan RM1,500 sebulan.

Rumah itu pertama kali disewa sebelum kemudiannya dibeli dengan harga RM220,000 dan proses yang sama diulangi untuk lima harta tanah yang lain.

Untuk rekod, jaminan

terhadap langkah menyediakan rumah mampu milik turut terkandung dalam 10 Dasar Tumpuan Tarawar Harapan Anak Muda yang diumumkan baru-baru ini.

Badan-badan perumahan berkanan akan digabungkan menjadi badan perumahan berpatutan dan berkualiti serta memperbaik rumah mampu milik dan mampu sewa.

Tawaran Harapan Anak Muda: Realistik atau Retorik?

Analisa Oleh
FAKRUL RAZI HAMDAN

6 Januari lalu Pemuda Pakatan Harapan telah melancarkan Tawaran Harapan Anak Muda dengan 10 dasar utama yang dilihat "menggiurkan" dan mampu memukau jiwa-jawa marhaen muda.

Selepas pelancaran tawaran itu, paling menjadi sebutan ramai dan netizen adalah tawaran siaran percuma Liga Perdana Inggeris. Ada yang gembira dan ada juga yang menjadikannya bahan jenaka. Namun, tahukah anda, tawaran ini berada di bahagian akhir 10 Dasar Tumpuan yang diperkenalkan? Mungkin masyarakat tidak menyedari adanya tawaran lebih menarik dalam Tawaran Harapan tersebut:

1. Kerja, Gaji Dan Kehidupan Yang Layak

Perkara utama yang mampu menarik minat anak muda pastinya hal-hal berkaitan pekerjaan dan gaji. Tawaran meningkatkan gaji minima daripada RM1,000 kepada RM1,500 dengan model perkongsian kos kerajaan-majikan dilihat bersifat realistik. Ini telah dibuktikan pelaksanaannya di Pulau Pinang dan Selangor yang kini ditadbir Pakatan Harapan.

Seterusnya, cadangan Pemuda Harapan menubuhkan pusat-pusat pekerjaan (Job Centre) di setiap negeri mungkin sekadar mengambil alih peranan Job Malaysia yang ada sekarang di pusat-pusat tumpuan seperti UTC dengan menaik taraf beberapa kemudahan tambahan seperti penasihat



kerjaya, bantuan menulis resume, latihan temuduga, dandanan, kelas bahasa dan sebagainya yang belum tentu lagi percuma. Walhal, sebahagiannya boleh diperoleh secara percuma di internet selain pendedahan kepada mahasiswa ketika berada di pusat pengajian masing-masing.

Tawaran bantuan kewangan dan dana untuk penggiat seni dan kreatif serta golongan usahawan dalam beberapa sektor pasti menarik hati mereka untuk memilih Pakatan Harapan dalam Pilihan Raya Umum nanti. Hal ini kerana golongan anak muda yang ramai mempelopori sektor-sektor tersebut.

2. Mengurangkan Kos Sara Hidup, Memperbaiki Kualiti Hidup

Dalam mengurangkan kos sara hidup dan memperbaiki kualiti hidup, Pakatan Harapan dilihat istiqamah dengan janji untuk memansuhkan GST dan tol. Hari ini adalah zaman internet. Maka disamping syarikat-syarikat telco bersaing

menawarkan paket menarik untuk pelanggan, maka Pemuda Harapan tidak menawarkan, tetapi berikrar untuk menggandakan kelajuan internet sebanyak dua kali ganda, pada separuh harga semasa pula. Apa pula tawaran daripada syarikat-syarikat telco selepas itu nanti?

Pemuda Harapan juga hendak membatalkan bayaran untuk mendapatkan lesen motosikal. Tetapi bagaimana pula bayaran latihan untuk mendapatkan lesen motosikal di sekolah-sekolah memandu? Kita sedia maklum, sekolah-sekolah memandu ini adalah satu perniagaan perkhidmatan.

Dalam satu laporan akhbar Kosmo tahun lalu melaporkan hampir 700,000 individu bujang terlajak di Malaysia. Tiada pasangan yang sesuai, kekangan kewangan dan faktor pengembangan kerjaya menjadi sebab utama yang mendominasi dapatan kajian Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) menerusi Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM-5).

Insentif Perkahwinan Belia sebanyak RM500 setiap seorang untuk rakyat Malaysia di bawah umur 35 tahun bagi perkahwinan pertama, mungkin mampu mengurangkan kekangan kewangan yang dihadapi golongan bujang agar tidak 'terlajak bujang'.

Barangkali Pakatan Harapan perlu menambah inisiatif seperti agensi mencari jodoh bagi mengatasi masalah tiada pasangan yang sesuai seperti didedah dalam kajian penduduk tersebut.

3. Perumahan Yang Selesa Dan Mampu Milik

ketika menempuh Kampung Apa Apa, Gelang Mas di Pasir Mas menjelang Subuh tarikh yang sama dengan kes dicampak kerusi itu.

Bayangkan jika cangkul yang kemudian jatuh di tempat duduk penumpang hadapan itu kena pada guru SMK Manek Urai, Kuala Krai itu? Rasa tidak peduli sehingga tahap melibatkan nyawa orang lain juga sebenarnya berjangkit kepada mereka yang meletakkan motor di perkarangan masjid.

Walaupun kesannya tidaklah sehingga tahap meragut nyawa tetapi sedikit sebanyak rasa sabar dipagut. Ketika sembahyang berjemaah itu konsepnya harmoni bersama anggota masyarakat, segelintir orang kita selamba pula meletakkan motor di laluan masuk parkir di perkarangan masjid.

Akibatnya, ruang tengah parkir itu yang boleh memuatkan kira-kira 10 motor lagi kosong mengakibatkan jemaah untuk solat Maghrib yang datang terkemudian terpaksa meletakkan motor di tepi jalan utama sekali gus menganggu pula kelan-



Impian setiap anak muda dan mahasiswa tentulah memiliki rumah sendiri yang selesa dan selamat dengan harga mampu milik. Trend terkini menunjukkan berlaku lambakan rumah 'mampu tengok' dengan harga yang tinggi. Pakatan Harapan perlu memastikan ikrar untuk membina 1,000,000 perumahan mampu milik dalam tempoh dua penggal kerajaan nanti benar-benarlah mampu dimiliki oleh kebanyakan rakyat.

4. Pendidikan Percuma Dan Berkualiti

Antara yang membebankan majoriti ibu bapa yang menghantar anak ke sekolah bukanlah yuran persekolahan, tetapi bayaran untuk buku-buku tulis dan latihan serta alat-alat pembelajaran yang dikatakan wajib dibeli. Malangnya, ada di antara buku yang dibeli kadang kala langsung tidak disentuh dan digunakan dalam sesi pembelajaran. Adakah Pakatan Harapan berhasrat menanggung segala perbelanjaan itu untuk meringankan beban ibu bapa?

Bila dilihat tawaran pendidikan percuma Pemuda Harapan seolah-olah bersifat tidak menyeluruh. Barangkali Pemuda Harapan terlupa atau terlepas pandang bahawa wujudnya Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) selain IPTA. Tidak semua berpeluang masuk ke IPTA dan tidak semua yang masuk ke PTS itu mampu membayar kos

pembelajaran. Jika IPTA ditawarkan pendidikan percuma, bagaimana pula nasib mahasiswa-mahasiswi yang terpaksa memilih PTS untuk menyambung pengajian kerana tidak berpeluang masuk ke IPTA? Tiada apa-apa tawaran insentif atau subsidiah selain bantuan pinjaman pendidikan?

5. Sukan, Rekreasi Dan Kesimbangan Kehidupan-Kerja

Tawaran siaran percuma kesemuanya liga sukan utama di seluruh dunia, termasuk Liga Perdana Inggeris di RTM. Ini mungkin satu berita baik kepada peminat dan penonton bola sepak, dan juga berita baik kepada isteri-isteri yang tidak melanggan siaran sukan di Astro kerana jika berjaya dilaksanakan tawaran ini maka suami-suami tidak lagi melepak di kedai-kedai mamak dan siam untuk menonton perlawanan bola sepak.

Laluan basikal di bandar, kawasan rekreasi, litar lumba, stadium e-sukan, infrastruktur untuk sukan eko. Tawaran-tawaran sukan dan rekreasi ini mampu dilihat realistik dan kita yakin Pakatan Harapan mampu mengotakjanjinya bila mendapat Putrajaya kelak.

Namun, perlu dipastikan juga nanti bukan sekadar berjaya membina tetapi juga perlu berjaya dimanfaatkan kerana kita tidak mahu ia hanya projek 'melepaskan batuk di tangga' seperti yang dilakukan Barisan Nasional.

Ayah buktikan anak muda memimpin perubahan!

* Penulis merupakan anggota Mahasiswa AMANAH Nasional.

Rasa peduli yang dicampak

Oleh ARIF ATAN

Kes seorang remaja lelaki maut dihempap kerusi pejabat yang dicampak dari tingkat atas Blok 102 Projek Perumahan Rakyat (PPR) Sri Pantai, Pantai Dalam di ibu negara, 15 Januari lalu menyaksikan hilangnya kepedulian sosial sebahagian masyarakat kita.

Lokasi pelajar Tingkatan 3 SMK La Salle, Petaling Jaya itu pecah kepala dengan ibu mangsa sempat menadah otak mendiang anaknya berusia 15 tahun itu pula bukan di tepi bangunan flat tapi betul-betul di depan lif.

Bagaimana tergamak si pembaling berbuat demikian di laluan utama penghuni keluar masuk itu? Sebelum ini pun di flat sama dilaporkan sudah berlaku kes individu yang menerima sehingga 16 jahitan juga kerana dihempap barang yang dicampak dari tingkat atas.

Di Kelantan pula, seorang guru lelaki nyaris maut apabila cermin hadapan keretanya pecah selepas dilempar cangkul

caran kereta.

Situasi itu bukan berlaku sekali dua dan bukannya di masjid kawasan pedalaman tetapi di tengah-tengah lokasi simbol kosmopolitan - Masjid Jamek Kampung Baru, 16 Januari lalu.

Pada ketika kononnya kita mahu melangkah status negara maju tetapi kepedulian sosial masyarakat kita semakin mundur. Pembangunan projek mega di seluruh negara tidak seiring dengan pembangunan insan dan rasa saling mengharungi dan menyayangi.

Walhal, keprihatinan terhadap isu pembangunan insan ini sudah disebut sejak dekad 1970-an lagi jauh sebelum masyarakat kita mengenali dunia Facebook dan WhatsApp. Dato' Dr Siddiq Fadzil dalam ucaptama Seminar Pendidikan Tinggi Islam V pada 24 November 2007 juga menekankan kepentingan pembangunan insan ini.

Beliau berhujah berleluasnya jenayah maya dan perhambaan diri kepada wang sehingga lahir penjenayah profesional muncul akibat pembinaan insan yang

menyempit hanya pada aspek kemahiran dengan mengabaikan dimensi-dimensi kemanusiaan lainnya khususnya dimensi moral-spiritual.

Gejala acuan pemerintah juga menghala kepada ekonomi kapitalistik-materialistik sehingga mengabaikan nilai kesejahteraan dalam masyarakat. Tidak terkecuali polisi pentadbiran universiti yang cenderung mentakrifkan mahasiswa sebagai modal insan yang pekat dengan makna kapitalistik-materialistik.

Justeru, menjadi tugas besar Pakatan Harapan jika mendapat mandat pada PRU akan datang untuk membina sumber daya insani dan membangunkan generasi kita sebagai insan sebenar insan dilengkapi ilmu berserta mutu kepedulian sosial yang tinggi.

Tiada guna negara ditumbuhki bangunan pencakar langit di segenap inci serta galak mengejar produktiviti ekonomi jika nilai dan dimensi keinsanan dikebumi.

Mengupayakan rakyat bersama Mahathir?

“ Kalau Mahathir kembali menjadi Perdana Menteri selepas PRU14 nanti, peluang untuk saya bersama Paksi (Seniman Paksi Rakyat) mengemukakan program-program seni-budaya untuk dilaksanakan di bawah kerajaan Persekutuan yang baru, tentulah potensinya lebih baik. ”

SEORANG sahabat yang membaca tulisan saya minggu lalu mengatakan bahawa kita mempunyai hanya dua pilihan, samada Najib atau Mahathir. Tekad Budaya tiada dalam pilihan. Namun, sama ada Mahathir atau Najib yang menang nanti, Tekad Budaya masih perlu meneruskan kempennya hingga ia difahami oleh para seniman-budayawan-intelektual kita.

Lalu dia bertanya siapakah pilihan kita antara dua itu. Saya kata Mahathir lebih baik sedikit, dan Malaysia tak akan menjadi lebih teruk daripada keadaan yang sedia ada. Saya juga percaya ekonomi dan kehidupan rakyat akan menjadi bertambah baik. Tetapi hanya untuk sementara waktu. Rakyat yang sekarang "tak berupaya" mestilah "diupayakan".

Kita harus sedar bahawa kita berada pada tahap yang begini teruk sekarang adalah disebabkan oleh sikap dan mentaliti rakyat yang telah diasuh dan dibentuk sedemikian rupa oleh pentadbiran dan kepemimpinan Dr Mahathir selama lebih 20 tahun sejak 1981. Itu memang kesalahan/ kesilapan yang dilakukan oleh Dr Mahathir, yang tak akan dilupakan, walaupun dia kini sudah berubah, atau 'bertaubat'(?).

Fokus Tekad Budaya lebih kepada rakyat, kepada umat, bukan kepada teraju kepemimpinan. Fokus Tekad Budaya lebih kepada nilai-nilai kehidupan rakyat, bukan kepada kuasa yang dikawal oleh sekelompok orang-orang politik.

Memang situasi sekarang dan keadaan yang ada sekarang memberi kelebihan kepada politik untuk membuat perubahan segera. Tetapi seperti yang selalu saya ungkapkan, politik bukanlah jawapan kepada segala permasalahan masyarakat. Politik selalunya boleh memberi jawapan untuk jangka pendek, tetapi untuk jangka panjang politik selalunya membawa masalah.

Untuk permasalahan besar yang sedang dihadapi oleh masyarakat Malaysia hari ini, yang memerlukan penyelesaian segera, nampaknya pilihan yang ada hanyalah Dr Mahathir, tokoh kontroversi yang berusia 93 tahun itu. Dan pilihan ini serentak menyatakan betapa tidak berdaya dan tidak berupayanya masyarakat Malaysia hari ini. Terpaksa menjilat semula ludah sendiri.

Pilihan ini juga bermakna bahawa

tokoh tegar pimpinan Reformasi yang kita julung selama ini, yang tahun demi tahun membuktikan semangat wajanya tak pernah luntur walau difitnah diaibkan dikejami dibelasah dianiaya dan dipenjarakan selama hampir 20 tahun itu, kini sudah 'surrender', tak berupaya lagi.

Memang Anwar Ibrahim tak pernah berkata atau membuat pengakuan begitu. Tetapi persetujuan partinya Keadilan (PKR) menerima Dr Mahathir (sang algojo yang 'memancang leher'-nya dulu) sebagai bakal Perdana Menteri sekiranya Pakatan Harapan menang pilihanraya akan datang, itulah makna dan implikasinya, pada saya.

Mungkin pada orang lain tidak demikian makna dan implikasinya. Tetapi pada saya, begitulah. Anwar dan seluruh kepemimpinan politik pakatan pembangkang mengaku akan ketidakupayaan mereka untuk menjatuhkan Najib dan menyelesaikan masalah besar yang sedang menghimpit dan menekan hidup rakyat Malaysia hari ini. Kita perlu mengangkat semula orang yang sebelum ini kita berjuang habis-habisan bagi menjatuhkannya.

Dari segi Tekad Budaya kita tidak ada masalah sebenarnya, kerana kita percaya Mahathir lebih baik daripada Najib, dan pengalaman saya secara peribadi mem-

buktikan bahawa Mahathir jauh lebih mesra seni-budaya dibandingkan dengan Najib.

Ada banyak peristiwa seni-budaya yang melibatkan saya bersama Mahathir. Dia hadir teater saya dan saya pernah dijemputnya bersama Usman Awang duduk semeja dengan dia dan keluarganya menonton teater West End di hotel Regent, Kuala Lumpur. Dan saya mendapatkan persetujuannya menjadi penaung siri program 'Puisi Tanahair' ketika duduk bersama dengannya dalam jet peribadinya dalam penerbangan dari Alor Setar ke Kuala Lumpur.

Saya dan kawan-kawan Teater Elit pernah berbincang permasalahan teater bersama dengannya di kediaman rasminya, dan di pejabatnya, sejak dia Timbalan Perdana Menteri lagi. Selepas PRU pertama dia sebagai Perdana Menteri, dia menyediakan makan malam di Rumah Malaysia di Jalan Ampang, istimewa untuk saya dan Sutung Umar RS menjemput siapa saja yang kami nak jemput, untuk makan malam bersama Perdana Menteri, sebagai menghargai Teater Elit menganjurkan 'Malam Puisi Panjang Untuk Mahathir', April 1982.

Rasanya kalau Mahathir kembali menjadi Perdana Menteri selepas PRU14 nanti, peluang untuk saya bersama Paksi



Jika Pakatan Harapan menang PRU14, diharapkan potensi program seni-budaya dilaksana menjadi lebih baik.

**TEKAD
BUDAYA
DINSMAN**

(Seniman Paksi Rakyat) mengemukakan program-program seni-budaya untuk dilaksanakan di bawah kerajaan Persekutuan yang baru, tentulah potensinya lebih baik. Dan ini berkemungkinan memberi momentum baru yang lebih bertenaga kepada Tekad Budaya, untuk melonjak lebih maju.

Itu sekadar berfikir positif terhadap kemungkinan Pakatan Harapan di bawah pimpinan Dr Mahathir memenangi PRU-14. Senarionya tidak demikian sekiranya Tok Guru Nik Aziz masih ada. Saya pasti tidak perlu berfikir lama untuk mengangkat TG Nik Aziz sebagai bakal Perdana Menteri, dan bukannya Dr Mahathir.

Tetapi realitinya TG Nik Aziz sudah tiada, dan kita tak ada pilihan yang lebih baik daripada Dr Mahathir, buat semestinya waktu ini. Maka kita pun maklum, sekiranya itu terjadi, Mahathir dan Pakatan Harapan sudahpun mempunyai senarai prioriti yang cukup panjang untuk mereka laksanakan bagi 'menyelamatkan' negara ini; dan seni-budaya tidak ada dalam senarai tersebut.

Namun saya percaya Mahathir ada sedikit keistimewaan dalam hal ini. Saya percaya dia masih boleh memberi sedikit ruang untuk seni-budaya di dalam senarai prioriti itu. Lagipun apa salahnya memberi sedikit harapan kepada orang yang terbukti pernah memberi layanan istimewa kepada seni-budaya, dan saya sendiri pun mempunyai pengalaman yang positif dengannya.

Sebaliknya saya juga mempunyai banyak pengalaman yang negatif dalam berurusan seni-budaya dengan pimpinan atasaran Keadilan, dan juga dengan teraju pimpinan negeri Selangor masakini.

Dan seperti saya sebut di atas tadi: Fokus Tekad Budaya lebih kepada rakyat, kepada umat, bukan kepada teraju kepemimpinan. Fokus Tekad Budaya lebih kepada nilai-nilai kehidupan rakyat, bukan kepada kuasa yang dikawal oleh sekelompok orang-orang politik. Dan saya bersama Paksi tidak akan mengubah atau berubah fokus itu, walau siapapun pemimpin politik yang menerajui negara ini.

Dan menyedari bahawa rakyat Malaysia sekarang dalam keadaan "tak berupaya", seperti dijelaskan di atas, Paksi melalui Tekad Budaya akan terus berusaha bagi "mengupayakan" rakyat; dengan terus menggerakkan para seniman, budayawan dan intelektual memainkan peranan masing-masing. Insya Allah!

Bila pilihan raya makin dekat...

SEPERTI yang telah kita jangkakan, apa pun keputusan politik yang dicapai oleh Pakatan Harapan hari ini sama sekali tidak akan diterima mudah. Pertaruhan yang diletakkan oleh Pakatan menjelang PRU14 akan datang adalah pertaruhan yang sangat besar risikonya. Gabungan yang terbentuk pula adalah gabungan yang jauh lebih rumit dan kompleks berbanding zaman ia dipimpin Dato Seri Anwar Ibrahim.

Polemik yang muncul dengan hanya menamakan calon Perdana Menteri dan agihan kerusi sahaja sudah menimbulkan keriuhan yang tak kunjung habis, belum lagi dibentangkan polisi, dasar, dan matlamat politik mendatang. Belum juga lagi menjadi kerajaan di Putrajaya sana.

Untuk yang sedang bekerja keras siang dan malam, berceramah dan memacak bendera keliling kampung, bunyi bising ini sangat mengganggu. Untuk yang suka mengulas untuk menunjukkan betapa bijaknya mereka menganalisa politik, bunyi bising ini adalah nyanyian merdu.

Inilah waktunya para saintis dan pakar politik mencari makan. Polemik yang timbul membuka banyak peluang untuk mereka membentang idea dan teori masing-masing. Maka setiap hari pun telefon di meja pejabat mereka berdering tidak henti. Wartawan bersusun untuk mendapatkan buah fikiran mereka. Televisyen dan dada akhbar dihiasi wajah masing-masing. Pada saat-saat sebeginilah, sesiapa sahaja yang bergelar saintis, pakar, dan penganalisis politik akan terlihat fungsi. Kalau tidak, mereka sendiri pun tidak pasti apa fungsi mereka kepada masyarakat.

Begitu pun banyak analisis dan komen-



Semua parti politik sedang giat membuat persiapan untuk menghadapi ibu segala pilihan raya, PRU14.

tar oleh pakar politik yang tersiar atau diterbitkan, tidaklah ada yang lebih menarik dan panas berbanding reaksi yang datangnya dari orang-orang politik itu sendiri. Tidak perlu pun berjela panjang, 140 patah huruf di laman sosial pun sudah cukup untuk menggegarkan mana-mana meja editor portal politik. Yang memuji tidaklah begitu laku sebagai tajuk berita, yang mengejilah yang lagi dicari.

Tidak pun hairan kalau pihak lawan yang mengamuk dan marah-marah – kalau mereka suka dan bertepuk tangan dengan apa keputusan yang dibuat kita, barulah ertinya ada masalah. Yang menghairankan adalah bila sekutu sendiri yang ikut meloncat. Kalau lah sekadar ketua bahagian

atau setiausaha dari mana-mana cabang, tidaklah terguris dan berkudis – sayangnya yang ikut meloncat itu boleh tahan tinggi jawatan-jawatannya.


Mujur sahajalah orang politik silat lidahnya lain macam. Yang tersusul dan terlepas cakap sehingga jadi tajuk berita akhirnya dibilas semula sehingga nampak molek. Kata orang, terlajak perahu boleh ditarik, terlajak kata buruk padahnya. Mungkin kita-kita ini yang sudah masak dan faham benar dengan gohead gostan politik tidaklah terlalu terkejut. Bagaimana dengan yang di luar sana? Tidakkah keliru masyarakat yang membacanya?

Sekonyong-konyong, muncul pula reaksi-reaksi yang lebih radikal, keluar

dari sekadar bermain dalam kolam politik kekuasaan yang sama. Minggu ini sahaja media sosial sarat dengan seruan-seruan yang dahulunya suam-suam sahaja disambut kalau ada yang menyebut. Bersahut-sahut, ada yang mulai berkempen untuk undi rosak. Ada pula yang mengajak untuk boikot pilihanraya. Katanya buat apa memilih kalau sekadar ada Pepsi dan Coke?

Kempen sebegini ada sisi seksi dan berninya. Maka yang mengikut tentulah anak-anak muda belia. Dengan demikian sahaja, ramai yang mula gatal kepala dan tidak senang melihat mereka. Setengahnya mungkin datang dari sekolah pemikiran lama – dicadang guna Akta Hasutan ke atas mereka. Jangan begitu saudara. Itulah akta yang selama ini mengikat dan menyeka orang yang bersuara. Sekian tahun kita melawan, tiba-tiba mahu dikenakan ke atas anak-anak muda belia yang hanya mahu berekspresi?

Yang tidak mahu mengundi bukan hanya mereka yang berteriak boikot dan undi rosak itu. Mereka itu pun berapa kerat sangat. Setengahnya dahulu bukan orang lain, bekas calon juga. Daripada dirisaukan aksi-aksi sebegini, baiklah dirisaukan gerak kerja kita sendiri. Kurang 100 hari lagi, pilihan raya pasti dipanggil. Calon Perdana Menteri sudah nampak – bendera-bendera parti apakah masih dalam stor lagi?



ADAM ADLI
universiti
ketiga

Gabungan tokoh berpengalaman, reformis untuk tempoh transisi

Oleh **JAMZURI ARDANI**

TEMPOH transisi adalah berbeza dengan tempoh penerusan sebuah pemerintahan. Negara ini perlukan tempoh transisi yang lancar demi kepentingan seluruh rakyat jelata.

Apabila Pakatan Harapan mengambil alih pentadbiran negara di Putrajaya kelak, negara pastinya akan mengalami satu tempoh transisi yang sangat genting. Kita memerlukan gabungan antara tokoh pimpinan politik yang sudah berpengalaman mentadbir negara dengan pimpinan baru yang sarat dengan idea dan agenda untuk mereformasikan politik negara.

Gabungan ini insya-Allah akan mjamin tercapai matlamat membina semula negara ini yang sudah sekian lama dirosakkan oleh amalan politik naungan dan korupsi.

Ketepikan dahulu sentimen lama atau baru. Tugas kita bukan untuk menghukum siapa baik dan siapa

jahat. Tugas kita sekarang ialah untuk merubah dan membina semula negara kita.

Kita tidak jadi warga yang baik hanya kerana kita menyokong parti itu atau parti ini. Kita tidak jadi warga yang baik hanya kerana kita mendukung pemimpin itu atau pemimpin ini.

Kita jadi warga yang baik apabila kita memilih untuk bersama membuat keputusan dan bertindak demi kepentingan negara dan rakyat.

Sekarang adalah masanya untuk kita membuat keputusan merobah kepimpinan politik negara. Kita perbaiki institusi negara. Kita perkukuhkan amalan semak dan imbang. Kita tanamkan keyakinan kepada rakyat bahawa negara kita mampu berubah ke arah yang lebih baik.

Sekali lagi, ini bukan persoalan siapa jahat dan siapa baik. Bukan persoalan siapa kuat dan siapa lemah. Bukan persoalan salah siapa atau dosa siapa. Ini tentang persoalan menentukan apa



Untuk tempoh transisi, Putrajaya perlu diterajui oleh tokoh berpengalaman dalam pentadbiran bersama pemimpin yang sarat dengan idea reformasi.

keputusan dan tindakan kita untuk membina negara yang lebih baik untuk generasi mendatang. Generasi anak-

anak dan cucu-cucu kita.

■ **Jamzuri Ardani ialah Pengarah Komunikasi AMANAH Selangor.**

Parti oportunis bakal jual kerusi pada BN

KENYATAAN terbaru Presiden Pas baru-baru ini bahawa parti itu hanya menasarkan untuk menang sekitar 40 kerusi pada pilihan raya umum ke-14 (PRU 14) akan datang dan kerusi-kerusi itu akan dijadikan alat 'tawar menawar' dengan mana-mana koalisi politik sama ada BN atau Pakatan Harapan (PH) menarik perhatian saya.

Menurut kenyataan Presiden Pas, beliau menjangkakan sama ada BN atau PH tidak akan mendapat kerusi majoriti di dalam PRU14 untuk membentuk kerajaan, maka Pas dengan '40 kerusi akan menjadi penentu' siapa yang akan menjadi kerajaan dan Pas akan memihak kepada koalisi yang akan memenuhi tuntutan dan permintaan Pas.

Saya ucapkan terima kasih kepada Presiden Pas kerana berterus terang mengenai matlamat dan halatuju Pas bagi menghadapi PRU14.

Pengakuan terkini Presiden Pas membawa maksud jelas bahawa pilihan saya untuk berhenti dari menganggotai Pas adalah pilihan yang tepat dan begitu juga dengan tindakan rakan-rakan saya yang berhenti dari Pas dan menukuhan Parti Amanah Negara dua tahun lalu juga adalah ijtihad yang tepat. Melalui kenyataan tersebut, saya nampak ada beberapa indikasi penting yang terhasil.

Pertamanya, Pas kini sudah mengakui secara terbuka bahawa mereka bertanding pada PRU14 bersama dengan koalisi yang disebut 'Gagasan Sejahtera' bukanlah atas hasrat



**PENDAPAT
DATUK MAHFUZ OMAR**

untuk menang dan membentuk kerajaan yang pemerintahannya berteraskan Islam, sebagaimana yang digembar-gemburkan oleh 'penyokong-penyokong taksub Pas' selama ini di media sosial mahupun di kedai kopitiam.

Pas rupa-rupanya sekadar berhasrat untuk menjadi 'opportunist politik' maka 'Gagasan Sejahtera' tidaklah layak dipanggil alternatif atau 'third force' untuk rakyat.

Secara peribadi saya agak sedih melihat parti yang lebih 34 tahun saya berjuang di dalamnya selama ini akhirnya menurunkan mertabat dirinya sendiri kepada hanya sebuah parti pelengkap dan 'aksesori' sahaja yang tidak mempunyai sikap yang jelas dalam mendepani halatuju pemerintahan negara demi rakyat.

JUAL KERUSI KEPADA KLEPTOKRAT UMNO-BN

Keduanya, apabila Presiden Pas tanpa selindung mendedahkan bahawa sasaran 40 kerusi Pas tersebut sekiranya dicapai, akan dijadikan 'alat tawar menawar' dengan BN atau PH dengan koalisi yang memenuhi permintaan Pas akan disokong untuk menjadi kerajaan, menunjukkan ianya

“ Melihat kepada rentak politik Pas mutakhir ini terutamanya presiden parti itu yang nampaknya tidak bersungguh mengkritik segala kererosakan dan skandal yang berlaku dalam pemerintahan Umno/BN bahkan semakin mesra dengan Umno, saya yakin jika ditakdirkan parti itu menang 40 kerusi dan BN atau PH tidak memiliki majoriti untuk membentuk kerajaan, Pas sudah tentu tanpa ragu akan memilih bersama BN dan menyokong Datuk Seri Najib Razak untuk terus kekal menerajui kerajaan.”

adalah satu pengakuan besar dari mulut Presiden Pas bahawa parti itu bukanlah lagi parti pembangkang yang relevan untuk melawan regim Umno/BN di bawah teraju Datuk Seri Najib Razak.

Pas terbukti sekarang menjadi parti yang tidak berprinsip apabila memberi bayangan akan kesanggupan mereka untuk menyokong BN.

Melihat kepada rentak politik Pas mutakhir ini terutamanya presiden parti itu yang nampaknya tidak bersungguh mengkritik segala kererosakan dan skandal yang berlaku dalam pemerintahan Umno/BN bahkan semakin mesra dengan Umno, saya yakin jika ditakdirkan parti itu menang 40 kerusi dan BN atau PH tidak memiliki majoriti untuk membentuk kerajaan, Pas sudah tentu tanpa ragu akan memilih bersama BN dan menyokong Datuk Seri Najib Razak untuk terus kekal menerajui kerajaan.

Pendirian Pas ini adalah penipuan awal pimpinan Pas terhadap ahlinya yang diajak

berlawan dengan Umno/BN dan PH pada PRU14 tetapi akan sedia berunding khususnya dengan Umno/BN selepas keputusan PRU kelak. Sudah tentu Pas tidak akan berunding dan menyokong PH untuk membentuk kerajaan baru.

Pas tidak bersedia dilihat membuat pusingan-U untuk menerima PH setelah memutuskan hubungan dengan Keadilan dan DAP yang dianggap menentang agenda Islam Pas, menolak PPBM yang dianggap 'parti penyangak' dan menganggap AMANAH sebagai 'parti pengkhianat'.

Mutakhir ini banyak kenyataan pimpinan Pas menunjukkan mereka lebih selesa dengan kepimpinan Najib Razak. Oleh itu, bagi saya berapa pun jumlah kerusi yang dimenangi Pas, ia akan menjadi penambah kepada kekekuan kerusi yang dimenangi BN.

Justeru, amat malang jika sekiranya rakyat Malaysia khususnya ahli Pas yang masih menyimpan harapan kepada Pas terus

terpedaya dengan angan-angan kononnya Pas akan menyertai PRU14 untuk menumbangkan kerajaan Umno/BN dan tidak melihat mainan sebenar politik Pas yang semakin terserlah niatnya untuk mengekalkan kerajaan kleptokrasi BN di bawah Datuk Seri Najib Razak.

Mengundi Pas bermakna mengizinkan Pas menjual undi pengundi kepada kleptokrat Umno/BN dan undi kepada Pas akan hanya membawa ketidakstabilan politik negara.

Rakyat tidak perlu membuang masa mengundi parti sebegini jika benar-benar ingin melihat perubahan yang lebih baik kepada masa depan negara dan mengheret kerajaan Umno/BN terutamanya Perdana Menteri untuk bertanggungjawab di atas segala kesusaahan dan kerosakan yang dilakukan ke atas rakyat dan negara seperti pelaksanaan GST, peningkatan kos sara hidup, skandal 1MDB, kemelut Felda dan lain-lain.

Maka tiada pilihan lain melainkan rakyat yang mahukan perubahan mengundi parti-parti dari gabungan PH pada PRU14 akan datang.

Walaupun saya telah meninggalkan parti tetapi saya tetap sayangkan ahli-ahli Pas. Mereka telah banyak berkorban dan akan terus diminta berkorban untuk Pas. Saya tak sanggup melihat mereka terus diperdaya dan akhirnya undi mereka dijual pada pemimpin kleptokrat dan Umno-BN selepas PRU14.

Datuk Mahfuz Omar ialah Ahli Parlimen Pokok Sena dan bekas Naib Presiden Pas.

Isu gangguan seksual babitkan ahli Parlimen malukan negara



**PENDAPAT
DR SITI MARIAH MAHMUD**

PENDEDAHAN media tentang gangguan seksual oleh ahli Parlimen terhadap pengamal media wanita yang telah berlaku beberapa tahun sebelum ini tidak boleh dipandang remeh.

Pembongkaran yang dibuat pada tahun ini, sewajarnya diambil perhatian serius oleh kerajaan apatah lagi ahli Parlimen yang terbabit itu dari kalangan parti pemerintah.

Langkah yang lebih tegas dan keras perlu dikenakan bagi menepati hasrat ker-

ajaan yang ingin menjadikan 2018 sebagai tahun memperkasa wanita.

Tiada guna kita mendakwa dada kerana menyediakan pelbagai kemudahan infrastruktur dan dasar untuk golongan wanita jika perkara serius seperti gangguan seksual

seperti ini tidak ditangani segera. Lebih memalukan apabila laporan itu dikeluarkan oleh media antarabangsa, Asian Correspondent yang mana akan memburukkan lagi imej negara di mata dunia. Maka tiada pilihan yang boleh

diamond melainkan ahli Parlimen itu segera didakwa atas jenayah tersebut.

Selain ahli Parlimen terbabit, saya juga difahamkan bahawa majikan pengamal media yang diganggu itu turut mengetahui perkara tersebut. Malangnya pengamal media itu bukan sahaja tidak dibela, malah majikannya turut bersubhat dengan meminta dia menjadikan gangguan itu sebagai peluang untuk terus mendapatkan skop berita.

Pendedahan ini bukan sahaja mengejutkan, malah cukup memalukan kerana golongan media yang terkenal sebagai pejuang dan pembela hak asasi manusia termasuklah golongan wanita sanggup

memperalat kakitangan sendiri demi mengejar berita yang eksklusif.

Saya menggesa semua pengamal media yang pernah mengalami gangguan seksual supaya segera membuat laporan bagi mencegah perkara yang sama tidak berterusan.

Berdiam diri bukan satu pilihan lagi kerana sikap begini akan menyebabkan penindas akan menjadi lebih berani melakukan perbuatan keji itu terhadap mangsa yang lain.

Dr Siti Mariah Mahmud ialah Ahli Parlimen Kota Raja dan Ketua AWAN Nasional.

Selangor harap tiada cubaan sabotaj isu air

SAH ALAM: Pengurus Jawatan-kuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Selangor (JPK-SAS), Ng Sze Han menuntut jaminan tidak berlakunya unsur sabotaj terhadap pentadbiran negeri membabitkan isu air.

Beliau berkata, tidak mustahil unsur sabotaj boleh berlaku ketika musim pilihan raya umum ke-14 (PRU14) yang bakal diadakan tidak lama lagi.

Ahli Dewan Negeri Kinrara itu menegas-

kan, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air-Selangor) bertanggungjawab sepenuhnya memastikan pengurusan air negeri terkawal sepanjang tempoh itu.

"Di pihak JPK-SAS, kami berharap tiada unsur sabotaj daripada pihak tertentu, lebih-lebih lagi musim pilihan raya semakin hampir."

"Kita berharap Air Selangor dapat menjalankan peranan sebaiknya untuk memastikan kemudahan air, di Selangor dapat berfungsi

dengan baik dan berkesan," lapor Selangorkini.

Beliau berkata demikian pada sesi Taklimat JPK-SAS, di Bangunan Annexe, 16 Jan lalu. Mengulas saranan berkenaan, Pengurus Operasi Air Selangor, Ir Abas Abdullah berkata, beberapa pendekatan baru dilaksanakan bagi menghalang sebarang unsur sabotaj dirancang pihak tertentu.

"Berpegang kepada amanah dan tugas yang dipertangungjawabkan, kami percaya

Air Selangor akan memberikan perkhidmatan terbaik dan bertintegriti.

"Memandangkan pilihan raya sudah semakin hampir, kami percaya unsur (sabotaj) itu memang boleh berlaku, namun kami akan segera mengambil tindakan dan menjalankan kerja pemantauan kolam dan sebagainya."

"Amaran dan pemantauan secara keras juga akan dilaksanakan bagi menjaga kepentingan awam," katanya.

Presiden lancar pacuan empat roda AMANAH Serdang



Mohamad mencuba kenderaan pacuan empat roda AMANAH Serdang.

SERDANG: Parti Amanah Negara Kawasan Serdang terus mengorak langkah dengan memiliki sebuah pacuan empat roda baru bagi memudahkan gerak kerja mereka.

Kenderaan jenis Hilux itu dibeli secara tunai dan akan digunakan oleh Skuad

Peduli Rakyat AMANAH kawasan itu sebagai kenderaan rasmi dalam memberi khidmat kepada masyarakat.

Majlis pelancaran kenderaan itu telah diadakan di Wisma Amanah Negara, KL dan disempurnakan oleh Presiden AMANAH Mohamad



SIMBOLIK... Mazwan menerima replika kunci daripada Mohamad sambil disaksikan para pemimpin AMANAH Nasional dan kawasan.

Sabu pada 17 Jan lalu.

Mohamad dalam ucapannya berharap dengan kehadiran jentera baru ini, AMANAH Kawasan Serdang terus mempergiatkan usaha menyalur khidmat kepada masyarakat dengan lebih meluas lagi.

Majlis itu turut dihadiri Setiausaha Agung AMANAH Mohd Anuar Tahir, Timbalan Setiausaha Agung Abang Ahmad Kerdee Abang Masagus, Ketua AMANAH Serdang Mazwan Johar dan para pemimpin AMANAH Kawasan Serdang.

MB Johor gagal tangani isu perobohan kuil

PASIR GUDANG: Pakatan Harapan (PH) Johor kesal dengan sikap kerajaan negeri yang gagal menangani isu perobohan kuil Shree Sivasakthi Shree Sinnakaruppar yang terletak di atas sebuah tanah milik persendirian.

Kuil berusia lebih 80 tahun itu dirobohkan pihak berkuasa tempatan, 11 Jan lalu.

Dalam satu kenyataan bersama, PH Johor berpendapat Menteri Besar Datuk Seri Mohd Khaled Nordin tidak cermat menangani isu membabitkan sensitiviti masyarakat berbilang kaum di negeri ini.

"Beliau juga sebagai seorang ketua eksekutif negeri Johor telah meletakkan imej negeri ini pada sudut yang paling lemah dalam menyantuni sensitiviti serta sosiobudaya masyarakat pelbagai kaum

dan agama seiring runtuhnya kuil Shree Sivasakthi Shree Sinnakaruppar yang cukup ironi terletak dalam kawasan lingkaran kuasa politik beliau selaku Ketua Bahagian Umno dan Pengerusi BN Pasir Gudang," kenyataan itu dipetik.

Khaled ketika mengulas perobohan kuil tersebut berkata, kerajaan negeri telah memperturunkan sebidang tanah gantian untuk kuil tersebut.

"Khaled sebagai seorang ketua kerajaan negeri sepatutnya memahami signifikannya masyarakat India beragama Hindu dengan kuil sebagai rumah ibadat mereka."

"Melalui insiden ini, jelas sekali Khaled gagal menjadi seorang menteri besar yang berdiri untuk seluruh rakyat Johor pelbagai bangsa dan agama."

"Kami berpendapat, sikap Khaled yang seolah-olah berlepas tangan dalam hal ini adalah amat bahaya terhadap kerukunan bangsa Johor untuk jangka masa panjang," kenyataan yang ditandatangani Pengerusi PPBM negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Pengerusi AMANAH negeri Aminolhuda Hassan, Pengerusi Keadilan negeri Hassan Karim dan Pengerusi DAP negeri Liew Chin Tong itu menyebut.

PH Johor berpendapat, Khaled sepatutnya bertindak awal bagi meredakan kemarahan masyarakat India beragama Hindu ekoran tindakan merobohkan kuil tersebut.

Kuil yang dirobohkan itu didirikan di atas tapak tanah milik persendirian di Lot 4907, Mukim Plentong berdekatan Jalan Tasek 64, Bandar Seri Alam, Masai.

Pemilikan tanah tersebut didaftarkan pada tahun 1995.

Khaled ketika menjelaskan tindakan merobohkan kuil itu berkata, walaupun didaftarkan pada 2007, kuil itu dibina tanpa mendapat kebenaran daripada pemilik sah tanah tersebut dan dianggap satu kes pencerobohan.

Cadangan penyelesaian segera yang dikemukakan kerajaan negeri adalah menawarkan sebidang tanah milik kerajaan negeri sebagai tapak gantian.

Namun ia tidak dipersetujui pihak pengurusan kuil.

Susulan daripada itu, pemilik tanah telah mendapatkan perintah mahkamah pada 31 Julai 2017 dan bertindak merobohkan kuil itu pada 11 Jan lalu apabila rundingan gagal.

Pembahagian kerusi parlimen PH

AMANAH Perak masih buka ruang rundingan

Oleh ARIF ATAN

IPOH: Ruang rundingan untuk Keadilan bertukar kerusi Parlimen Lumut yang disandangnya pada masa ini masih dibuka, kata Setiausaha AMANAH Perak, Salman Saleh.

Menurut beliau, AMANAH pada mulanya tidak menyenaraikan Lumut untuk meletakkan calon tetapi pihaknya menerima terlebih dahulu keputusan agihan kerusi parlimen baru-baru ini.

"Lumut mulanya tiada dalam senarai kita. Setakat ini kita terima dulu, sebab sudah masuk dalam kantung kita. Tapi ruang rundingan untuk tukar masih ada lagi.

"Jika PKR (Keadilan) rasa nak bincang balik untuk Lumut, kita buka perbincangan. Terpulang pada PKR. Tapi setakat ini, bila

sudah diagih kepada AMANAH, kita kena mulakan kerja," jelasnya ketika dihubungi.

Ujarnya, mana-mana kerusi yang dimenangi pada pilihan raya sebelum ini wajar terus diwakili parti berkenaan tetapi bagi kes Lumut, beliau tidak pasti faktor Keadilan menolak untuk meletakkan calon di Parlimen itu.

"Yang ada dalam senarai AMANAH, pada mulanya adalah Bukit Gantang. Memang sasaran kita untuk bertanding antara empat atau lima (kerusi Parlimen) saja.

"Cuma Lumut itu bila kita dapat, pening juga sebab PRU-13 lepas, PKR menang dengan majoriti lebih 8,000 undi. Patutnya, kerusi yang mana-mana parti sudah menang kita tidak harus usik. Siapa yang menang, dia yang meneruskan," katanya.

Ditanya jangkaan Keadilan akan tewas

jika terus bertanding di Lumut, Salman bagaimanapun tidak pasti tentang kemungkinan tersebut.

"Itu saya tidak pasti sebab PKR menang besar di Lumut pada PRU-13. Mungkin ada penilaian lain. Mungkin sebab ada kaitan dengan persempadanan baru," ujarnya lagi.

Penyandang kerusi Parlimen Lumut, Mohamad Imran Abd Hamid menang dengan majoriti 8,168 undi pada PRU-13 menewaskan calon BN, Datuk Seri Kong Cho Ha.

Mengulas keputusan AMANAH Perak menukar kerusi Bukit Gantang dengan Kuala Kangsar yang sebelum itu diagih kepada PPBM, Salman berkata terdapat beberapa penilaian telah dibuat.

"Kita ada penilaian-penilaian yang kita

buat untuk putuskan begitu. Umumnya, kekuatan kita di Kuala Kangsar dan Bukit Gantang hampir seimbang.

perlu membuat pilihan, maka AMANAH sepakat dengan PPBM untuk bertukar kerusi. Itu yang jadi begitu," ujarnya.

AMANAH pada PRU-14 akan bertanding di empat kerusi parlimen di Perak iaitu Parit, Parit Buntar, Lumut dan Kuala Kangsar manakala PPBM bakal meletakkan calon di lapan kawasan Parlimen termasuk Bukit Gantang.

Selain itu, PPBM akan bertanding di Larut, Lenggong, Tambun, Bagan Serai, Gerik, Tapah dan Pasir Salak.

Sementara itu, bagi pembahagian kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun), Salman memberitahu sudah 90 peratus selesai dan bakal dimuktamadkan akhir bulan ini.

Usah politikkan bencana ribut

KUALA LUMPUR: Ahli parlimen Sepang Mohamed Hanipa Maidin mengajak semua pihak berdoa agar mangsa ribut di Pulau Pinang, termasuk sebuah markas Pas di Kampung Paya Keladi Hujung, Pinang Tunggal, Kepala Batas, dapat bersabar dengan ujian Allah itu.

Beliau juga mengucapkan takziah kepada semua mangsa.

"Saya harap tidak ada mana-mana pihak yang cuba 'spin' isu ini dengan apa cara sekalipun.

"Musibah ini ketentuan Allah SWT yang merentasi garisan parti dan tak perlu mana-mana orang atau pihak cuba 'spin' untuk tujuan tertentu.

"Pendekatan terbaik bagi sayalah, adalah kita sama-sama berdoa agar mereka yang sedang diuji dengan musibah itu dapat bersabar dan dilindungi oleh Allah," katanya.

Sebelum ini, Ketua Pemuda Pas Pulau Pinang Afnan Hamimi Taib Azamuddeen mendakwa banjir yang melanda negeri itu adalah antara petanda Pulau Pinang akan jatuh ke tangan Pas.

Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi juga berkata, bencana yang turut menyaksikan tanah runtuh, pokok tumbang dan kerosakan harta benda merupakan isyarat negeri itu sedia untuk diambil semula oleh BN.



Markas Pas yang menempatkan Pasti turut roboh dilanda ribut di Pulau Pinang.

Nilai tanah lebuh raya dasar laut hanya RM208 juta

GEOGETOWN: Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng menafikan laporan *The Star* bahawa nilai harga tanah bagi projek pembinaan lebuhraya dan terowong dasar laut negeri itu berjumlah RM3 bilion (RM3,000,000).

Dalam sidang medianya 11 Jan lalu, Guan Eng menyifatkan laporan itu sebagai satu pembohongan kerana nilai harga tanah yang telah ditetapkan kerajaan negeri bagi projek itu adalah RM208 juta.

"Harga yang kita tetapkan ini melebihi harga pasaran kerana kita nak menguntungkan dan memberi faedah kepada kerajaan negeri.

"Nilai pembangunan tanah sebenarnya RM1,300 perkaki persegi. Jadi, bukanlah RM3 bilion seperti yang dilapor oleh *The Star* – bohong! Ini fitnah. Bukan RM3 bilion tapi sebenarnya RM208 juta," tegasnya.

Beliau juga mempersoalkan nilai RM3 bilion yang didakwa akhbar tersebut dan menuntut ia dibuktikan.

"Manapun datangnya (nilai) RM3 bilion yang *The Star* siarkan itu? Mungkin mereka dengar cakap cybertrooper BN.

"Kita nak tanya mana mereka dapat nilai RM3 bilion ringgit nilai pre-selling tanah itu? Menggarut! Kita harap mereka dapat berikan bukti. Mana buktinya? Kita juga nak tau," kata Guan Eng.

Menurut Setiausaha Agung DAP itu, nilai tuntutan sebanyak RM208 juta kepada Zenith adalah jumlah nilai bagi pembinaan tiga lebuhraya (bukan terowong) yang telah mendapat kelulusan EIA.

"Bagi terowong, satu sen pun kita tak bayar lagi walaupun 'feasibility study' siap 92 peratus," jelasnya.

Beliau menegaskan, buat masa ini pem-

binaan tiga lebuhraya tersebut adalah keperluan yang perlu diselesaikan segera melibatkan laluan Teluk Bahang – Batu Feringghi, Ayer Hitam – Tun Dr Lee Chong Eu dan dari Jalan Rawai ke Tun Dr Lee Chong Eu.

Menurutnya, semua kontrak dalam projek pembinaan lebuhraya dan terowong dasar laut itu dilakukan melalui tender terbuka yang diselia oleh sebuah jawatankuasa khas yang diketuai oleh Setiausaha Kerajaan Negeri tanpa melibatkan Ketua Menteri mahupun Exco.

Pada tahun 2014, sebuah firma perunding bebas HSSI dilantik melalui tender terbuka bagi membuat penilaian ke atas tuntutan Zenith bernilai RM302 juta.

Setelah penilaian dibuat ke atas tuntutan Zenith, HSSI mendapat hanya RM208 juta

yang layak dibayar kepada syarikat itu.

"Jangan kata yang kerajaan negeri 'pre-sell' tanah itu kepada RM3 bilion. Itu satu pembohongan.

"Jangan tuduh yang 'feasibility study' tak siap, tuduh kita (kerajaan negeri) dah buat bayaran. Kami tak bayar satu sen pun lagi. Kita akan bayar selepas siap dan diserahkan kepada HSSI dulu.

"SPRM dah mula siasat perkara ni sejak 2016. Sudah dua tahun dan sekarang, sebelum pilihan raya tiba-tiba semua laporan, dakwaan keluar," katanya.

Guan turut mengingatkan bahawa Pulau Pinang satu-satunya negeri yang telah mencipta sejarah dan dipuji oleh *Transparency International* kerana melaksanakan tender terbuka.

Hadiah pokok tebu untuk sambutan Ponggal



Ustaz Hasanuddin menyampaikan pokok tebu kepada seorang penerima.

HULU LANGAT: Pusat Khidmat Masyarakat Semenyih tampil dengan idea baru apabila menghadiahkan pokok tebu kepada masyarakat India bagi menghiasi rumah mereka sempena perayaan hari Ponggal, 13 Jan lalu.

Tampil mengagih-agihkan pokok tebu itu ialah Naib Presiden AMANAH Ustaz Hasanuddin Mohd Yunos dan Penyelaras Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) Semenyih Hamidi A. Hasan.

Hampir 100 orang kaum India hadir untuk menerima hadiah pokok tebu bagi perayaan hari Ponggal, 14 Jan lalu.

Hari Ponggal adalah hari kegembiraan para petani memungut hasil tanaman mereka. Ponggal dirayakan oleh para petani di selatan benua India mendangkan tibanya musim menuai padi.

Turut hadir bersama memeriahkan majlis ialah Pengurus Pertubuhan Pembangunan Ekonomi dan Komuniti Selangor Datuk S-Sugumaran dan para pemimpin masyarakat India Semenyih.



Bergambar ramai selepas mengagihkan pokok tebu kepada masyarakat India yang hadir.

Ustaz Hasanuddin mengucapkan tahniah kepada Hamidi dan petugas PKM Semenyih yang sentiasa membawa idea-idea baru dalam mengeratkan hubungan antara kaum khususnya di daerah ini.

"Kami percaya kerajaan berkebajikan Selangor yang didokong penuh oleh Pakatan Harapan mampu mengekalkan prestasinya selepas PRU14 nanti," ujar beliau.

Beliau menambah, seperti pokok pisang, tebu adalah jenis tumbuhan yang membiak melalui batangnya sendiri.

Pokok pisang melalui akar, katanya men-

yambung generasi baru manakala pokok tebu melalui celah ruasnya akan bercambah sekiranya ditanam.

"Keduanya adalah simbolik kepada sumber rezeki. Sudah tentu ia adalah lambang kebersihan Tuhan Pencipta Alam dan Pemberi Rezeki kepada manusia di dunia ini," ujar beliau.

Semasa perayaan Ponggal, masyarakat India meletakkan tebu di hadapan rumah atas semangat tebu sebagai sumber rezeki yang sambung menyambung.

Terengganu negeri termiskin walaupun bajet RM2 bilion setahun

KUALA TERENGGANU: Kerajaan BN negeri perlu menjelaskan kepada rakyat mengapa Terengganu masih berada dalam kelompok empat negeri termiskin di Malaysia walaupun bajet negeri mencapai RM2 bilion setahun.

Pengerusi AMANAH Negeri Terengganu, Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah berkata, kajian Universiti Malaysia Terengganu (UMT) mendapati wujud komuniti nelayan dengan pendapatan RM460 sebulan di Kampong Teluk Ketapang yang terletak berhampiran kawasan diwakili Menteri Besar Terengganu Datuk Seri

Ahmad Razif Abdul Rahman.

Malah kajian yang dibuat Khazanah, tambah beliau mendapati keluarga nelayan di Kemaman, iaitu kawasan Parlimen diwakili Menteri Pertanian Datuk Ahmad Shabery Cheek, masih berpendapatan di bawah RM500 sebulan.

Menurut Raja Bahrin, rakyat Terengganu juga ingin tahu mengapakah projek-projek yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri kebanyakannya bermasalah dan terus memerlukan pembaikan.

"Rakyat juga ingin tahu kenapakah setiap Menteri Besar hanya ghairah memberi projek

kepada pemborong tetapi tidak memastikan ia dibina dan siap dengan baik?

"Sebelum projek terdahulu disiapkan dengan sempurna, kerajaan tergesa-gesa memulakan projek besar yang baharu pula, " ujarnya.

Beliau juga kesal kerana urus tadbir projek dan kewangan yang lemah kelihatan berterusan dalam kerajaan BN negeri.

"Kalau MB sebelumnya meninggalkan projek yang sakit dan bermasalah, Razif berbelanja sama besar setiap tahun tanpa mewujudkan apa-apa projek baharu yang boleh dilihat dan yang boleh dibanggakan oleh

rakyat," katanya.

Menurutnya, biasiswa dan pinjaman untuk pelajar anak Terengganu oleh kerajaan negeri dan Yayasan Terengganu telah dihentikan atau dipotong namun kerajaan negeri terus berbelanja seperti biasa.

"Kerajaan tidak bersedia berkorban dengan berjimat tetapi pelajar dan anak muda dikorbankan. Ramai pelajar seberang laut termasuk di Timur Tengah menjadi mangsa. Di manakah pembelaan generasi anak muda Terengganu?" soal Ahli Parlimen Kuala Terengganu itu.

Keluarga Leman Raja Lawan sertai AMANAH beramai-ramai

KOTA BHARU: Kaum keluarga Ketua AMANAH Kawasan Sik, Sulaiman Ibrahim yang bermastautin di pelbagai daerah di negeri ini mengisytharkan menyertai AMANAH, baru-baru ini.

Sulaiman yang lebih dikenali sebagai Leman Raja Lawan bersama wakil keluarga beliau, yang diperkenalkan sebagai Pak Lah Kedah berbuat demikian di majlis dialog anjuran AMANAH

di Padang Bongor.

"Pak saya ni orang sini panggil Pak Lah Kedah sudah lama menetap di Kelantan. Sekarang dia tinggal di Taman Desa Kemumin, Padang Tembak, Pengkalan Chepa, " katanya.

Menurutnya, ramai lagi ahli keluarga beliau di Kelantan akan bersama menyertai AMANAH.

"Keseluruhan adik beradik (saudara mara)

saya yang ada di kampung Cherang, Kampung Manik Urai, PCB, Kampung Pauh, Kampung Kandis, Kampung Baung Bayam, Kampung Sabak dan Kampung Landak akan menyertai AMANAH.

"Dua lagi bapa saudara saya, Pak Su Ahmad dan Pak Long Roni akan membantu saya mengumpulkan seluruh keluarga ini kerana saya tidak berkesempatan untuk bertemu dengan semua," katanya.

Menurutnya lagi, seluruh keluarga beliau

di sini berketurunan daripada Allahyarham Deraman Kedah yang berhijrah ke Kelantan.

Pada majlis itu, Pengurus Pakatan Harapan Kelantan Datuk Husam Musa, Pengurus AMANAH Kelantan Datuk Wan Abdul Rahim Wan Abdullah turut hadir.

Majlis dimeriahkan dengan kehadiran peminat-peminat beliau serta rakan-rakan seniman yang ikut serta.

ARiF Selangor anjur kursus persiapan PRU14



Antara pemimpin Pemuda AMANAH dan ARiF yang hadir di acara penutup.

Oleh NASRALLAH ABU BAKAR

KUALA KUBU BHARU: Amal Relief Malaysia (ARiF) Negeri Selangor membuka lembaran 2018 dengan semangat baru dan bersiap siaga mendepani waktu genting pilihan raya umum ke-14 (PRU14) yang dijangka diadakan bila-bila masa.

Selepas tiga tahun ditubuhkan, ARiF khususnya di Selangor telah berjaya menempatkan diri seberis dengan pasukan sukarelawan lain dengan menyertai pelbagai misi bantuan dan juga terlibat mengawal keselamatan dalam himpunan-himpunan besar yang diadakan pelbagai pihak.

Pada 13 Januari lalu, ARiF Selangor telah menganjurkan kursus pengkhususan kepada anggotanya bagi mengasah kepakaran anggota termasuk dalam aspek keselamatan, trafik dan komunikasi.

Hampir 60 peserta dari seluruh Selangor termasuk dari kawasan Kuala Langat, Sepang, Serdang, Hulu Langat, Selayang, Hulu Selangor, Sungai Besar, Shah Alam, Ampang dan Kuala Selangor menyertai program yang diadakan dekat sini.

Naib Presiden AMANAH Ustaz Hasanuddin Mohd Yunus selaku Penaung ARiF Selangor, ketika menyampaikan ucapannya berkata ARiF adalah salah satu faktor yang sangat penting kepada AMANAH dalam mendepani PRU14 akan datang.

"Tidak berlaku apa-apa jika kita tidak menghulur bantuan. Kita harus terlibat dalam sejarah melakar kejayaan kali ini. ARiF Negeri Selangor perlu terus mendukung perjuangan AMANAH untuk

memenangi PRU ini," katanya.

Sementara itu, Pengurus AMANAH Selangor Ir Izham Hashim selaku Pensyait ARiF Selangor ketika merasmikan acara penutup program itu amat mengagumi semangat petugas ARiF dan pengorbanan yang sering dicurahkan.

"AMANAH Negeri Selangor berharap agar pasukan ARiF dapat bersama mengharungi cabaran untuk memastikan kemenangan di tangan kita," katanya.

Turut serta pada program perkumpungan dua hari itu ialah Ketua Pengarah ARiF Nasional Johari Osman, Timbalan Ketua Pengarah 1 Mohd Jahid Zaini, Ketua Setiausaha ARiF Nasional Baharuddin Kassim, Pengarah Program Mohamed Rizal Abdul Razak serta Ketua Pengarah Komunikasi dan Media Baru, Muhammad Nur Ismail.

Selain mempelajari tugas-tugas berkait keselamatan, peserta juga turut diajar kaedah komunikasi menggunakan radio amatur dan kursus personaliti.

Radio amatur adalah kaedah komunikasi penting khususnya ketika berhadapan situasi genting dan dalam keadaan komunikasi biasa tidak dapat digunakan.

Kursus personaliti pula penting bagi memastikan peserta mengetahui kemahiran masing-masing agar dapat saling membantu ketika berada dalam tugas.

Sementara itu, peserta turut didekah dengan latihan praktikal persiapan PRU14 khususnya kaedah dan persediaan menjadi pengiring calon yang bertanding dalam pilihan raya.

Di akhir program, semua peserta turut diberikan sijil penyertaan sebagai penghargaan dan pengiktirafan di atas kemahiran yang telah diperolehi.



Mendengar taklimat daripada fasilitator.



Senaman menguji ketahanan diri peserta.



Kaedah penggunaan peralatan komunikasi juga diadakan.



Bergambar ramai bersama Ustaz Hasanuddin dan Ir Izham seusai kursus.

Menghadapi golongan al-Falul dalam pilihan raya umum

BUKU terakhir yang sedang saya tekuni pada minggu ini ialah sebuah kitab terjemahan 'Al-Intikhabat: Ahkam wa Dabit' (Pilihan Raya: Prinsip dan Hukum) oleh Dr. Akram Kassab yang diterbitkan oleh Institut Darul Ehsan dan Shura.

Buku ini amat baik untuk ditelaah oleh para pencinta Islam yang terlibat dengan pilihan raya sejak dulu sehingga kini. Membaca buku ini adalah amat penting kerana seperti yang disarankan oleh Sheikh Yusof Al-Qaradhawi di dalam kata pengantarnya:

"Sesungguhnya Fiqh Syiysi, ialah suatu kefahaman berkaitan negara dan pemerintahan atau dalam erti kata lain kefahaman Siasah Syariah di antara cabang-cabang ilmu yang memerlukan kepada akal fikiran yang bernes, penulisan yang tajam dan maklumat yang luas agar kupsan yang dilontarkan bertepatan dengan konteks ruang lingkup ilmu Usul dan Maqasid Syariah secara menyeluruh."

"Ia bertujuan agar hasil kupsan benar-benar mengambil kira kepada kemaslahatan umat dalam rangka keperluan hidup mereka sehari-hari dan terlaksananya keseimbangan di antara individu, rakyat, negara dan dunia keseluruhannya, serta menjadi benteng yang mampu memelihara jiwa raga manusia dari sebarang bentuk ancaman dan agenda yang bertujuan untuk menggoda dan menipu mereka di dunia ini serta merosakkan pegangan agama dan kehidupan mereka."

Dr. Akram Kassab yang membuat kajian agak mendalam tentang pilihan raya telah melihat perkembangan politik di Asia Barat khususnya di Mesir di mana sebuah revolusi besar telah berlaku yang terangkai di dalam sesuatu yang dipanggil Musim Semi di dunia Arab (Arab Spring).

Apa yang menarik perhatian saya di dalam kitab tersebut yang tidak sahaja membicarakan tentang sistem pilihan raya, kriteria calon, etika pelantikan, penglibatan bukan Islam mewakili suara kelompoknya, proses pilihan raya syarat-syarat dan adab-adabnya, kese-pakatan (tahaluf) pilihan raya, persain-

gan antara calon, pilihan raya nasional, pilihan raya negeri yang sebelum ini tidak pernah dikupas dengan tuntas oleh para ulama cendekiawan muslim.

Oleh itu, sebuah kitab yang mengambil masa selama enam tahun penyelidikannya oleh seorang murid ulama besar Syeikh Yusof Al-Qaradhawi wajar dimiliki dan ditekuni. Saya amat tertarik membaca ulasan beliau terhadap apa yang disebut sebagai 'falul'.

Menurut pengarang, selepas kejayaan kebangkitan rakyat Mesir pada 25 Januari 2011, rakyat Mesir menyifatkan secara jenaka saki-baki pengikut-pengikut sistem lama sebagai 'falul'.

Asal kalimah 'falul' dari segi bahasa adalah 'fal', 'fulul as-saif' bererti "patah pada pedang itu". Fal juga membawa maksud "melarikan diri", jadi kalimah tersebut membawa dua makna iaitu "patah atau tidak kena pada sesuatu"; kedua, "orang yang berpaling tada dan orang-orang yang sudah kalah".

Sangat tepat apa yang digunakan oleh rakyat Mesir sebagai jolokan kepada jenis manusia seperti ini, dan pengarang Akram Kassab berpendapat fal itu seseorang yang patah hati dan kalah, sedangkan rakyat Mesir memaksudkannya seseorang yang dulunya bersama kerajaan lama yang zalim, iaitu sak-baki mereka yang pernah berkuasa, membinasa negara dan rakyat jadi hamba sahaya.

Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermakna:

"Kamu dapat seburuk-buruk manusia adalah orang yang punya dua wajah, datang kepada kaum ini dengan suatu rupa dan kepada kaum lain dengan rupa yang lain pula." (hadis diriyatkan oleh Al-Bukhari dan Muslim)

"Barang siapa yang bersifat dua wajah di dunia, maka dia akan datang pada hari kiamat dengan dua lidah pula." (hadis diriyatkan oleh Abu Daud, dihukum sahih oleh al-Albani)

Menurut pengarang, pendirian golongan falul itu berubah-ubah bagaiakan sesumpah terkadang memakai pakaian reformasi atau golongan pejuang per-

ubah, tetapi mereka tidak benar-benar yakin dengannya. Kadang-kadang mereka itu seperti mana yang dingatkan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sabdanya:

"Perumpamaan orang munafik bagaikan seekor biri-biri yang mundar-mandir di antara dua ekor kambing, seketika bersama kambing ini dan ketika lain bersama kambing lain pula."

Demikian juga dalam sebuah hadis yang lain dikatakan Rasulullah s.a.w. telah menyentuh tentang golongan pak turut:

"Janganlah kamu menjadi pak turut yang sering berkata, 'Jika orang disekelelingku baik nescaya akan baiklah aku, namun jika mereka zalim, aku jua menjadi zalim'. Hendaklah kamu menetapkan jiwa dan pendirianmu sehingga jika manusia baik, kamu baik bersama mereka, tetapi jika mereka buruk, maka kamu tidak menjadi buruk dan zalim (seperti mereka)." (hadis diriyatkan oleh at Tarmizi - hadis Hasan Gharib)

Menurut pengarang, ciri-ciri al-Falul ialah seperti berikut:

1. Tidak takut pada Allah SWT dan tidak merasa malu dengan manusia.
2. Mempunyai kemampuan yang tinggi untuk melepaskan diri dan mengambil sebarang risiko.
3. Mempunyai kemampuan yang tinggi untuk mencium tangan dan menyapu kot.
4. Mempunyai kemampuan yang tinggi untuk merubah sifat qanaah mereka dan memanipulasikan apa saja kepada masyarakat.
5. Mempunyai kemampuan yang tinggi untuk mencipta program mega dan langsung tidak merealisasikannya walaupun sedikitpun.
6. Menjaga maslahah peribadi walau pun menggunakan wang negara.
7. Berusaha memutarbelitkan apa saja untuk merubah asal-usulnya menjadi hak mereka di masa depan.
8. Mempunyai kepakaran yang tinggi dalam melakukan kerusakan hidup.
9. Mengelakkan keadaan masyarakat supaya sentiasa berada dalam kemis-



PENDAPAT
MOHD ANUAR TAHIR

kinan, dan rakyat akan sibuk dengan mencari rezeki dan tidak mencampuri urusan pentadbiran negara.

10. Berusaha untuk memecah belah kumpulan-kumpulan dalam parti politik yang ada.

11. Mengambil mudah dengan warisan dan sejarah negara serta cuba menjual dan menghadiahkannya atau membahagikannya kepada sesiapa saja.

12. Sentiasa berusaha untuk mengelak diri dari memberi khidmat kepada negara.

Oleh itu, dalam menghadapi pilihan raya yang bakal berlangsung tidak lama lagi, memerlukan ketelitian agar kita tidak tersalah pilih dalam bekerjasama dengan para pelaku yang berbagai ragam itu.

Menurut Syeikh al-Syahid, Imad Affat pernah berfatwa sesungguhnya memilih al-Falul dalam pusingan yang lalu atau sesiapa yang bersekongkol dengan parti mereka hukumnya HARAM secara syarak kerana mereka bersama dalam kejahatan.

Namun, jangan pula semudah-mudahnya mendakwa si polan atau si polan itu tergolong sebagai golongan al-falul tanpa bukti sahih yang tidak meragukan sama sekali. Jangan pula semudah-mudahnya kita memfitnah para aktivis yang telah benar-benar berubah dan ingin berjuang pada jalan yang benar.

Sesungguhnya siasah atau politik itu bukan suatu perkara mudah, ia amat rencam, ia amat rumit dan kompleks sekali. Semoga Allah membantu seluruh pejuang-pejuang tulen yang sedang memasuki kancang pilihan raya umum kali ke-14 ini.

■ **Penulis ialah Setiausaha Agung Parti Amanah Negara.**

Tanah Felda: Jika bukan Najib, siapa?

Oleh FAHMI FADZIL

SAYA terpanggil memberi komen berhubung isu penjualan tanah Felda di Jalan Semarak kepada Synergy Promenade Sdn Bhd (SPSB) melalui transaksi yang meragukan.

Pengerusi Felda, Tan Sri Shahrir Samad sebelum ini telah mengeluarkan kenyataan yang berniat menunjukkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak tidak terlibat dalam penjualan tanah tersebut. Namun, jika audit forensik belum pun tamat dan laporan belum dibentang, bagaimana beliau boleh mengesahkan hal ini? Dan jika beliau mempunyai maklumat yang menjadi asas kenyataan itu, apakah

beliau telah menjelaskan integriti siasatan?

Namun sebenarnya, kenyataan Tan Sri Shahrir ini menimbulkan persoalan besar: Siapakah sebenarnya yang bertanggungjawab di dalam skandal ini?

Saya mendedak agar audit forensik dalam isu ini dijalankan dengan segera agar umum dapat mengetahui antara dalang-dalang yang telah terlibat dalam menjahamkan institusi ini.

Saya juga menggesa agar Datuk Seri Najib berjanji untuk tidak sesekali menggunakan Akta Rahsia Rasm (OSA) menghalang mana-mana bahagian laporan audit forensik tersebut dari diterbit, sebagaimana yang kita saksikan dengan laporan Ketua Audit Negara

berhubung isu 1MDB. Amatlah penting laporan forensik tersebut diterbitkan sepenuhnya, agar kepercayaan umum akan dikembalikan terhadap Felda.

Dalam mengimbas isu yang melanda Felda ini, ianya berpunca daripada pentadbiran Datuk Seri Najib Razak yang sejak mula menyandang jawatan Perdana Menteri kelihatan tidak segan silu untuk mempergunakan institusi-institusi yang sepatutnya menjaga kebijakan orang Melayu, sebagai ganjaran buat pemimpin-pemimpin Umno yang dilihat setia kepadanya.

Trend ini amat jelas berlaku dalam pelantikan individu bagi mengisi jawatan tertinggi Felda, Lembaga Tabung Haji, dan Majlis Amanah Rakyat

(Mara).

Atas kemelut demi kemelut yang melibatkan institusi bersangkutan kerajaan (GLC), dapat disimpulkan bahawa Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak telah menyalahgunakan badan-badan itu untuk memastikan beliau terus berkuasa.

Maka, Datuk Seri Najib perlu mengambil iktibar dari skandal-skandal yang melanda institusi-institusi ini dan segera berhenti memperguna institusi-institusi tersebut sebagai ganjaran politik untuk memenuhi tembolok juak-juak politik beliau.

■ **Fahmi Fadzil ialah Pengarah Komunikasi Keadilan.**

The end is nigh for Umno, BN

By DR DZULKEFLY AHMAD

HISTORY has witnessed the collapse and defeat of 'grand old parties'. Among them, the Institutional Revolutionary Party's (PRI) 71-year-rule in Mexico (1929-2000) and six decades of the Colorado Party monopoly in Paraguay (1947-2008).

Corruption and autocracy spelt the demise 40 years ago of the Indian National Congress, whose lofty ideals were once inspired by the iconic Mahatma Gandhi and Jawaharlal Nehru.

Political pundits are beginning to moot the idea of a similar misfortune befalling the United Malay National Organisation (Umno) which has ruled Malaysia uninterruptedly for 63 years since her first elections on July 27, 1955. Will it ever become a reality in this "Mother of all battles" of the 14th general election (GE14)?

Taking cognisance of the wise words of Albert Einstein: "The definition of insanity is doing the same thing over and over again, but expecting different results", Pakatan Harapan has turned the tables on Umno, with the unanticipated nomination of Dr Mahathir Mohamad and Dr Wan Azizah Wan Ismail as its prime minister and deputy prime minister designate.

Umno was visibly struck and frantic when PH unleashed these two stellar doctors to 'detox' the overly 'toxic politics' of Malaysia and 'critically ill' nation. The agony of the rakyat, beyond cost of living, seems equally unbearable, too.

Umno's spin doctors and media machine were on overdrive to character assassinate the 'vintage' 92-year-old Dr Mahathir. Ministers led by Prime Minister Najib Razak, were spewing malicious and defamatory remarks of the person of Dr Mahathir round the clock. But it is obvious to all and sundry that Umno-BN has hit the panic button.

Understandably so, on the heel of securing 53% of the popular vote in Peninsular Malaysia and 51% nationally in GE13 by the Reformasi icon, Anwar Ibrahim, what does it now take to affect the "last push" of securing an outright victory in GE14?

Well, it would seem very plausible that the Dr Mahathir-Dr Wan Azizah combo would provide the Midas touch required to trigger the final ousting and demise of the Najib Umno-BN kleptocratic government. It is not for the dearth of younger crops of leaders, namely Azmin Ali, Husam Musa, Nurul Izzah Anwar, Rafizi Ramli et al but more so, because only Dr Mahathir and without Anwar, Dr Wan Azizah that now fit the bill!

The prospect of having the first woman DPM is outlandish to the many women voters wanting to see more than just lip-service.

More strategically, this PH leadership decision abundantly debunks the oft-repeated propaganda that DAP dominates the coalition.

The named PM and DPM-designate from PH has obliterated all such nonsense as

Lim Kit Siang would become the new PM or Lim Guan Eng would be installed as the deputy prime minister.

But lo and behold, PH is still very much a Malay-Muslim leadership, albeit an inclusive and progressive one. That is the narrative for a new hope (harapan) and a new beginning... a better Malaysia.

The decision literally took the wind of their sails. Both Najib and Abdul Hadi Awang have considerably lost their premium GE14 campaign, in the rural and as well urban Malay-Muslim voters, from using the race and religious card.

Granted, the early announcement of Dr Mahathir-Dr Wan Azizah was a political master stroke of sort. It was deliberately aimed at redressing the many Malay dilemma and the 'manufactured' confusion.

The choice of the Malay leadership is now clear: between one which works for 'maintaining kleptocracy' and one which attempts at 'debunking kleptocracy'.

The combination of Dr Mahathir-Dr Wan Azizah hence mainstreamed the Reformasi message, which was captured in the '13 agenda for change' at the PH convention. Notwithstanding, an action plan was also laid out for the eventual nomination of Anwar as the eighth prime minister by the executive branch of the PH government.

Besides, Dr Mahathir in his acceptance speech invoked forgiveness for his excesses in the past. It was magnanimous much as it is a rarity in political history. His special mentioning and thanking of the family

and former ally-turned-nemesis-turnedally was stupendous, much to the chagrin of the unrepentant and remorseless Najib.

Quite timely too, some of the allegations against Dr Mahathir are now proven false and unfounded.

The former attorney-general Abu Talib Othman, in a recorded video message, clarified that Dr Mahathir was not responsible for the unceremonious discharge of chief justice Salleh Abbas and a few other judges.

The Memali tragedy was laid flat to the face of Hadi and his acrimonious Amanat Hadi. The ploy of Najib to blame Dr Mahathir for the Bank Negara forex losses was wittily rebutted by Dr Mahathir's expose of RM161 billion forex losses, when BNM tried, in vain, to 'defend' the falling ringgit using our foreign reserve.

Has PH found in this duo a special formula to fortify the strategic planning for a victory in GE14? The suffering rakyat, particularly the bottom-40 (B-40), the lower middle-40 (M-40) and in fact across all the social class, gender, age, ethno-religious and voters' segmentations, would want to believe that change is not only possible but as well mandatory in GE14.

With the nation on the brink of a systemic collapse, due to a prime minister who usurps all power of check and balance, failure is no longer an option.

■ **Dr Dzulkefly Ahmad is AMANAH Strategy Director.**

What's your alternative to Mahathir?

By MARIAM MOKHTAR

THERE are times in life when you have to make tough decisions. Not every decision can be perfect, and you would be naive to think that each comes with a cast-iron guarantee. The most important thing is that you tried your best.

Former prime minister Dr Mahathir Mohamad has teamed up with the opposition coalition to try and regain control of Malaysia. His party, PPBM, has managed to unite the leaders of PKR, DAP and Pas-breakaway party AMANAH.

While news of Mahathir's resurgence has upset many Umno-Baru supporters and definitely Prime Minister Najib Razak, many other Malaysians are also displeased with the 'new' Mahathir-Pakatan Harapan (PH) line-up. They have threatened not to vote in GE14 because they claim that

voting for Mahathir would be a jump from the frying pan into the fire.

Their anger is manifold. They say Mahathir's policies sowed the seeds of disunity. They claim that PH can win on its own, without Mahathir. They dismiss the projection of Malay loyalty to Mahathir and claim that this may be overstated. They are also angry with the infighting among opposition parties, which seem to be busy trading blows with one another instead of bringing down Umno-Baru.

Are the Malaysians who will not vote in GE14 justified in staying at home, or are they being selfish and irresponsible?

Are they content to do nothing? Are they happy to live with high prices, corruption, incompetent civil servants and rising racial and religious intolerance for another five years?

One human rights activist and political observer disagrees with people who threaten to refrain from voting in GE14

just because they are displeased with Mahathir. He said, "Idealism is a luxury we cannot afford when the house is on fire."

Like it or not, we are all Mahathir's children, metaphorically. He was Malaysia's longest serving prime minister, and ruled with an iron fist for 22 years. He opted to resign in 2003 rather than overstay his welcome. His policies have affected all of us, in one way or another.

As a result of his ketuanan policies, the potential of the non-Malays was not fully realised. The Malays were rewarded, irrespective of their worth. When Mahathir left office, he also left a divided nation. He may have resigned, but it was alleged that he kept a close eye on various issues from a distance.

So, what do Mahathir's detractors want? There is little point in moaning and not offering a solution. Spoiling their vote is akin to giving Umno-Baru/BN the vote. Abstaining from voting is,

again, like giving Umno-Baru/BN another five years of power.

Malaysia is at a crossroads. The opportunity to overthrow 60 years of misrule will never present itself again, because if change does not happen after GE14, chances are that our descent will accelerate.

Mahathir has added to our momentum for change. We should capitalise on that. Many of us abhor his policies, but GE14 is not about us. It is about getting Malaysia back on its feet.

Perhaps the people who reject Mahathir can share their alternative plan for defeating Umno-Baru. What is their Plan B?

Malaysians needs to be reminded that if they vote for change in GE14, they can easily vote for another party in GE15 if PH under-performs.

■ **Mariam Mokhtar is an FMT columnist.**

Isu tanah Felda, hadis calon PM dan tapisan pilihan raya

BILA kita tonton cerita kartun dalam TV, kita kena sedia lihat kisah-kisah temberang. Contohnya watak tertentu sudah dihempap dengan sesuatu yang berat, badan dah hancur berkecaci, lepas itu boleh hidup balik. Itulah misteri kartun.

Bila lihat isu tanah Felda di Jalan Semarak, saya rasa macam tonton cerita kartun juga. Mana tidaknya? Mula-mula kata tanah Felda bernilai jutaan ringgit sudah dipindah milik kepada sebuah syarikat.

Lepas itu keluar kenyataan Felda tak dapat sesen pun daripada transaksi bernilai jutaan ringgit itu.

Lepas itu ada laporan polis. Polis kemudian ambil keterangan. Mantan Penggerusi Felda paling akhir diambil keterangan atas alasan berada di luar negara. Itu tidak termasuk sebelum ini yang meskipun ada tuduhan skandal lain yang dikaitkan dengan beliau, dia masih dihantar ke Suruhanjaya Perkhidmatan Awan Darat (SPAD) sebagai pengerusi.

Selepas itu timbul berita mengatakan mantan Penggerusi Felda sebenarnya sudah balik dan ada di Malaysia; siap boleh pengerusikan mesyuarat Umno bahagian lagi. Wartawan nampak dia, polis macam tak nampak atau sengaja tak nampak... Wallahu'alam.

Ya beliau akhirnya dipanggil juga untuk beri keterangan. Isunya bukan dia dipanggil juga akhirnya, tapi kenapa dia boleh tidak dipanggil lebih awal dari itu dalam keadaan dia ada di dalam negara?



Itu isunya, tapi itulah 'kartunya'.

Yang terbaru dikatakan tanah itu sudah dipindah milik semula kepada Felda semula tanpa kos. Ini lagi kartun.

Yang lagi bagus kartunnya, meskipun dalam Akta mengatakan transaksi yang 'dubious' (meragukan) itu perlu dapat persetujuan menteri yang menjaga Felda (pastinya Perdana Menteri atau MO1), Penggerusi Felda kata Perdana Menteri tak terlibat (ikut laporan media).

Meskipun dikatakan MO1 tak terlibat, tapi itu bukan bermakna dia tidak perlu bertanggungjawab. Bila melibatkan kuasa beliau untuk meluluskan (termasuk kuasa untuk tidak meluluskan), isu dia terlibat atau tidak, bagi saya sudah tidak relevan.

Jika dia beri kelulusan pun dia bertanggungjawab, jika dia tak beri kelulusan pun dia kena juga bertanggungjawab. Sebab macam mana dalam keadaan dia tidak beri kelulusan, urusniaga itu boleh diteruskan juga. Mengapa dia tak tahu? Dia buat apa selama ni?

Patutnya polis kena juga panggil dia untuk bagi keterangan. Tapi dalam cerita kartun, saya rasa bukan polis yang akan panggil dia, silap haribulan polis pula yang kena dipanggil olehnya. Bukanlah cerita kartun mesti ada unsur humor!

Lagi satu, MO1 yang lantik mantan Penggerusi Felda. Jadi dia tidak boleh lari daripada tanggung jawab juga. Jika tidak dari segi legal sekalipun, paling kurang dari segi politik atau moral. Kalau dia masih ada moral lagilah.

Itulah cerita kartun berhubung Felda. Saya harap isu Felda ni bukan cerita kartunlah YB Johor Bahru.

GUNA HADIS GAMAKNYA BILA CALON PM BUKAN DARIPADA PARTI DIA

Laman portal berita, Malaysiakini lapor seorang pemimpin Pas tidak mahu menamakan calon Perdana Menteri (PM) sebab kononnya bersandar pada hadis yang antara lain bermaksud:

"Kepimpinan itu milik Allah, Dia akan datangkan sesiapa yang dikehendaki-Nya."

Dan dia juga kata yang pasti, bagi Pas, pilihan calon PM bukan Tun Mahathir Mohamad atau Datuk Seri Najib Razak (MO1).

Kasihan. Agaknyalah, katakan kita namakan calon PM tu daripada Pas, mungkin masa itu sudah tak guna pula hadis itu lagi? Dulu dalam Muktamar Pas, saya masih ingat, Ketua Dewan Ulama Pas yang sekarang ini, dalam muktamar tersebut, minta semua perwakilan dan pemimpin di atas pentas Muktamar bangun menyokong cadangan beliau agar YB Marang yang juga Presiden Pas jadi calon PM. Tidak dengar pulak hadis itu

dibaca. Meskipun saya masa itu agak keberatan nak bangun, tapi bangun jugalah bagi nak jaga hati.

Satu lagi mengapa hadkan defnisi pemimpin tu kepada PM sahaja. Calon Menteri Besar (MB) atau yang lain tidak masuk dalam kategori pemimpinkah? Bukan apa, sudah lupakah semasa isu MB Selangor dulu? Bukankah ada satu ketika Pas beri nama semua calon bakal MB Selangor kepada istana daripada Pas walaupun kerusi MB itu telah dipersejui direzab kepada Keadilan?

Begini juga isu calon Dun Kota Damansara sehingga sanggup seludup baiah dan sebabkan calon BN yang menang.

Tidak sokong Tun Mahathir sebagai calon PM saya rasa OK dan munasabah. Tapi bila kata tak sokong MO1, macam temberang sahaja. Bukanlah sekarang ini Allah dah tentukan MO1 sebagai PM dan banyak kali Pas "bagi nyawa" kepada pemimpin Umno itu.

Takkan lepas ini sudah tak mahu sokong lagi MO1. Tidak kasihankah pada dia atas penat lelah bagi laluan kepada Pas bentang RUU 355 yang tidak dibahas dan puji YB Marang dalam perutusan tahun baru? Takkan tak nak kenang jasa dia?

TAPISAN INTEGRITI CALON BN

Timbalan Perdana Menteri (TPM) dilaporkan berkata semua bakal

calon BN akan melalui penapisan integriti yang penuh (full integrity screening) bagi pastikan mereka tidak terlibat dalam apa jua salah laku yang melibatkan integriti.

Dia juga kata penapisan itu akan dilakukan oleh Unit Khas dengan agensi yang berkaitan khususnya SPRM. Masalah berkaitan dengan integriti, salah guna kuasa, rasuah dan karekter akan diberi perhatian, kata beliau.


Saya cadangkan TPM lebih baik tarik balik proses penapisan integriti tersebut. Bukan apa, saya tak nampak Umno/BN akan ada calon nanti walaupun seorang. Yang paling kasihan bos dialah... Tak tahulah jika bos dia akan lepas penapisan integriti tu nanti atau tidak?

Andai kata penapisan integriti itu guna mesin tertentu, saya rasa bila tiba mesin itu nak tapis bos TPM, mungkin mesin tu sama ada tak boleh baca, rosak atau keluar isyarat bahaya, ada virus 1MDB di merata tempat!

Tapi jangan takut. Bos TPM pasti melepas proses tapisan. Jika bos dia lepas tapisan, tentu juga mantan Penggerusi Felda akan lepas sebab jika tak lepas mesti si mamat itu akan hujah balik, "Habis macam mana MO1 boleh lepas?"

Mohamaed Hanipa Maidin ialah Penggerusi Biro Undang-undang (Kanun) AMNAH dan Ahli Parlimen Sepang.

Parlimen Ayer Hitam kubu atau istana pasir BN?



PORTAL berita The Malaysian Insight baru-baru ini menerbitkan sebuah laporan bertajuk "Jika letak botol kicap pun, BN boleh menang".

Tajuk itu dari petikan temuramah dengan orang awam. Namun ia juga menggambarkan tahap pemikiran BN di Ayer Hitam, setidaknya sehingga Konvensyen Pakatan Harapan pada 7 Jan 2018.

Ayer Hitam memang merupakan kerusi paling selamat MCA, lebih selamat berbanding kerusi di Bentong yang dipegang Presiden MCA Liow Tiong Lai.

Konvensyen Pakatan Harapan pada 7 Jan lalu mencapai dua keputusan utama yang tidak pernah terjadi sebelumnya dan yang tidak pernah dicapai oleh pakatan

pembangkang sebelum ini, iaitu menamakan calon Perdana Menteri ketujuh, Timbalan Perdana Menteri dan Perdana Menteri kelapan; selain merumuskan rundingan kerusi di Semenanjung Malaysia sebelum pilihan raya umum tiba.

Keputusan pengagihan kerusi memberi kejutan di Johor. Tiba-tiba, kerusi Tanjong Piai (yang diserahkan DAP kepada Parti Pribumi Bersatu Malaysia) dan Ayer Hitam (yang akan ditandingi Parti Amanah Negara dengan menggunakan logo DAP) menarik perhatian. Dua kerusi MCA itu yang sebelum ini dilihat selamat untuk BN kini akan menjadi 'kompetitif'.

Ayer Hitam merupakan kerusi dengan 56% pengundi Melayu, 38% pengundi

Cina dan 4% pengundi India. Kerusi ini tidak pernah menjadi kerusi mudah untuk pembangkang, terutamanya di Johor di mana BN secara perbandingan lebih kuat berbanding di negeri lain.

Saya ialah orang yang pertama mengakui Ayer Hitam adalah kerusi yang sukar untuk Pakatan Harapan (PH). Namun untuk PH mengambil alih Putrajaya, PH perlu menang setiap kerusi separa bandar yang mempunyai pengundi campuran dengan majoriti Melayu seumpamanya di pantai barat Semenanjung.

Sejak 7 Januari lalu, Ayer Hitam telah bertukar daripada 'kawasan putih' kepada 'kawasan kelabu' untuk BN. Sebagaimana sesetengah pihak dalam BN masih percaya ia merupakan kubu kuat yang boleh dimenangi dengan 'botol kicap', sesetengah yang lain mula sedar Timbalan Presiden MCA Wee Ka Siong sebenarnya

sedang duduk dalam sebuah istana pasir yang boleh runtuh bila-bila masa.

Ahad lalu (12 Jan 2018), Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng dan Presiden AMNAH Mohamad Sabu menghadiri majlis kutipan dana di Yong Peng. Hari ini, bersama Naib Pengurus DAP Johor Teo Nie Ching, Setiausaha DAP Johor Gan Peck Cheng, Bendahari DAP Johor George Poh Eng Guan, Adun Yong Peng Chew Peck Choo, Ramli Abdul Hamid (Biro Komunikasi AMNAH Johor) dan Ketua AMNAH Ayer Hitam mengadakan kunjungan ramah mesra di pasar basah Yong Peng di Jalan Meng Seng.

Pakatan Harapan akan buat yang terbaik bagi mengalahkan BN di Ayer Hitam bagi membentuk kerajaan baru di Putrajaya.

Liew Chin Tong ialah Pengurus DAP Johor.

TEMERLOH

Mercu tanda bandar Temerloh di tebing sungai Pahang.

PH optimis tawan Parlimen Temerloh

TEMERLOH: AMANAH Pahang yakin Pakatan Harapan (PH) mampu memenangi kerusi P.088 Parlimen Temerloh pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) nanti.

Kerusi Parlimen Temerloh adalah satu-satunya kerusi yang diperuntukkan kepada AMANAH, daripada 14 kerusi Parlimen di negeri Pahang untuk ditandingi pada



PRU14 akan datang.

Timbalan Ketua AMANAH Temerloh, Syed Hamid Syed Mohamed (**gambar**) berkata, keyakinan tersebut adalah berdasarkan persembahan dan prestasi parti-parti dalam PH di tiga kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun) di bawah Parlimen Temerloh iaitu Semantan, Mentakab dan Lancang.

Beliau yang juga Adun Kuala Semantan berkata, dua Dun di bawah Parlimen Temerloh iaitu Semantan dan Mentakab dimenangi oleh parti dalam PH pada PRU13 lalu.

"Dun Semantan dikuasai oleh AMANAH dan Dun Mentakab oleh DAP."

"Sementara itu di Dun Lancang, PH yang dulunya Pakatan Rakyat, cuma kalah tipis," kata beliau sewaktu ditemui.

Ketiga-tiga Dun berkenaan kata beliau, terdiri daripada pengundi campuran dan di Dun diwakili beliau iaitu Semantan, pengundi Cina 14 peratus, pengundi Melayu 85

Fokus Kawasan Temerloh

peratus dan selebihnya pengundi lain-lain bangsa.

"Begini juga keadaannya dengan pengundi di Dun Mentakab, tetapi di Dun Lancang, walaupun peratus pengundi Melayu tinggi di Dun berkenaan terdapat ramai pengundi India.

"Pada pilihan raya umum lalu Pakatan Rakyat kalah tipis di sana kerana strategi yang diambil dilihat membelakangkan pengundi India sedangkan undi mereka juga signifikan.

"Hal ini akan diatasi pada PRU14 akan datang di mana kita akan memberikan tumpuan kepada kelompok ini," sambungnya.

Ditanya mengenai gerak kerja yang akan diambil bagi menghadapi PRU14 nanti, Syed Hamid berkata, AMANAH Pahang akan bekerjasama erat dengan lain-lain parti dalam PH untuk menjayakan misi menawan Parlimen Temerloh ini.

Gerak kerja AMANAH akan ditumpukan di Dun Semantan, manakala DAP di Dun Mentakab dan Keadilan di Dun Lancang.

Memandangkan AMANAH hanya bertanding di Parlimen Temerloh, AMANAH akan menggerakkan jentera AMANAH dari seluruh negeri ini untuk membantu," kata beliau.

Pengundi Felda

Kata beliau lagi, di bawah Parlimen Temerloh terdapat dua kawasan penempatan Felda iaitu Felda Bukit Damar dan Felda Lakum, kedua-duanya dalam Dun Lancang.

Sehubungan itu katanya, AMANAH dan PH akan berusaha mendekati mereka dengan membawa tokoh-tokoh berkaitan Felda bagi menjelaskan permasalahan yang mereka hadapi.

"Kebetulan sekarang ini isu-isu Felda begitu hangat diperkatakan dan pelbagai penyelewengan didedahkan.

"Kita akan jelaskan kepada mereka apakah kesan-kesan yang akan menimpah warga Felda hasil penyelewangan yang didedahkan itu," sambungnya.

Isu calon

Mengenai calon yang akan bertanding di kerusi Parlimen Temerloh beliau berkata, AMANAH Pahang berharap pucuk pimpinan dapat meletakkan seseorang yang punya 'aura' dan benar-benar dapat berkhidmat kepada penduduk kawasan parlimen yang menjadi tumpuan itu.

"Pengundi di sini tidak suka wakil rakyat yang hanya jenguk muka sesekali sahaja dan sukar didekati. Pada masa lalu, beberapa orang wakil rakyat ditolak oleh pengundi kerana faktor ini walaupun calon itu orang tempatan tetapi mereka duduk di luar dan datang jenguk sesekali.

"Dalam hal ini terpulanglah kepada pucuk pimpinan untuk meletakkan calon yang dirasakan sesuai dan punya kaliber," kata beliau.

Untuk masa terdekat AMANAH dan PH Pahang akan mengatur beberapa program sebagai sebahagian gerak kerja kempen menjelang PRU14 nanti.

"AMANAH dan PH akan mengadakan majlis makan malam untuk mencari dana membiayai pilihan raya, dan juga akan menjemput Datuk Husam Musa berceramah di bandar Temerloh," kata beliau.



Presiden AMANAH Mohamad Sabu menyantuni kanak-kanak pada program sambutan Aidilfitri Pas Pahang di bandar Temerloh.



Rafizi, Syed Hamid and Ahmad Tarmizi bergambar bersama orang ramai seusai program jelajah Invoke.



Orang ramai mengikuti ceramah umum anjuran Invoke di Mentakab.

Isu pekerjaan, rumah mampu milik tumpuan pengundi Temerloh

KETUA AMANAH Temerloh, Ahmad Tarmizi Ismail berkata, isu pekerjaan dan rumah mampu milik adalah dua isu yang bakal menjadi tumpuan pengundi di kawasan parlimen itu pada pilihan raya umum ke-14 (PRU14) selain isu utama iaitu GST.

Menurut beliau, dalam keadaan ekonomi Malaysia seperti sekarang ini, banyak industri dan perniagaan di sini telah menghentikan operasi mereka dan 'tutup kedai'.

Ekoran itu katanya, mereka yang sebelum ini terbabit dengan industri serta perniagaan telah hilang pekerjaan dan ia tidak dapat diganti dengan pekerjaan baharu akibat ketidadaan sumber pekerjaan baru.

Sebagai contoh kata beliau, beberapa kilang di Taman Industri Mentakab telah menghentikan operasinya seperti kilang



Ahmad Tarmizi Ismail

kertas (MNI Sdn Bhd) yang memberikan pekerjaan kepada ramai warga tempatan sebelum ini.

Ketidaaan sumber pekerjaan antara lain disebabkan Temerloh bukanlah satu bandar

tumpuan yang didatangi pihak luar sekali gus dapat menyediakan sumber pekerjaan baharu buat warga tempatan.

Beberapa pihak katanya telah lama menyuarakan supaya didirikan pusat pengajian tinggi di Temerloh seperti di Jengka dan Raub supaya ia boleh menyumbang ke arah menjadikan daerah tersebut 'hidup' dan dikunjungi ramai.

Malangnya sambung beliau, syor dan cadangan itu tidak diberi perhatian.

Menyentuh isu perumahan, Tarmizi berkata tidak dinafikan kerajaan telah membina banyak rumah di daerah tersebut tetapi harga yang ditawarkan kepada pembeli adalah di luar keupayaan mereka.

Harga rumah di daerah tersebut, jelas beliau adalah sama dengan harga rumah di bandar-bandar besar seperti Ipoh dan Kuala Lumpur sedangkan pendapatan penduduk tempatan tidak setinggi mana.

Bangunan-bangunan kedai pula, katanya mencecah harga yang melampaui akibat manipulasi harga pihak pemaju yang tidak dikawal.

Akibatnya, banyak bangunan kedai yang tidak terjual dan tidak diduduki, katanya.



Antara kilang yang ditutup di daerah ini ekoran kelembapan ekonomi.

Pengundi Cina Temerloh sokong Tun M sebagai PM

TIMBALAN Pengerusi Amanah Pahang, Syed Hamid Syed Mohamed berkata, masyarakat Cina di kawasan Parlimen Temerloh menyambut baik dan menyokong perisytiharan Pakatan Harapan (PH) yang menamakan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri (PM) sekiranya PH berjaya mengambil alih Putrajaya pada PRU14 nanti.

Perisytiharan itu dibuat oleh PH dalam konvensyen yang diajukan di Shah Alam, 7 Jan lalu.

Dalam perisytiharan itu Tun Mahathir dinamakan calon PM dan Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail sebagai Timbalan Perdana Menteri (TPM).

Menurut Syed Hamid, masyarakat Cina kebanyakannya terdiri daripada orang bermiaga dan

dalam keadaan ekonomi sekarang lebih-lebih lagi setelah Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dilaksanakan, kesemuanya sangat membebankan mereka.

Kebanyakan mereka merasakan polisi-polisi berkaitan GST yang dikenakan ke atas peniaga-peniaga menyulitkan dan tidak membantu menyuburkan perniagaan.

"Ada peniaga yang sudah berumur, yang tidak tahu menggunakan komputer, kini terpaksa mengajukan seseorang untuk menguruskan hal-hal berkaitan GST ini sedangkan pendapatan hasil perniagaannya tidaklah seberapa."

"Malah ada peniaga yang terpaksa tutup kedai," kata Adun Kuala Semantan itu.

Hal ini, katanya berbeza sewaktu Tun Mahathir menjawat Perdana Menteri dan mereka yang telah melalui zaman tersebut dapat membandingkan dengan keadaan ekonomi di bawah pemerintahan Najib Tun Razak sekarang.

Selain itu, tambah beliau janji PH untuk menghapuskan GST dalam masa 100 hari jika PH memerintah negara, turut memberikan harapan dan kelegaan kepada mereka.

Syed Hamid menambah, pengundi Cina mewakili peratus yang besar dalam Parlimen Temerloh dan bakal memberikan impak signifikan pada keputusan pilihan raya kawasan parlimen itu nanti.

Isu GST

Bagaimanapun kata Tarmizi, isu utama yang mencuri tumpuan masyarakat tempatan adalah pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) kerana ia memberikan kesan yang besar kepada rakyat.

Di bandar Temerloh ini kata beliau, banyak perniagaan terpaksa ditutup atau terpaksa beroperasi dalam keadaan nazak akibat GST.

"Peniaga-peniaga yang sudah berusia, yang tidak pandai mengendalikan komputer mengadu, untuk menguruskan perkara berkaitan GST mereka terpaksa menggaji seseorang untuk mengendalikan urusan tersebut sedangkan hasil perniagaan tidak sebanyak mana."

"Ekoran itu ada yang tutup kedai," katanya.

GST ujar Tarmizi, memang mempunyai kesan yang besar terhadap rakyat di sini terutama membabitkan barang makanan.

"Mereka tidak peduli sangat isu seperti 1MDB dan penjualan harta Felda di luar negara, biarpun ia melibatkan wang yang sangat besar mencecah berbilion ringgit."

"Tetapi apabila harga ikan kembung mencecah hampir RM20 sekilo dan ikan bilis pula RM50 sekilo, harga minyak yang saban minggu naik, mereka mula bersuara," tambah beliau.

Oleh itu katanya, dalam kempen PRU14 Pakatan Harapan (PH) perlu menjelaskan dengan sempurna kesan GST kepada rakyat sekali gus memberitahu secara jelas tentang tawaran PH untuk menghapuskan GST sekiranya PH memerintah.

PROMOSI TERBARU!!

JOM IKLAN DENGAN AKHBAR AMANAH

SERENDAH (SATU MUKA) **RM 500**

TEMUI 50 RIBU PEMBACA ANDA SEKARANG

APA YANG ANDA AKAN DAPAT JIKA BERIKLAN DENGAN KAMI?

- 1) Mencapai pembaca sehingga ke Singapura, Sabah dan Sarawak.
- 2) Percuma akhbar **AMANAH** setiap keluaran.


BETULKAH SHAFEE
UNTUK TEMPAHAN ATAU MAKLUMAT LANJUT:
01132334322 (EN HAKIM)

10 Kemerdekaan negara
diperjuang pelbagai kaum



13 Kembalikan kuasa Majlis
Angkatan Tentera

14 Gantung rancangan
pengkorporatan Kastam

PP18978/03/2016(034450)

Amanah

BIL 86 | 21 - 27 JANUARI 2018

APA JANJI FELDA?

APAKAH sebenarnya yang dijanjikan Felda sebagai balasan selepas Synergy Promenade Sdn Bhd memulangkan semula tanah di Jalan Semarak kepada Felda kini menjadi tanda tanya.

Yang pasti, syarikat itu dibenar meneruskan projek Kuala Lumpur Vertical City (KLVC) pada hal Pengerusi Felda Tan Sri Shahrir Samad pada 21 Disember 2017 mengumumkan bahawa Lembaga Pengarah Felda yang bermesyuarat pada 15 Disember 2017 memutuskan untuk tidak lagi meneruskan projek KLVC itu.

"Amat menghairankan bagaimana Synergy Promenade boleh menyerahkan semula hakmilik tanah tersebut dengan mudah," kata Persatuan Anak Peneroka Felda (Anak) dan Pemuda Pakatan Harapan dalam satu kenyataan mereka.

→ **Laporan penuh muka 9**



Mula-mula media pro BN kata tanah tapak projek ini hilang dari Felda. Lepas itu serah balik. Apa sebenarnya janji Felda kepada syarikat itu kini menjadi persoalan.



Taklimat khas presiden AMANAH

PRESIDEN AMANAH Haji Mohamad Sabu memberikan taklimat khas kepada pimpinan negeri di Wisma Amanah Negara baru-baru ini.

Taklimat tertutup yang dikendalikan oleh Setiausaha Agung Mohd Anuar Tahir ini antara lain sebagai sebahagian persiapan Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) yang dijadual diadakan dalam masa terdekat.

Selain mendengar taklimat daripada Presiden AMANAH Mohamad Sabu, peserta turut diberi peluang berkongsi pandangan dan bertanya soalan kepada pimpinan.

Turut hadir termasuk Timbalan Presiden Salahuddin Ayub, Pengarah Komunikasi Khalid Abdul Samad serta Pengarah Pilihan Raya Mohd Hatta Ramli.



- HANDMADE
- NO HARMFUL CHEMICALS
- PARABEN FREE
- HALAL

Contact Info:
TEL: +6013 754 9335
EMAIL: drolivebodycare@gmail.com
WEBSITE: www.drolivebodycare.wixsite.com/drolivebodycare

OTHER PRODUCTS:

SOAP
BODYSCRUBS
SERUMS
DEODORANT
SUNSCREEN
TEA
SUPPLEMENTS

